# NOTA LENGKAP

# Tasawwur Islam Tingkatan 5

**Berdasarkan Sukatan KBSM**

**Meliputi semua tajuk**

**Soalan topikal pada setiap tajuk**

Safaee b. Zakaria

# BAB1 EKONOMI ISLAM


## PELAJARAN 1 – ISLAM DAN HARTA

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Harta amanah Allah | 3 |
| Unit 2 | Memperoleh dan membelanjakan harta | 16 |

## PELAJARAN 2 – ISLAM DAN HAK MILIK

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Islam mengiktiraf hak milik | 26 |
| Unit 2 | Larangan mencerobohi harta | 38 |

## PELAJARAN 3 – ISLAM DAN PEKERJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Galakkan bekerja | 43 |
| Unit 2 | Bekerja kerana Allah | 55 |

## PELAJARAN 4 - FALSAFAH DAN SISTEM MUAMALAH ISLAM

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Pengertian dan sistem muamalah Islam | 61 |
| Unit 2 | Kepentingan Muamalah Islam | 67 |
| Unit 3 | Jenis-jenis muamalah | 74 |

# BAB 2 FALSAFAH PERUNDANGAN ISLAM

## PELAJARAN 5 – PERUNDANGAN ISLAM

| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Pengertian perundangan Islam Dan falsafah | 87 |
| Unit 2 | Pengertian qadha, fikah, Ijtihad dan fatwa | 96 |
| Unit 3 | Matlamat perundangan Islam | 108 |
| Unit 4 | Pengertian hukum harus, wajib Haram, sunat dan makruh | 119 |

## PELAJARAN 6 – FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM


| | | |
|---|---|---|
| Unit 1 | Pengertian ibadat | 132 |
| Unit 2 | konsep dan falsafah ibadat | 143 |
| Unit 3 | Munakahat | 150 |
| Unit 4 | falsafah jenayah | 160 |


## BAB 3 PENYELESAIAN MASALAH


| | | |
|---|---|---|
| PELAJARAN 7 – | Asas dan pertimbangan penyelesaian Masalah menurut islam | 174 |
| PELAJARAN 8 - | Cara penyelesaian masalah | 182 |
| PELAJARAN 9 - | Isu masalah dan cara penyelesaian Menurut islam | 192 |
| PELAJARAN 10 – | Kelebihan penyelesaian masalah Menurut Islam | 208 |

# PELAJARAN 1 ISLAM DAN HARTA
# UNIT 1 : HARTA AMANAH ALLAH

## Pengertian Harta

Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia. Harta boleh dimiliki oleh setiap manusia melalui usaha dan ikhtiar mereka sendiri.

**Harta terbahagi kepada**

1. **Harta Boleh Alih** — Seperti wang, kereta dan saham
2. **Harta Tidak Boleh Alih** — Seperti Bangunan, tanah dan ladang

**Konsep harta menurut Islam**

- Harta adalah milik mutlak Allah SWT
- Harta merupakan amanah Allah SWT kepada manusia untuk diuruskan dengan cara yang telah ditetapkan oleh-Nya.
- Harta yang cukup syarat-syaratnya mestilah ditunaikan haknya, seperti mengeluarkan zakat dan menunaikan haji.
- Harta merupakan ujian dari Allah SWT kepada manusia untuk menentukan tahap keimanan mereka
- Harta mesti dicari dan dibelanjakan secara halal
- Pengurusan harta mestilah dilakukan dengan cara yang jujur dan adil


Sebab Harta Amanah Allah
Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya, seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT
Supaya manusia tidak terlalu sombong dengan harta yang dimilikinya
Supaya manusia tidak menggunakan harta yang di miliki secara membazir
Supaya manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari harta
Sebab Islam Menuntut Supaya mencari harta secara Halal
Mengelakkan daripada penindasan dan penganiayaan seperti mendapatkan harta melalui riba, monopoli dan sebagainya
Untuk mengelakkan permusuhan dan perbalahan semasa mendapatkan
Untuk mengelakkan permusuhan dan perbalahan semasa mendapatkan harta, contohnya melalui manipulasi

## Kesan memperoleh harta secara halal kepada akhlak manusia

- ✓ Hidup manusia akan menjadi tenang dan bahagia
- ✓ Hartanya akan diberkati oleh Allah SWT
- ✓ Di kasihi dan dihormati oleh anggota masyarakat
- ✓ Jiwa manusia sentiasa tenang

## Cara Menguruskan Harta

- Menunaikan hak yang wajib terhadap harta seperti zakat dan menafkahkan harta kepada ibu bapa dan keluarga
- Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai seperti membina kemudahan awam
- Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir
- Melaksanakan tanggungjawab sosial yang dapat mewujudkan perpaduan di kalangan manusia seperti sedekah, derma dan wakaf

## Kebaikan menguruskan harta secara Islam

- Mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat
- Dapat memupuk semangat persaudaraan sesama manusia
- Memperoleh harta dengan cara yang diredai oleh Allah SWT
- Mendapat keredaan Allah SWT

# Ujian Allah Terhadap pemilik harta

**Terhadap Keluarga**

1. Harta musnah dalam kebakaran
2. Hidup sentiasa berada dalam ketakutan.
3. Lalai untuk menunaikan ibadat wajib, seperti solat, haji, zakat dan sebagainya

**Terhadap Masyarakat**

1) Berlakunya bencana alamyang merosakkan harta mereka, seperti banjir, kemarau dan sebagainya
2) Tercetusnya peperangan yang memusnahkan harta benda dan nyawa
3) Berlakunya huru hara yang menggangu urusan perniagaan mereka

**Terhadap Negara**

1. Berlakunya kemelesetan ekonomi yang meruntuhkan sistem kewangan negara.
2. Berlakunya perbuatan sabotaj keatas ekonomi negara.
3. Tersebarnya wabak penyakit yang memusnahkan harta
4. Berlakunya inflasi dalam negara

# Perbelanjaan harta yang dilarang oleh Islam

**Membelanjakan harta kepada perkara maksiat**

Membelanjakan harta kepada perkara yang dilarang oleh Islam, seperti berjudi, minum arak, kepada hiburan yang melalaikan dan sebagainya

**Membazir - Boros atau kedekut**

## BOROS

Membelanjakan harta secara berlebih-lebihan kepada perkara yang tidak berfaedah dan sia-sia

**Sebab Islam melarang perbuatan boros**

- Menyebabkan perbelanjaan tidak seimbang
- Berlakunya pembaziran
- Terpaksa berhutang untuk mencukupkan perbelanjaan
- Hidup tidak tenteram kerana kesempitan wang

## KEDEKUT

Sayang untuk membelanjakan harta yang dimiliki dengan sebaik-baiknya untuk keperluan sara hidup diri dan keluarga

**Sebab Islam melarang perbuatan kedekut**

- Merenggangkan hubungan silaturahim antara golongan kaya dengan miskin
- Nasib golongan miskin tertindas dan tidak terbela dengan sewajarnya
- Menimbulkan perasaan hasad dengki dan pergaduhan dalam masyarakat

## Kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta

- **Harta semakin berkembang dan bertambah**
- **Pemilik harta mendapat kebahagiaan didunia dan akhirat**
- **Pemilik harta mendapat ketenangan dan ketenteraman jiwa**
- **Pemilik harta akan di hormati dan menjadi teladan kepada masyarakat**

## KEBURUKAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA

### Terhadap Individu

1. **Harta menjadi semakin berkurangan**
2. **Sering mengalami kesempitan wang**
3. **Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri**

### Terhadap Masyarakat

1. **Timbul hasad dengki dan permusuhan dalam masyarakat**
2. **Golongan miskin akan tersisih**
3. **Terhapusnya semangat tolong menolong**

### Terhadap Negara

1. **Berlakunya inflasi dalam negara**
2. **Berlakunya kemelesetan ekonom**
3. **Negara tidak harmoni**

# Contoh pengabaian tanggungjawab terhadap harta

## 1. Mendapatkan harta dengan cara yang haram

### MENIPU DALAM PERNIAGAAN

1. Menipu, seperti manipulasi dalam perniagaan
2. Monopoli

### MELAKUKAN PENINDASAN

1. Mencuri / merompak
2. Riba

### PECAH AMANAH

1. Menyalahgunakan kuasa
2. untuk mendapatkan harta
3. Rasuah

## 2. Membelanjakan harta dengan cara yang dilarang

### BELANJA KEARAH MAKSIAT

1. Berjudi
2. Minum arak
3. Belanja ke disko dan
4. sebagainya

### TIDAK MENGGUNAKAN HARTA DENGAN BAIK

1. Kedekut
2. boros

### BELANJA KEPADA PERKARA YANG SIA - SIA

1. Berjoli
2. Berhibur secara keterlaluan
3. Membazir

## PELAJARAN 1 UNIT 1 : HARTA AMANAH ALLAH

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Berikut merupakan kenyataan tentang pengertian harta **kecuali**
A Boleh dimiliki oleh setiap manusia
B Memberi manfaat kepada pemiliknya
C Menjadi matlamat mutlak hidup manusia
D Memberi perlindungan dan keselesaan kepada pemiliknya

2 Harta yang dicari dikira sebagai ibadat apabila
I Mencarinya ketika lapang
II Daripada sumber yang halal
III Ibadat fardhu tidak ditinggalkan
IV Memanfaatkan alam untuk kepentingan diri

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D II dan IV

3 Umat Islam dituntut mencari harta secara halal untuk
I Menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat
II Mengelakkan penindasan dan penganiayaan
III Mengumpul wang sekadar yang mampu
IV Dipandang mulia oleh masyarakat

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D II dan IV

4

| |
|---|
| Menunaikan yang wajib terhadap harta |
| Melaksanakan tanggungjawab sosial |
| Memanfaatkan harta untuk kepentingan ramai |
| Membelanjakan harta secara berhemah |

Pernyataan di atas menerangkan tentang

A Ujian kepada pemilik harta
B Kelebihan menguruskan harta
C Cara menguruskan harta
D Keperluan mencari harta

5 Harta yang dibelanjakan secara Islam menyebabkan
A Pungutan zakat berkurangan
B Pembangunan negara terjejas
C Pemiliknya dikenakan tindakan
D Kadar kemiskinan berkurangan

6 Berikut ialah kebaikan yang diperolehi apabila melaksanakan tanggungjawab terhadap harta **kecuali**
A Jiwa menjadi tenang
B Pemilik harta akan dihormati
C Harta yang ada akan bertambah
D Mudah mendapat apa yang diingini

7 Manakah pernyataan yang menggambarkan cara membelanjakan harta untuk keluarga?
A Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir
B Mengeluarkan zakat dan membayar cukai
C Membantu orang yang ditimpa bencana
D Bersedekah dan menderma

8 Peperangan yang berlaku memusnahkan harta dan mengorbankan jiwa manusia

Ujian terhadap pemilik harta di atas merujuk kepada
A Ujian terhadap negara
B Ujian terhadap individu
C Ujian terhadap keluarga
D Ujian terhadap masyarakat

9 Harta terbahagi kepada dua jenis
A Harta boleh alih dan harta tidak boleh alih
B Harta orang kaya dan harta orang miskin
C Harta kekal dan harta sementara
D Harta dunia dan harta akhirat

10 Manakah situasi yang menggambarkan cara memperolehi harta secara haram?
A Berkongsi perniagaan dengan orang bukan Islam
B Melabur dalam saham berasaskan spekulasi
C Membuka kedai runcit hingga larut malam
D Menanam pokok

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 11 hingga 19**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Untuk kegunaan Pemeriksa | No. | Pernyataan | |
|---|---|---|---|
| 1 | 11 | Harta merupakan milik mutlak Allah s.w.t. | |
| 1 | 12 | Pengurusan harta boleh dibuat mengikut cara sendiri | |
| 1 | 13 | Harta mesti diuruskan dengan memanfaatkannya untuk kepentingan umum | |
| 1 | 14 | Memelihara dan memulihara sumber alam ialah satu cara pengurusan harta berkesan | |
| 1 | 15 | Allah s.w.t menguji manusia dengan harta | |

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Untuk kegunaan Pemeriksa | No. | Pernyataan | |
|---|---|---|---|
| 1 | 16 | Memiliki harta merupakan fitrah manusia | |
| 1 | 17 | Menipu, mencuri dan monopoli merupakan sumber harta yang haram | |
| 1 | 18 | Meninggalkan ibadat fardhu semasa mencari harta dikatakan satu ibadat | |
| 1 | 19 | Pemilikan harta secara halal oleh individu diberkati oleh Allah s.w.t | |

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

| | |
|---|---|
| X | Sumber harta yang halal |

| | |
|---|---|
| Y | Sumber harta yang haram |

| Markah | No. | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | | | |
| | 20 | Kegiatan pertanian dan penternakan khinzir | |
| 1 | 21 | Perkhidmatan membersihkan tangki najis | |
| 1 | 22 | Bekerja di kilang atau kedai arak | |
| 1 | 23 | Mengurangkan ukuran kain yang dibeli oleh pelanggan | |
| 1 | 24 | Jualan hasil kraftangan batik dan songket | |

**Rajah di bawah mengenai hak milik dalam Islam.**




25 **X ialah Hak Milik** ____________________________. 1

26 **Y ialah Hak Milik** ____________________________. 1

Carta di bawah menunjukkan cara memperolehi harta. Anda dikehendaki melengkapkan carta mengikut jawapan yang sesuai




27 P : ____________________

Berikan contoh-contoh bagi :

28 Q : ____________________

29 R : ____________________

30 S : ____________________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Jelaskan konsep harta mengikut perspektif Islam.

2 Nyatakan sebab manusia disuruh mencari harta secara halal.

3 Bagaimanakah cara menguruskan harta menurut Islam?

4 Nyatakan dua bentuk ujian terhadap orang yang berharta.

5 Terangkan dua sebab mengapa Allah s.w.t menguji manusia dengan harta.

6 Mengapakah Islam menggalakkan umatnya mencari harta?

7 Nyatakan dua sumber harta yang halal dan haram.

8 Nyatakan dua langkah mendapatkan harta secara halal.

9 Senaraikan dua kesan memperoleh harta secara halal kepada individu dan masyarakat.

10 Huraikan cara membelanjakan harta agar diredhai Allah s.w.t

11 Apakah yang dimaksudkan dengan pembaziran harta?

12 Mengapakah Islam menghalang umatnya membazir?

13 Huraikan kesan pembaziran terhadap ekonomi negara.

14 Mengapakah umat Islam masih melakukan pembaziran walaupun mengetahui perbuatan tersebut dilarang oleh Allah s.w.t

15 Bagaimanakah kita dapat mencegah perbuatan membazir?

16 Jelaskan **dua** cara mensyukuri nikmat Allah s.w.t.

17 Nyatakan **dua** akibat jika tidak mensyukuri nikmat harta.

18 Jelaskan kepentingan harta terhadap pembangunan negara.

19 Nyatakan **tiga** kesan yang ditanggung oleh masyarakat sekiranya pengabaian tanggungjawab terhadap harta.

20 Mengapakah harta begitu penting dalam membangunkan negara?

# PELAJARAN 1 UNIT 2
# MEMPEROLEH DAN MEMBELANJAKAN HARTA

## Tuntutan mencari harta

Islam menggalakkan umatnya mencari harta berdasarkan sebab-sebab tertentu, antaranya

1. Memiliki harta merupakan fitrah semulajadi manusia
2. Harta dapat digunakan untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga
3. Harta yang dimiliki dapat digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti membantu golongan yang fakir dan miskin
4. Harta dapat mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam
5. Harta dapat digunakan untuk menunaikan ibadat kepada Allah SWT seperti menunaikan haji dan zakat.

## Sumber harta yang halal dan Haram

- Harta yang diperoleh melalui perniagaan yang dibenarkan oleh syarak dan undang-undang negara dan tidak mengandungi unsur-unsur penipuan, perjudian, penganiayaan dan rasuah.
- Harta yang diperolehi daripada hasil pertanian, penternakan, dan perikanan yang dihalalkan
- Harta yang diperolehi melalui hasil pertukangan dan seni yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
- Harta yang diperolehi melalui pekerjaan yang halal samada dalam sektor swasta atau kerajaan, seperti menjadi doktor, guru, peguam, buruh kasar dan sebagainya.
- Harta yang diperolehi melalui perkhidmatan yang diakui oleh syarak seperti perkhidmatan kaunseling, runding cara dan sebagainya.

- Harta yang diperoleh melalui perniagaan yang mengandungi unsur-unsur penipuan, perjudian, penganiayaan dan rasuah, monopoli dan sebagainya
- Harta yang diperolehi secara zalim dan kekerasan, seperti merompak, mencuri, meragut dan sebagainya
- Harta yang diperolehi melalui penindasan keatas orang lain, seperti melalui riba, pecah amanah dan sebagainya.
- Harta yang diperolehi melalui hasil barangan atau perkhidmatan yang haram, seperti menjual arak, dadah, khinzir, menjual patung dan sebagainya
- Harta yang diperolehi melalui perkhidmatan yang tidak diakui oleh syarak seperti menilik nasib, bekerja ditempat-tempat hiburan yang melalaikan seperti disko dan pengurusan riba seperti ceti haram dan sebagainya.

# Langkah memperoleh harta secara halal

- Melakukan pekerjaan dengan ikhlas
- Menceburi bidang pekerjaan yang halal
- Mengamalkan akhlak yang mulia semasa melakukan pekerjaan
- Menjaga ibadat semasa melakukan pekerjaan

Pemilikan harta dikira sebagai ibadat, jika :-

# Pemilikan harta dikira sebagai ibadat, jika :-

- Harta yang dimikili daripada sumber yang halal
- Harta yang dimiliki dengan cara yang halal dan menepati kehendak syarak
- Mencari harta dengan niat kerana Allah SWT Tidak meninggalkan ibadat fardu semasa mencari harta.
- Pengurusan harta dilakukan secara halal.

# Cara memperoleh harta secara halal dan haram

**secara halal**

- Berniaga secara jujur dan tidak menipu
- Bekerja makan gaji seperti menjadi doktor, jurutera,arkitek dan sebagainya
- Melabur dalam saham-saham yang berteraskaan Islam
- Bekerja sendiri seperti bertani bertukang dan sebagainya

**Cara memperoleh harta secara**

- Memperolehi harta dengan cara penipuan dalam perniagaan seperti, manipulasi dan sebagainya
- Memperolehi harta dengan cara penindasan dan menganiayai orang lain, seperti riba dan monopoli
- Memperolehi harta melalui aktiviti yang haram, seperti menjual dadah, menyeludup barangan dan menerima rasuah
- Memperolehi harta secara kekerasan dan zalim, seperti merompak,mencuri dan sebagainya

# Kesan memperoleh harta secara halal dan haram

## HALAL

### Individu

1. Hartanya diberkati oleh Allah SWT
2. Hidup menjadi aman dan tenteram
3. Diri dan keluarga akan di sanjung dan di sayangi oleh masyarakat

### Masyarakat

1. Masyarakat hidup dalam aman dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain
2. Masyarakat tidak mengamalkan perbuatan menipu, menindas, dan menzalimi orang lain
3. Perpaduan masyarakat menjadi lebih kukuh

### Negara

1. Negara berada dalam keadaan aman dan damai
2. Ekonomi negara berkembang dengan pesat
3. Negara mendapat kepercayaan pelabur asing

## HARAM

### Individu

- Hartanya tidak diberkati oleh Allah SWT
- Hidup tidak tenang dan sering mengalami masalah
- Diri dan keluarga akan di sisih oleh masyarakat

### Masyarakat

- Berlaku penindasan dan penipuan dalam masyarakat
- Hilang rasa hormat dalam kalangan masyarakat
- Masyarakat berpecah belah

### Negara

- Negara berada dalam keadaan huru hara
- Ekonomi negara akan runtuh dan menjadi lemah
- Pelabur asing akan takut melabur dalam negara

# Tanggungjawab manusia terhadap Harta

- Membelanjakan harta kejalan yang halal
- Mengeluarkan zakat harta
- Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir
- Melakukan ibadat kepada Allah SWT dengan harta
- Menafkahkan harta kepada ibu bapa dan keluarga

## Tanda bersyukur dengan harta

- Memperoleh harta dengan cara yang diredai oleh Allah SWT
- Membelanjakan harta dengan berhemat, tanpa membazir atau kedekut
- Membantu golongan yang memerlukan pertolongan seperti orang miskin dan orang yang di dalam kesusahan
- Mengeluarkan zakat

## Cara membelanjakan harta

### Terhadap Keluarga

1. Menyara diri dan keluarga untuk pelbagai keperluan, seperti makanan, pakaian dan sebagainya
2. Menafkahkan harta kepada orang dibawah tanggungan, seperti ibu bapa dankaum keluarga.
3. Membelanjakan harta dengan berhemat tanpa melakukan pembaziran

### Terhadap Masyarakat

1. Membelanjakan harta untuk kebajikan umum, seperti menderma dan membantu orang yang tidak berkemampuan
2. Membantu institusi pembangunan masyarakat, seperti masjid, sekolah, hospital dan sebagainya
3. Membantu meringankan beban orang yang ditimpa bencana, seperti kebakaran, banjir , tanah runtuh, berpenyakit kritikal dan sebagainya.

### Terhadap Negara

1. Melaburkan wang untuk memajukan ekonomi negara
2. Mengeluarkan zakat dan membayar cukai
3. Melaburkan wang untuk menyediakan kelengkapan tentera bagi mempertahankan negara

## Perbelanjaan harta yang dilarang oleh Islam

### Membelanjakan harta kepada perkara maksiat

Membelanjakan harta kepada perkara yang dilarang oleh Islam, seperti berjudi, minum arak, kepada hiburan yang melalaikan dan

### Membazir - Boros atau kedekut

**KEDEKUT**

Sayang untuk membelanjakan harta yang dimiliki dengan sebaik-baiknya untuk keperluan sara hidup diri dan keluarga

**Sebab Islam melarang perbuatan kedekut**

- Merenggangkan hubungan silaturahim antara golongan kaya dengan miskin
- Nasib golongan miskin tertindas dan tidak terbela dengan sewajarnya
- Menimbulkan perasaan hasad dengki dan pergaduhan dalam masyarakat

**BOROS**

Membelanjakan harta secara berlebih-lebihan kepada perkara yang tidak berfaedah dan sia-sia

**Sebab Islam melarang perbuatan boros**

- Menyebabkan perbelanjaan tidak seimbang
- Berlakunya pembaziran
- Terpaksa berhutang untuk mencukupkan perbelanjaan
- Hidup tidak tenteram kerana kesempitan wang

## Kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta

- Harta semakin berkembang dan bertambah
- Pemilik harta mendapat kebahagiaan didunia dan akhirat
- Pemilik harta mendapat ketenangan dan ketenteraman jiwa
- Pemilik harta akan di hormati dan menjadi teladan kepada masyarakat

## KEBURUKAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA

**Terhadap Individu**

2. **Harta menjadi semakin berkurangan**
3. **Sering mengalami kesempitan wang**
4. **Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri**

**Terhadap Masyarakat**

1. **Timbul hasad dengki dan permusuhan dalam masyarakat**
2. **Golongan miskin akan tersisih**
3. **Terhapusnya semangat tolong menolong**

**Terhadap Negara**

1. **Berlakunya inflasi dalam**
2. **negara**
3. **Berlakunya kemelesetan**
4. **ekonom**
5. **Negara tidak harmoni**

### Hikmah Islam menuntut membelanjakan harta

- Dapat memenuhi keperluan peribadi dan keluarga
- Dapat membangun dan memajukan ekonomi negara
- Supaya harta tidak berlegar di kalangan orang kaya sahaja
- Supaya dapat mengeratkan perhubungan dan perpaduan di kalangan manusia

### Kepentingan harta kepada pembangunan negara

- Harta dapat digunakan untuk memajukan sektor ekonomi
- Dapat dijadikan modal untuk memulakan perniagaan
- Dapat meningkatkan taraf pendidikan rakyat dengan membina pusat kemahiran dan pusat pengajian tinggi

## PELAJARAN 1 Unit 2 : MEMPEROLEH DAN MEMBELANJAKAN HARTA

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Apakah yang dimaksudkan dengan harta wakaf?
- A Harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama Islam
- B Pemberian seseorang kepada orang lain untuk kegunaan orang tertentu
- C Rumah yang telah usang yang mempunyai penghuni yang ramai
- D Tempat berhenti atau berehat di tepi sungai atau pantai

2 Apakah kesan yang dihadapi oleh masyarakat jika memperoleh harta secara haram?
- A Pelabur takut untuk melabur dalam negara
- B Harta tidak diberkati Allah s.w.t
- C Masyarakat tidak bersatu padu
- D Ekonomi negara runtuh

3 Manakah pernyataan yang menggambarkan cara membelanjakan harta untuk keluarga?
- A Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir
- B Mengeluarkan zakat dan membayar cukai
- C Membantu orang yang ditimpa bencana
- D Bersedekah dan menderma

4 Manakah situasi yang menggambarkan cara memperolehi harta secara haram?
- A Berkongsi perniagaan dengan orang bukan Islam
- B Melabur dalam saham berasaskan spekulasi
- C Membuka kedai runcit hingga larut malam
- D Menanam pokok

5 Antara yang berikut yang manakah sumber harta yang dibenarkan menurut Islam ?
- A Pelaburan dalam perbankan konvensional
- B Habuan pertaruhan dalam permainan sukan
- C Hadiah peraduan mereka cipta fesyen pakaian
- D Pembekalan bahan mentah ke kilang minuman keras

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 16 hingga 34**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

| | |
|---|---|
| X | Sumber harta yang halal |

| | |
|---|---|
| Y | Sumber harta yang haram |

| Markah | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 6 | Kegiatan pertanian dan penternakan khinzir | |
| 1 | 7 | Perkhidmatan membersihkan tangki najis | |
| 1 | 8 | Bekerja di kilang atau kedai arak | |
| 1 | 9 | Mengurangkan ukuran kain yang dibeli oleh pelanggan | |
| 1 | 10 | Jualan hasil kraftangan batik dan songket | |

Carta di bawah menunjukkan cara memperolehi harta. Anda dikehendaki melengkapkan carta mengikut jawapan yang sesuai




11 P : ____________________

Berikan contoh-contoh bagi :

12 Q : ____________________

13 R : ____________________

14 S : ____________________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Nyatakan dua sumber harta yang halal dan haram.

2 Nyatakan dua langkah mendapatkan harta secara halal.

3 Senaraikan dua kesan memperoleh harta secara halal kepada individu dan masyarakat.

4 Huraikan cara membelanjakan harta agar diredhai Allah s.w.t

5 Apakah yang dimaksudkan dengan pembaziran harta?

6 Mengapakah Islam menghalang umatnya membazir?

7 Huraikan kesan pembaziran terhadap ekonomi negara.

8 Mengapakah umat Islam masih melakukan pembaziran walaupun mengetahui perbuatan tersebut dilarang oleh Allah s.w.t

9 Bagaimanakah kita dapat mencegah perbuatan membazir?

10 Jelaskan **dua** cara mensyukuri nikmat Allah s.w.t.

11 Nyatakan **dua** akibat jika tidak mensyukuri nikmat harta.

12 Jelaskan kepentingan harta terhadap pembangunan negara.

13 Nyatakan **tiga** kesan yang ditanggung oleh masyarakat sekiranya pengabaian tanggungjawab terhadap harta.

14 Mengapakah harta begitu penting dalam membangunkan negara?

# PELAJARAN 2 : ISLAM DAN HAK MILIK
# UNIT 1 ISLAM MENGIKTIRAF HAK MILIK

## Pengertian Hak Milik

Sesuatu harta yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk di miliki dan dimanfaatkan seperti, rumah, tanah, wang ringgit dan sebagainya.

## Hak Milik dalam Islam

**Hak Milik Peribadi**
- Iaitu hak milik khusus bagi seseorang individu seperti rumah, kereta dan sebagainya

**Hak Milik Umum**
- Iaitu hak milik yang dikhususkan untuk kepentingan awam seperti jalan raya, sungai, dan sebagainya

**Hak Milik Negara**
- Iaitu harta yang menjadi hak milik semua warganegara secara bersama seperti sekolah, pejabat kerajaan hospital dan sebagainya

## Kepentingan Hak Milik Harta

- Supaya mendorong manusia berusaha dengan bersungguh- sungguh untuk mendapatkan harta
- Untuk mengetahui kemampuan dan penguasaan seseorang terhadap harta yang dicarinya
- Manusia dapat menguruskan harta yang di miliki mengikut kehendak mereka sendiri tanpa perlu meminta izin daripada sesiapa.

## Bukti Islam menggalakkan Umatnya memiliki seberapa Banyak Harta

Dengan memiliki harta yang banyak umat Islam akan dapat :
- Melakukan ibadat haji dan zakat dengan mudah
- Membantu golongan fakir miskin dan orang yang memerlukan bantuan dengan mudah
- Menyediakan keperluan asas kepada diri dan keluarga
- Mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam
- Meningkatkan taraf hidup umat Islam

# Konsep Kebebasan Dalam Pemilikan Harta

**Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk memiliki harta. Walaubagaimanapun harta yang di miliki mesti memenuhi konsep pemilikan harta dalam Islam. Antara Konsep tersebut Ialah :**

- **Harta yang di miliki mestilah diperolehi dengan cara yang tidak bertentangan dengan kepentingan awam seperti merompak, mencuri rasuah dan sebagainya**
- **Harta yang di miliki mestilah di perolehi dengan cara yang halal dan di akui oleh syarak samada dengan bekerja sendiri atau makan gaji**
- **Harta yang menjadi milik awam tidak boleh dijadikan milik peribadi seperti sungai, pantai, udara dan sebagainya.**

## Cara Pemilikan Harta oleh Individu

- **Melalui pekerjaan yang halal**
- **Melalui pewarisan**
- **Melalui pemberian daripada kerajaan kepada rakyat**
- **Melalui harta yang dipindahkan secara percuma seperti melalui, wasiat, hibah, hadiah dan mas kahwin( bagi perempuan )**

Harta yang di milik tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya, tetapi mestilah digunakan mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, Antaranya :

Harta mestilah dibelanjakan secara berhemat dan tidak membazir

Harta yang dimiliki mestilah dikembang dengan cara yang dibenarkan oleh syarakseperti melabur dansebagainya

Menunaikan tuntutan dan kewajipan terhadap harta seperti berzakat dan sebagainya

### Hak yang mesti ditunaikan keatas harta

Hak keatas pemiliknya seperti memenuhi keperluan diri dan keluarga

Hak keatas orang lain seperti mengeluarkan zakat sedekah, derma dan sebagainya

Hak keatas negara seperti membayar cukai, derma untuk pendidikan dan pembangunan negara

## Sebab Manusia diberi kebebasan untuk memiliki Harta

**Fitrah Semulajadi Manusia**

Allah SWT telah mencipta manusia dangan sifat gemarkan kepada harta kekayaan

**Perantaraan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan**

Manusia dapat menggunakan harta yang di miliki untuk memenuhi keperluan dan keselesaan hidup di dunia dan beribadat kepada Allah SWT untuk kebahagiaan di akhirat

**Memberi ketenangan dan keselesaan hidup di dunia**

Manusia yang mempunyai harta yang banyak akan dapat hidup dengan tenang dan gembira

**Galakan untuk manusia bekerja dengan bersungguh-sungguh**

Allah SWT menggalakkan manusia supaya bekerja dengan bersungguh-singguh supaya tidak di belenggu oleh kemiskinan

## Peranan Harta dalam kehidupan Manusia

**Harta sebagai alat untuk merapatkan hubungan sesama manusia. Contohnya dengan mengeluarakan sedekah atau derma akan mengeratkan hubungan antara golongan miskin dengan kaya**

**Harta sebagai alat untuk beribadat kepada Allah SWT seperti menunaikan ibadat Haji, Zakat dan sedekah**

**Harta sebagai alat untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan memenuhi segala keperluan hidup dengan sempurna**

**Harta sebagai alat untuk menambahkan ilmu pengetahuan**

## Amalan yang dianggap melanggar Hak Milik Dalam Islam

Menggunakan harta dengan cara yang melanggar peraturan syarak seperti membazir

Mengawal pengeluaran dan pemasaran sesuatu barangan atau perkhidmatan seperti monopoli

Mendapatkan keuntungan dengan cara menipu sukatan atau timbangan seperti melakukan manipulasi dalam perniagaan

Menceroboh harta atau sesuatu yang menjadi milik orang lain seperti mencuri atau merompak

## Sebab adanya Batasan Hak Milik Harta Dalam Islam

- Untuk mengelakkan manusia daripada berasa sombong dan terlalu mencintai harta
- Menyedarkan manusia bahawa di dalam harta mereka, terdapat hak orang lain yang mesti dikeluarkan, seperti hak orang miskin, anak yatim dan kaum keluarga
- Untuk menjadikan manusia sentiasa bersyukur dan tidak terlalu kecewa jika harta mereka diperlukan unutk kepentingan awam seperti pembinaan hospital, sekolah dan sebagainya.

## Bukti Harta adalah milik sementara yang diamanahkan kepada manusia

1. Harta adalah sumber ciptaan Allah SWT
2. Harta merupakan ujian daripada Alllah s.w.t kepada manusia
3. Pengurusan harta secara adil dan mengikut hukum Allah SWT adalah
4. merupakan satu ibadat
5. Mencari dan membelanjakan harta mestilah mengikut peraturan Islam

## Kesan jika ketiadaan hak milik

- Manusia menjadi malas untuk berusaha kerana merasakan hartanya akan dirampas oleh pihak lain
- Manusia tidak bebas untuk mengguna dan memanfaatkan harta yang dimilikinya
- Harta yang di miliki tidak akan dapat di warisi oleh pewaris mereka.

## Golongan Yang tidak layak menguruskan hartanya sendiri

### Kanak-kanak

**Sebab**

Kanak-kanak tidak layak menguruskan harta warisannya kerana mereka belum mencapai tahap kematangan berfikir dan tidak dapat membezakan antara kebaikan dengan keburukan sesuatu tindakan mereka. Apabila mereka telah dewasa dan berkebolehan untuk menguruskan hartanya sendiri, harta tersebut hendaklah diserahkan kepada mereka

### Anak Yatim

**Sebab**

Anak yatim tidak layak menguruskan harta warisannya sebelum kerana mereka belum mencapai umur dewasa. Apabila mereka telah dewasa dan berkebolehan untuk menguruskan hartanya sendiri, harta tersebut hendaklah diserahkan kepada mereka

### Orang Gila

**Sebab**

Mereka tidak layak menguruskan harta kerana tidak berkemampuan untuk membuat penilaian yang sempurna keatas harta mereka berasaskan kepada keutamaan

### Terencat akal/lemah akal

**Sebab**

Mereka tidak layak menguruskan harta kerana tidak mampu mengendalikan harta dengan baik. Pembaziran akan berlaku jika harta diserahkan kepada mereka tanpa di kawal.

## Cara Pengurusan Harta Milik Golongan Yang Tidak Berkemampuan

- Jika golongan tersebut mempunyai harta, seseorang yang boleh di percayai hendaklah di lantik sebagai pemegang amanah
- Pemegang amanah boleh membelanjakan harta tersebut sekadar memenuhi keperluan asas sahaja seperti pakaian, makanan dan keperluan lain.
- Pemegang amanah tidak boleh membazirkan harta tersebut kepada perkara-perkara yang tidak memberi manfaat
- Pemegang amanah mestilah menyerahkan harta tersebut apabila pemiliknya mampu menguruskan hartanya dengan baik

## PELAJARAN 2 UNIT 1: ISLAM MENGIKTIRAF HAK MILIK

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Berikan pengertian hak milik dalam Islam
A Memiliki sesuatu yang berharga
B Hak milik mutlak seseorang yang tidak boleh diambil
C Harta kurniaan Allah s.w.t untuk dimiliki dan dimanfaatkan
D Harta yang dikurniakan Allah s.w.t kepada semua makhluknya

2 Berikut ialah peranan harta dalam hidup manusia **kecuali**
A Alat untuk menikmati kehidupan mengikut cara yang diingini
B Menimbulkan kasih sayang dalam masyarakat
C Alat untuk merapatkan hubungan silaturrahim
D Menikmati keselesaan hidup

3 Berikut merupakan peranan harta **kecuali**
A Merapatkan hubungan sesama manusia
B Sebagai alat untuk beribadat
C Alat menikmati kehidupan
D Memenuhi tuntutan nafsu

4 Manusia diberi kebebasan untuk memiliki harta kerana
I Itulah fitrah manusia
II Telah bersusah payah mencari harta
III Harta perantaraan bagi kebahagiaan hidup
IV Menggalakkan manusia bekerja bersungguh-sungguh

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

5 Mengapakah manusia diberi kebebasan memiliki harta?
A Supaya boleh berbangga dengan kemewahan
B Kerana Allah s.w.t ciptakan fitrah manusia gemarkan harta
C Agar manusia dapat mencari harta dengan apa cara sekalipun
D Dapat menggunakan harta untuk keperluan dan keselesaan semata-mata

6

| Golongan yang tidak layak menguruskan harta | Sebab |
|---|---|
| X | Tidak mempunyai kemampuan untuk membuat penilaian yang sempurna |

X merujuk kepada
A Orang gila
B Anak yatim
C Kanak-kanak
D Orang terencat akal

7 Berikut ialah golongan yang tidak layak menguruskan hartanya sendiri
I Orang miskin
II Orang gila
III Orang yang lemah akal
IV Anak yatim yang masih kecil

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

8

| |
|---|
| Mengambil harta orang lain tanpa kebenaran |

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Monopoli harta
B Melaburkan harta
C Merosakkan harta
D Mencerobohi harta

9 Berikut adalah keburukan pencerobohan harta terhadap individu **kecuali**
A Tersisih daripada masyarakat
B Harta tidak diberkati Allah s.w.t
C Masyarakat hidup dalam ketakutan
D Menyuburkan sikap pentingkan diri sendiri

10 Hak yang wajib ditunaikan ke atas orang lain ialah
A Derma
B Cukai
C Zakat
D Keperluan keluarga

11 Pemilik harta secara individu dalam Islam ialah
A Melalui harta yang dipindah secara percuma seperti hibah
B Melalui harta yang menjadi hak milik awam
C Melalui wang pertambahan loteri
D Melalui wang zakat

12 Hak milik dalam Islam terbahagi kepada tiga
- A Hak milik peribadi, umum dan negara
- B Hak milik peribadi, keluarga dan negara
- C Hak milik peribadi, umum dan rakyat
- D Hak milik peribadi, umum dan khusus

13 Perbuatan yang merosakkan harta ialah
- A Membayar saman had laju
- B Menjelaskan cukai pendapatan
- C Melabur dalam saham spekulasi
- D Membeli belah keperluan keluarga

14

| En. X bekerja sebagai pemandu lori. Lori itu dipenuhi dengan barangan seludup. Akibat mengejar masa beliau tidak sempat menunaikan solat pada waktunya |
|---|

Situasi pekerjaan di atas mempunyai unsur
- I Haram
- II Melalaikan
- III Manipulasi
- IV Rasuah

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D II dan IV

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 15 hingga 32**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

Lengkapkan jadual di bawah




Nyatakan jawapan bagi

15 X : ______________

16 Y : ______________

Contoh X dan Y

17 X : ______________________

18 Y : ______________________

Lengkapkan jadual di bawah




Nyatakan jawapan bagi

19 X : __________________

20 Y : __________________

Carta di bawah adalah mengenai pengurusan harta




21 P : ____________________

22 Q : ____________________

23 R : ____________________

Carta di bawah adalah mengenai bentuk pencerobohan harta




Nyatakan bentuk pencerobohan

24 P : ____________________

Berikan contoh

25 Q : ____________________

26 R : ____________________

Lengkapkan pernyataan di bawah

27 Islam mengiktiraf __________________ di kalangan umatnya.

28 ______________ tidak layak menguruskan harta sehingga mencapai umur dewasa.

29 ____________ harta penting untuk mendorong manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari harta.

30 Membayar cukai dan menyumbang ke arah pembangunan negara dikenali sebagai ____________ ke atas negara.

31 Golongan _____________ tidak mampu mengurus harta kerana tidak mampu menilai dengan sempurna.

32 ____________ ialah bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan pertolongan bagi meneruskan kehidupan.

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Apakah yang dimaksudkan dengan hak milik menurut Islam ?

2 Nyatakan alasan yang menunjukkan bahawa Islam menggalakkan umatnya memiliki harta sebanyak mungkin.

3 Manusia tidak bebas sepenuhnya dalam memiliki harta. Apakah yang dimaksudkan dengan Allah s.w.t. membataskan manusia dalam memiliki harta?

4 Mengapakah Allah s.w.t membenarkan manusia memiliki harta?

5 Jelaskan konsep pemilikan harta menurut Islam.

6 Senaraikan peraturan yang perlu diikuti dalam pemilikan harta dalam Islam.

7 Huraikan dua sebab Islam membataskan hak milik dalam pemilikan harta.

8 Apakah implikasi yang akan berlaku sekiranya Islam tidak mengiktiraf hak pemilikan harta ?

9 Jelaskan bagaimanakah pemegang amanah boleh menguruskan harta golongan yang tidak berkemampuan ?

10 Nyatakan contoh pemilikan harta yang dilarang oleh Islam.

11 Jelaskan dua perkara yang merosakkan harta.

12 Senaraikan keburukan pencerobohan harta terhadap individu dan masyarakat.

13 Senaraikan punca manusia menceroboh harta.

14 Terangkan dua sebab Islam melarang menceroboh harta orang lain.

15 Kemukakan dua langkah untuk membendung pencerobohan harta.

16 Jelaskan tiga kesan yang akan ditanggung oleh masyarakat sekiranya berlaku pengabaian tanggungjawab terhadap harta.

# PELAJARAN 2
# UNIT 2 LARANGAN MENCEROBOHI HARTA

## Pengertian Mencerobohi Harta

Mencerobohi harta - bermaksud mengambil harta orang lain tanpa kebenaran yang sah disisi syarak. Contohnya mencuri, rasuah, merompak. menipu dan sebagainya

## Bentuk Pencerobohan Harta

- Mendapatkan harta dengan cara yang zalim dan tidak sah. Contohnya mencuri, menipu dan merompak
- Mengabaikan hak-hak yang wajib keatas harta seperti tidak mengeluarkan zakat
- Mendapatkan harta dengan cara pecah amanah. Contohnya penyalahgunaan kuasa, memberi dan menerima rasuah

### Mencuri/merompak

Mencuri ialah mengambil/ merampas harta orang lain tanpa kebenaran daripada pemiliknya yang sah

**Sebab Islam melarang perbuatan mencuri**

- Satu bentuk pencerobohan harta benda orang lain
- Boleh menimbulkan pergaduhan dan perbalahan dalam masyarakat
- Melahirkan masyarakat yang malas bekerja
- Masyarakat hidup dalam ketakutan

### Pecah amanah / rasuah

Perbuatan yang mensia-sia atau melanggar amanah yang telah diberikan

**Sebab Islam melarang perbuatan tersebut**

1. Hilangnya kepercayaan dan keyakinan kepada pelaku perbuatan tersebut
2. Wujudnya sifat pentingkan diri sendiri
3. Berlakunya permusuhan dan persengketaan dalam masyarakat
4. Berlakunya penindasan dan kezaliman

Sebab Islam melarang Pencerobohan harta

1. Akan melahirkan individu yang malas bekerja
2. Akan berlakunya perbuatan zalim keatas orang yang tidak bersalah
3. Terhapusnya sikap tolong menolong dan ukhuwah
4. Akan tercetusnya huru hara dalam masyarakat

Implikasi Islam melarang pencerobohan harta

1. Masyarakat hidup dalam keadaan aman
2. Perpaduan dan hubungan antara masyarakat lebih erat dan bersatu padu
3. Masyarakat bebas untuk mencari harta tanpa rasa takut
4. Kehidupan orang miskin dan kurang bernasib baik akan terbela

## Punca Pencerobohan Harta

1. Terpengaruh dengan kemewahan dunia
2. Tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar
3. Wujudnya perasaan tamak dan ingin cepat kaya tanpa melakukan usaha yang lebih

## Langkah membendung pencerobohan harta

1. Memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada masyarakat
2. Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keburukan pencerobohan harta
3. Menguatkuasakan undang-undang pencerobohan harta
4. Mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan pencerobohan harta
5. Memberi penerangan yang berterusan akan keburukan pencerobohan harta kepada masyarakat

# Keburukan pencerobohan harta

| INDIVIDU | MASYARAKAT | NEGARA |
|---|---|---|
| 1. Hartanya tidak diberkati oleh Allah SWT<br>2. Tersisih dalam masyarakat akibat perbuatan yang dilakukannya<br>3. Menimbulkan sikap mementingkan diri sendiri | 1. Menimbulkan perbalahan dan pergaduhan dalam masyarakat<br>2. Masyarakat hidup dalam ketakutan<br>3. Masyarakat menjadi malas untuk bekerja | 1. Negara menjadi huru hara<br>2. Ekonomi negara menjadi lemah<br>3. Kedaulatan negara terancam |

## Maksud merosakkan harta

Merosakkan harta bermaksud membelanjakan harta kepada perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat kepada pemiliknya atau orang lain. Contohnya membazir, boros dan kedekut

## Contoh dan perlakuan yang merosakkan harta

- Membelanjakan harta secara tidak berhemat seperti membazir
- Merosakkan kemudahan awam seperti perhentian bas, telefon awam sekolah, tandas awam dan sebagainya
- Kedekut untuk membelanjakan harta kepada perkara kebaikan
- Membelanjakan harta kepada perkara maksiat seperti minum arak, membeli dadah dan berjudi
- Membekukan wang yang dimiliki seperti menyimpan wang di rumah tanpa dilaburkan untuk mengiatkan ekonomi

## PELAJARAN 2 UNIT 2 : LARANGAN MENCEROBOHI HARTA

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1

| Mengambil harta orang lain tanpa kebenaran |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Monopoli harta
B Melaburkan harta
C Merosakkan harta
D Mencerobohi harta

2 Berikut adalah keburukan pencerobohan harta terhadap individu **kecuali**
A Tersisih daripada masyarakat
B Harta tidak diberkati Allah s.w.t
C Masyarakat hidup dalam ketakutan
D Menyuburkan sikap pentingkan diri sendiri

3 Hak yang wajib ditunaikan ke atas orang lain ialah
A Derma
B Cukai
C Zakat
D Keperluan keluarga

4 Perbuatan yang merosakkan harta ialah
A Membayar saman had laju
B Menjelaskan cukai pendapatan
C Melabur dalam saham spekulasi
D Membeli belah keperluan keluarga

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 5 hingga 7**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

Carta di bawah adalah mengenai bentuk pencerobohan harta




Nyatakan bentuk pencerobohan

5 P : ____________________

Berikan contoh

6 Q : ____________________

7 R : ____________________

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan merosakkan harta
2. Jelaskan punca berlakunya pencerobohan harta?
3. Jelaskan dua perkara yang merosakkan harta.
4. Senaraikan keburukan pencerobohan harta terhadap individu dan masyarakat.
5. Senaraikan punca manusia menceroboh harta.
6. Terangkan dua sebab Islam melarang menceroboh harta orang lain.
7. Kemukakan dua langkah untuk membendung pencerobohan harta.
8. Jelaskan tiga kesan yang akan ditanggung oleh masyarakat sekiranya berlaku pengabaian tanggungjawab terhadap harta.

# PELAJARAN 3 ISLAM DAN PEKERJAAN
## UNIT 1 GALAKAN BEKERJA

### Pengertian Pekerjaan Menurut Islam

**Pekerjaan menurut Islam ialah satu usaha yang dilakukan untuk mendapatkan wang atau harta dengan cara yang halal dan tidak bertentangan dengan hukum syarak.**

### Pandangan Islam Terhadap Pekerjaan

- **Sesuatu yang dipandang mulia oleh Islam**
- **Dikira sebagai ibadat jika mengikut lunas-lunas syarak**
- **Satu cara untuk melahirkan semangat tolong menolong**
- **Merupakan satu kewajipan yang mesti ditunaikan**
- **Islam telah menyediakan satu peraturan yang terperinci bagi mengatur bidang pekerjaan yang dikenali sebagai sistem muamalat**

### Tuntutan Bekerja Menurut Islam

Bekerja merupakan tanggungjawab setiap individu bagi memenuhi keperluan peribadi seperti menyara diri sendiri, keluarga dan tuntutan sosial seperti membangunkan ekonomi negara

Bekerja merupakan ibadat dalam Islam kerana, orang yang bekerja dikira telah menunaikan satu keperluan fardu ain, iaitu menyara kaum keluarga.

Bekerja akan memudahkan umat Islam menunaikan ibadat kepada Allah Allah SWT melalui harta, seperti zakat, bersedekah dan menderma.

Orang yang bekerja dipandang mulia dan disukai oleh Allah SWT dan RasulNya. sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “ Bahawa Allah SWT sangat mencintai orang mukmin yang suka bekerja keras dalam usaha mencari mata pencarian. “ Hadis riwayat Tabrani dan Baihaki.

# Kebaikan Bekerja Menurut Islam

Bekerja akan dapat memajukan diri seseorang dan keluarganya, melalui bekerja seseorang itu akan mendapat hasil yang dapat di gunakan untuk memajukan dirinya.

Melalui bekerja seseorang itu dapat hidup hasil daripada titik peluh sendiri tanpa perlu lagi meminta bantuan dan belas ehsan daripada orang lain.

Bekerja membolehkan seseorang itu mendapatkan wang bagi mencukupkan segala keperluan hidupnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.

# Matlamat Bekerja Menurut Islam

1. Untuk mencari rezeki yang halal bagi menyara diri dan keluarga
2. Untuk membangunkan dan memajukan ekono mi diri dan negara
3. Untuk mendapatkan keredaan Allah SWT melalui pekerjaan yang halal
4. Untuk mengelakkan diri daripada bergantung pada orang lain.

## Ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan dalam Islam

- Pekerjaan yang halal dan tidak melanggar peraturan syarak seperti perniagaan yang halal.
- Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam dan tidak mencemarkan alam sekitar seperti bertani.
- Pekerjaan yang tidak membahayakan diri sendiri dan orang ramai seperti menternak
- Pekerjaan yang tidak melalaikan diri daripada beribadat kepada Allah SWT.

# Jenis Pekerjaan Yang Digalakkan Dalam Islam

Pekerjaan Yang Halal

Bekerja Sendiri

Makan Gaji

Bekerja sendiri ialah pekerjaan yang dilakukan oleh tuan punya sesuatu syarikat sendiri.

Makan gaji ialah bekerja dengan orang lain untuk mendapatkan upah/gaji

# Perbezaan antara makan gaji dengan bekerja sendiri

| Bekerja Sendiri | Makan Gaji |
|---|---|
| Produktiviti atas tanggungan sendiri | Produktiviti dipikul secara bersama. |
| Risiko untung rugi ditanggung sendiri | Risiko untung rugi ditanggung bersama |
| Bebas membuat keputusan sendiri | Keputusan berdasarkan arahan daripada pihak majikan |
| Tidak terikat dengan waktu dan tempat | Terikat dengan waktu |
| Mendapat kepuasan yang maksimum | Tiada kepuasan bekerja |
| Pendapatannya tidak tetap | Pendapatannya tetap |

## Ciri-ciri Pekerjaan Yang Halal

- Halal disegi syarak dan undang-undang negara
- Tidak menggangu kepentingan orang lain
- Tidak mencemarkan alam sekitar
- Tidak mengandungi unsur riba, judi, penipuan dan rasuah

# Kebaikan kerja yang halal

**Diri Sendiri dan Keluarga**

- Mendapat keredaan Allah SWT kerana telah menunaikan perintah Allah SWT
- Dipandang mulia dan menjadi teladan kepada masyarakat
- Kehidupannya menjadi tenang dan bahagia.

**Masyarakat**

- Masyarakat hidup dalam keadaan aman dan damai.
- Perpaduan dan semangat kerjasama dalam masyarakat bertambah erat.
- Masyarakat bertambah maju dan makmur

**Negara**

- Ekonomi negara semakin maju dan berkembang.
- Negara menjadi contoh dan ikutan kepada negara lain.
- Pelabur asing berani melabur dalam ekonomi negara

## Ciri-ciri pekerjaan yang haram

- **Pekerjaan yang haram disisi syarak dan undang-undang negara**
- **Menggangu kepentingan orang lain**
- **Merosakkan alam sekitar**
- **Pekerjaan yang mengandungi unsur riba, judi, rasuah dan penipuan**

# Keburukan kerja yang haram

**Diri Sendiri dan Keluarga**

1. Hidupnya tidak akan diberkati oleh Allah SWT
2. Sentiasa dibenci oleh masyarakat.
3. Sentiasa hidup dalam ketakutan dan bimbang rahsianya terbongkar.

**Masyarakat**

1. Masyarakat berada dalam ketakutan.
2. Berlakunya perbalahan dan permusuhan dalam masyarakat.
3. Kehidupan masyarakat akan bertambah mundur

**Negara**

1. Ekonomi negara akan runtuh.
2. Pelabur asing tidak berani melabur dalam ekonomi negara.
3. Negara akan berada dalam huru hara

## Syarat Pekerjaan menjadi ibadat

- Pekerjaan yang halal
- Bekerja dengan bersungguh sungguh
- Ikhlas bekerja kerana Allah SWT
- Mengimbangi antara urusan dunia dan akhirat
- Pekerjaan yang tidak menjejaskan hak orang lain

## Alasan kebanyakan orang suka bekerja makan g

- Makan gaji tidak mempunyai risiko yang tinggi
- Tiada ilmu dan kemahiran untuk bekerja sendiri
- Banyak kemudahan dan kebajikan disediakan oleh majikan
- Kurang yakin kepada kebolehan diri sendiri

## Kepentingan bekerja kepada pembangunan Negara

- Dapat menghasilkan produktiviti yang bermutu.
- Dapat menyumbangkan kepada perkembangan ekonomi negara.
- Dapat mengurangkan kadar kemiskinan negara
- Dapat menyediakan peluang pekerjaan

## Implikasi kehidupan tanpa pekerjaan (Menggangur)

**Kepada diri sendiri**

- Hidupnya dalam kesempitan dan tidak mempunyai wang bagi memenuhi keperluan hidup.
- Dipandang hina oleh masyarakat kerana sering meminta-minta

**Kepada Masyarakat:**

- Menimbulkan masalah sosial seperti melepak, berpelesiran dan gejala sosial yang lain
- Masalah jenayah seperti mencuri dan menyamun akan berleluasa

**Kepada Negara:**

- Merugikan sumber tenaga kerja kerana sumber tenaga yang sepatutnya dapat memajukan negara
- Kuasa membeli barangan keluaran negara berkurangan, kerana rakyat tidak mempunyai wang

## Langkah untuk mengatasi masalah pengangguran

- **Menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dalam pelbagai bidang.**
- **Memberi kursus kemahiran kepada para penganggur**
- **Memberi kesedaran kepada pengganggur tentang keburukan hidup tanpa pekerjaan**

## PELAJARAN 3 UNIT 1 : GALAKKAN BEKERJA

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Berikut ialah kebaikan Islam menggalakkan umatnya bekerja **kecuali**
A Mengurangkan masalah pengangguran
B Membolehkan seseorang itu berdikari
C Meningkatkan taraf hidup seseorang
D Memenuhi masa lapang

2 Mengapa Islam menuntut umatnya bekerja?
I Memenuhi keperluan asas hidup manusia
II Bekerja merupakan ibadat dalam Islam
III Dipandang mulia oleh masyarakat
IV Menjadi manusia yang kaya raya

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3 Pilih pasangan yang benar tentang jenis pekerjaan dan kelebihannya

| | Jenis pekerjaan | Kelebihan |
|---|---|---|
| I | Makan gaji | Pendapatan tetap |
| II | Bekerja sendiri | Risiko ditanggung bersama |
| III | Bekerja sendiri | Bebas membuat keputusan sendiri |
| IV | Makan gaji | Tidak terikat dengan waktu dan tempat |

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

4

| |
|---|
| Melakukan pelbagai pekerjaan mengikut kepakaran, melaksanakan penyelidikan sains dan teknologi serta mencipta perkakasan untuk kemudahan manusia |

Situasi di atas menggambarkan
A Cara melaksanakan amanah Allah s.w.t
B Kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t
C Langkah meningkatkan kualiti kerja
D Etika kerja dalam Islam

5 Jelaskan etika kerja dalam Islam
I Sentiasa berdisiplin
II Bekerja dengan ikhlas
III Bekerja dengan bersungguh-sungguh
IV Sentiasa mengadakan mesyuarat

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

6
- Membuat perancangan yang rapi
- Berdisiplin dan menepati sasaran kerja
- Menilai hasil dan membaiki kelemahan

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Langkah meningkatkan kualiti kerja dalam Islam
B Syarat menjadikan perkerjaan suatu ibadat
C Budaya kerja Islam
D Disiplin kerja Islam

7 Ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan Islam ialah
A Mudah naik pangkat
B Berpendapatan lumayan
C Seronok dan mengembirakan
D Tidak mengganggu ketenteraman awam

8 Berikut merupakan kelebihan bekerja sendiri **kecuali**
A Tidak terikat dengan waktu dan tempat
B Bebas membuat keputusan sendiri
C Mendapat kepuasan hasil kerja
D Pendapatan tetap

9 Manakah ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam?
I Pekerjaan yang mudah dilakukan
II Pekerjaan yang menepati kehendak syarak
III Pekerjaan yang tidak mencemarkan alam sekitar
IV Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

10
- Mencari rezeki yang halal untuk menyara keluarga
- Membangun dan memajukan ekonomi diri dan keluarga
- Mengelakkan diri dari bergantung dengan orang lain

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Ciri-ciri pekerjaan yang halal
B Dalil kewajipan bekerja
C Matlamat bekerja
D Kebaikan bekerja

11 Berikut ialah kesan positif pekerjaan yang halal kepada sesebuah negara

I Ekonomi berkembang
II Pelaburan asing meningkat
III Masyarakat aman damai
IV Negara menjadi ikutan dan contoh

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

12 Pilih kesan baik pekerjaan halal kepada masyarakat

A Menjadi teladan kepada masyarakat kerana dapat membantu
B Hubungan bertambah erat dan hidup bersatu padu
C Kehidupan menjadi tenang dan bahagia
D Ekonomi negara semakin berkembang

13 Berikut adalah kesan buruk pekerjaan yang haram terhadap diri dan keluarga

I Hidup dalam ketakutan dan kebimbangan
II Dibelenggu rasa bersalah terhadap masyarakat
III Kehidupan masyarakat akan bertambah mundur
IV Hidup tidak akan diberkati oleh Allah s.w.t

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

14 Manakah merupakan syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat?

I Pekerjaan halal
II Pekerjaan dengan keuntungan yang banyak
III Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam
IV Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang dari melakukan ibadat fardhu

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

15
- Menghasilkan produk yang berkualiti
- Meningkatkan mutu barangan yang berkualiti
- Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barangan

Pernyataan di atas merujuk kepada kelebihan bekerja

A Terhadap diri
B Terhadap keluarga
C Terhadap hasil kerja
D Terhadap pelanggan

16

- Bekerja dengan ikhlas kerana Allah s.w.t
- Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh
- Sentiasa meningkatkan produktiviti yang berkualiti

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Etika kerja dalam Islam
B Tuntutan bekerja dalam Islam
C Ciri-ciri pekerjaan dalam Islam
D Matlamat bekerja dalam Islam

17 Berikut merupakan langkah untuk mengatasi masalah pengangguran **kecuali**
A Memberi kursus kemahiran
B Menyediakan peluang pekerjaan
C Memberi kesedaran tentang keburukan hidup tanpa pekerjaan
D Memberi pinjaman wang kepada penganggur sebanyak mungkin

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 18 hingga 32**

*Lengkapkan pernyataan berikut.*

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

Kesan pekerjaan yang halal terhadap:

| | | | |
|---|---|---|---|
| X | Diri | Y | Masyarakat |

| Markah | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 18 | Harta yang dimiliki mendapat keredaan Allah. | |
| 1 | 19 | Hidup bersama dalam keadaan aman dan damai. | |
| 1 | 20 | Pertalian silaturrahim menjadi bertambah erat antara sama lain | |
| 1 | 21 | Disanjung dan dihormati oleh orang lain | |
| 1 | 22 | Tidak melakukan perbuatan mazmumah seperti mencuri | |

Lengkapkan pernyataan berikut :

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

23 ____________ ialah satu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan berbentuk wang atau harta yang halal. 1

24 Rasulullah s.a.w. menggalakkan umatnya ______________ seperti berniaga, bertani dan sebagainya. 1

25 Harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai berkaitan dengan agama Islam dikenali sebagai ___________. 1

26 __________ ialah tokoh usahawan wanita yang terkenal pada zaman Rasulullah s.a.w. 1

27 Hasil pertanian yang dimakan atau dicuri oleh manusia atau haiwan dianggap sebagai ____________ 1

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

1 28 Kemiskinan boleh diatasi dengan memberikan wang sara diri kepada penganggur

1 29 Wakaf ialah harta yang didermakan untuk orang miskin

1 30 Budaya kerja Islam ialah untuk memaksimumkan produktiviti berkualiti

1 31 Sentiasa mematuhi arahan ketua merupakan salah satu etika kerja Islam

1 32 Tuntutan bekerja adalah fardhu kifayah

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Nyatakan pengertian pekerjaan dalam Islam.

2 Jelaskan kenapa Islam menuntut umatnya melakukan pekerjaan.

3 Nyatakan **tiga** kebaikan bekerja.

4 Terangkan **tiga** matlamat bekerja menurut Islam.

5 Nyatakan **dua** kebaikan bekerja makan gaji.

6 Jelaskan **dua** implikasi pekerjaan halal dan pekerjaan haram terhadap individu.

7 Berikan **dua** hikmah pekerjaan yang halal terhadap diri dan keluarga.

8 Terangkan **tiga** kepentingan bekerja sendiri kepada pembangunan negara.

9 Nyatakan kesan buruk pengangguran.

10 Nyatakan maksud bekerja kerana Allah.

11 Terangkan **dua** etika bekerja kerana Allah s.w.t.

12 Nyatakan cara melaksanakan amanah Allah s.w.t melalui pekerjaan.

13 Terangkan **tiga** syarat sesuatu pekerjan menjadi ibadat.

14 Jelaskan etika kerja menurut Islam.

15 Terangkan **dua** langkah untuk meningkatkan kualiti kerja dalam Islam.

16 Huraikan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t terhadap individu.

17 Nyatakan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t.

18 Nyatakan kesan menceburi bidang pekerjaan yang halal terhadap pembentukan akhlak seseorang.

19 Huraikan budaya bekerja mengikut perspektif Islam.

20 Jelaskan **tiga** ciri pekerjaan yang digalakkan dalam Islam.

21 Huraikan dua hikmah terhadap individu yang melakukan pekerjaan yang disukai oleh Allah SWT..

# PELAJARAN 3
# UNIT 2 BEKERJA KERANA ALLAH

## Pengertian Bekerja Kerana Allah

Bekerja kerana Allah SWT ialah mengusahakan sesuatu atau melibatkan diri di dalam kegiatan tertentu secara berterusan untuk mencari nafkah kerana Allah SWT

## Dalil bekerja kerana Allah

Islam mewajibkan umatnya melakukan pekerjaan bagi memenuhi keperluan hidupnya di dunia. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah , 11: 105

*Maksudnya* : Dan katakan bekerjalah kamu kerana Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman akan melihat pekerjaanmu, dan kamu akan dipulangkan kepada Yang Tahu akan yang tersembunyi dan yang terang, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.

## Bekerja sebagai pelaksanaan amanah Allah kerana :

Dengan bekerja dalam bidang penyelidikan manusia dapat memakmurkan alam ini dengan pelbagai penemuan dan peralatan baru untuk keselesaan hidup manusia.

Dengan bekerja dalam bidang arkitek dan teknologi bangunan manusia dapat membina bangunan yang selesa didiami.

Dengan bekerja dalam bidang pertanian manusia dapat memajukan tanah serta dapat memelihara dan memulihara alam ini supaya menjadi tempat yang selesa untuk didiami

**Cara melaksanakan amanah Allah melalui pekerjaan ialah**

1. Manusia boleh melakukan pelbagai pekerjaan mengikut pengalaman dan kepakaran mereka bagi memaju dan memakmurkan alam ini seperti berniaga, bertani dan menternak.
2. Manusia boleh melakukan pelbagai penyelidikan dan penemuan sains dan teknologi bagi melaksanakan amanah Allah SWT seperti bidang perubatan, astronomi dan pertanian.
3. Manusia boleh bekerja dalam bidang pembuatan untuk mencipta peralatan baru untuk kemudahan hidup manusia, seperti dalam industri perkilangan dan pembuatan.

# Syarat Pekerjaan Menjadi Ibadat

1. Pekerjaan yang halal dan dibenarkan oleh syarak.
2. Pekerjaan yang tidak menggangu kepentingan awam dan alam sekitar
3. Sentiasa mematuhi arahan ketua
4. Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada mengingati Allah SWT
5. Mengimbangi urusan dunia dan akhirat
6. Pekerjaan yang dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT

# Kesan menceburi pekerjaan yang halal kepada akhlak seseorang

1. **Jiwa menjadi tenang**
2. **Hidup dan hartanya diberkati oleh Allah SWT**
3. **Tidak mudah berputus asa**
4. **Dimuliakan oleh masyarakat**

# Langkah mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam

- **Sentiasa bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT**
- **Sentiasa membuat perancangan yang rapi sebelum melakukan sebarang kerja.**
- **Sentiasa menilai hasil keria dan membaiki kelemahan iika ada.**

# Etika kerja Islam.

1. Amanah dalam melaksanakan kerja yang telah dipertanggungjawabkan.
2. **Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT.**
3. Sentiasa meningkatkan produktiviti yang bermutu
4. Bekerja dengan tekun dan
5. Bersungguh sungguh
6. Sentiasa mematuhi arahan ketua

# Budaya kerja Islam.

1. **Memaksimumkan produktiviti yang berkualiti**
2. **Berdisiplin dan menepati masa.**
3. **Bekerja kerana Allah SWT**

## Ciri Budaya Kerja Islam

- Sentiasa memaksimumkan produktiviti yang berkualiti
- Mempunyai perancangan yang lengkap dan tersusun
- Bekerja kerana Allah SWT
- Mempunyai strategi yang betul
- Sentiasa berdisiplin dan menepati masa

# Kelebihan bekerja kerana Allah

**Terhadap diri**

- Melahirkan pekerja yang ikhlas bekerja kerana Allah SWT
- Melahirkan pekerja yang amanah dalam melakukan pekerjaan.
- Melahirkan pekerja yang bekerja dengan cekap dan bersungguh-sungguh.
- Melahirkan pekerja yang bermotivasi tinggi dalam menyahut cabaran.

**Terhadap hasil kerja**

- Menghasilkan produktiviti yang berkualiti.
- Meningkatkan bilangan produktiviti yang berkualiti.
- Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barangan

**Terhadap pelanggan.**

- Pelanggan akan berpuas hati dengan barangan yang dihasilkan.
- Pelanggan akan terus melanggan barangan yang dikeluarkan.
- Pelanggan akan menggunakan barangan tersebut secara berterusan.

## Cara melahirkan budaya kerja cemerlang

- Bekerja kerana Allah SWT
- Ikhlas dalam pekerjaan
- Sentiasa bermesyuarat dalam sesuatu urusan
- Amanah dalam melakukan pekerjaan

## PELAJARAN 3 UNIT 2 : BEKERJA KERANA ALLAH

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Melakukan pelbagai pekerjaan mengikut kepakaran, melaksanakan penyelidikan sains dan teknologi serta mencipta perkakasan untuk kemudahan manusia

Situasi di atas menggambarkan
A Cara melaksanakan amanah Allah s.w.t
B Kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t
C Langkah meningkatkan kualiti kerja
D Etika kerja dalam Islam

2 Jelaskan etika kerja dalam Islam
I Sentiasa berdisiplin
II Bekerja dengan ikhlas
III Bekerja dengan bersungguh-sungguh
IV Sentiasa mengadakan mesyuarat

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3
- Membuat perancangan yang rapi
- Berdisiplin dan menepati sasaran kerja
- Menilai hasil dan membaiki kelemahan

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Langkah meningkatkan kualiti kerja dalam Islam
B Syarat menjadikan perkerjaan suatu ibadat
C Budaya kerja Islam
D Disiplin kerja Islam

4 Manakah ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam?
I Pekerjaan yang mudah dilakukan
II Pekerjaan yang menepati kehendak syarak
III Pekerjaan yang tidak mencemarkan alam sekitar
IV Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

5
- Mencari rezeki yang halal untuk menyara keluarga
- Membangun dan memajukan ekonomi diri dan keluarga
- Mengelakkan diri dari bergantung dengan orang lain

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Ciri-ciri pekerjaan yang halal
B Dalil kewajipan bekerja
C Matlamat bekerja
D Kebaikan bekerja

6 Berikut adalah kesan buruk pekerjaan yang haram terhadap diri dan keluarga
I Hidup dalam ketakutan dan kebimbangan
II Dibelenggu rasa bersalah terhadap masyarakat
III Kehidupan masyarakat akan bertambah mundur
IV Hidup tidak akan diberkati oleh Allah s.w.t

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

7 Manakah merupakan syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat?
I Pekerjaan halal
II Pekerjaan dengan keuntungan yang banyak
III Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam
IV Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang dari melakukan ibadat fardhu

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

8
- Menghasilkan produk yang berkualiti
- Meningkatkan mutu barangan yang berkualiti
- Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barangan

Pernyataan di atas merujuk kepada kelebihan bekerja
A Terhadap diri
B Terhadap keluarga
C Terhadap hasil kerja
D Terhadap pelanggan

9
- Bekerja dengan ikhlas kerana Allah s.w.t
- Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh
- Sentiasa meningkatkan produktiviti yang berkualiti

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Etika kerja dalam Islam
B Tuntutan bekerja dalam Islam
C Ciri-ciri pekerjaan dalam Islam
D Matlamat bekerja dalam Islam

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 10 hingga 14**
*Lengkapkan pernyataan berikut.*

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| | No. | Pernyataan | |
|---|---|---|---|
| 1 | 10 | Kemiskinan boleh diatasi dengan memberikan wang sara diri kepada penganggur | |
| 1 | 11 | Wakaf ialah harta yang didermakan untuk orang miskin | |
| 1 | 12 | Budaya kerja Islam ialah untuk memaksimumkan produktiviti berkualiti | |
| 1 | 13 | Sentiasa mematuhi arahan ketua merupakan salah satu etika kerja Islam | |
| 1 | 14 | Tuntutan bekerja adalah fardhu kifayah | |

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Nyatakan maksud bekerja kerana Allah.

2. Terangkan **dua** etika bekerja kerana Allah s.w.t.

3. Nyatakan cara melaksanakan amanah Allah s.w.t melalui pekerjaan.

4. Terangkan **tiga** syarat sesuatu pekerjan menjadi ibadat.

5. Jelaskan etika kerja menurut Islam.

6. Terangkan **dua** langkah untuk meningkatkan kualiti kerja dalam Islam.

7. Huraikan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t terhadap individu.

8. Nyatakan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t.

9. Nyatakan kesan menceburi bidang pekerjaan yang halal terhadap pembentukan akhlak seseorang.

10. Huraikan budaya bekerja mengikut perspektif Islam.
11. Jelaskan **tiga** ciri pekerjaan yang digalakkan dalam Islam.

# PELAJARAN 4 : FALSAFAH DAN SISTEM MUAMALAH ISLAM
## UNIT 1 PENGERTIAN DAN SISTEM MUAMALAH ISLAM

**Muamalah adalah satu daripada hukum fikah yang berhubung dengan tatacara perhubungan sesama manusia dalam memenuhi keperluan mereka yang berhubung dengan harta, seperti hukum jual beli, sewa menyewa, dan perdagangan yang lain.**

## Etika muamalah Islam

1. **Rajin berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan**
2. **Bersikap jujur, amanah dan tidak menipu dalam segala urusan**
3. **Bekerja kerana Allah SWT**
4. **Tekun dan tabah ketika melakukan segala urusan.**

## Matlamat Muamalah Islam

Bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia. Sistem muamalah ini mempunyai beberapa matlamat, antaranya

1. Untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang aman sejahtera.
2. Untuk memudahkan manusia menikmati segala kurniaan Allah SWT dengan cara yang betul dan di redai oleh Allah SWT
3. Mempereratkan hubungan persaudaraan antara individu dan masyarakat.
4. Untuk memastikan segala kegiatan ekonomi diberkati oleh Allah SWT
5. Menghindarkan diri daripada kezaliman dan penindasan.
6. Membangunkan ekonomi umat Islam
7. Memperkemas dan melicinkan urusan kehidupan manusia seharian.

# Ciri-ciri Muamalah Islam

- Adil kepada semua pihak
- Reda antara kedua belah pihak
- Mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak
- Memberi kepuasan kepada semua pihak, iaitu pembeli dan penjual
- Bersih daripada penipuan dan penindasan dalam transaksi perniagaan

# Keistimewaan bermuamalah secara Islam

1. Muamalah Islam menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, dengan menunaikan beberapa ibadat melalui harta seperti, berzakat dan menunaikan haji.
2. Muamalah Islam menggalakkan manusia melakukan kebajikan melalui harta yang dimiliki, seperti bersedekah, menolong orang yang memerlukan dan menderma.
3. Muamalah Islam melarang manusia daripada mengumpulkan harta dengan cara yang bertentangan dengan hukum syarak, penindasan dan perbuatan zalim, seperti menipu, rasuah dan mencuri.
4. Muamalah Islam melarang manusia daripada menggunakan harta kepada jalan yang salah dan tidak memberi faedah kepada kehidupan manusia, seperti membazir atau terlalu kedekut.

# Syarat Sah Muamalah Secara Am

- **Barang yang hendak dijual mestilah milik sah penjual.**
- **Transaksi yang dijalankan mestilah bersih daripada unsur penipuan**
- **Pihak yang menjalankan urusan transaksi mestilah waras dan**
- **Persetujuan antara kedua belah pihak yang menjalankan transaksi ijab**

# Syarat sah jual beli

- **Wujudnya persetujuan antara penjual dengan pembeli.**
- **Penjual dan pembeli mestilah seorang yang mukalaf dan berakal.**
- **Penjual dan pembeli mestilah seorang Islam.**
- **Barang yang hendak di jual mestilah milik sah penjual.**
- **Barangan yang hendak di jual mestilah suci dan halal.**
- **Barangan yang hendak di jual wujud semasa berlakunya kontrak jual beli.**

**Muamalah yang tidak sah menurut Islam**

- Perniagaan yang mengandungi unsur-unsur penipuan seperti manipulasi
- Perniagaan yang mengandungi unsur-unsur penindasan, seperti riba dan monopoli
- Perniagaan yang mengandungi unsur-unsur perjudian seperti nombor ekor
- Perniagaan yang mengandungi unsur-unsur barangan yang tidak suci dan najis, seperti berniaga
- Urusan perniagaan yang belum pasti barangan jualan, seperti menjual ikan di lautan, burung di angkasa, anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya dan buah-buahan yang belum nampak putiknya

# Konsep at-Ta'awun dalam muamalah

Konsep at-Ta'awun dalam sistem muamalah Islam ialah bekerjasama kepada perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan seperti dalam bidang perniagaan, sewa menyewa, gadaian dan syarikat.

Contoh kegiatan muamalah Islam yang melaksanakan konsep tolong menolong dan bekerjasama ( at-Ta'awun )

- Melalui kegiatan sewa menyewa, masyarakat di pupuk dengan sifat tolong-menolong, di mana golongan berada menolong golongan kurang berada mendapatkan barangan secara sewa.
- Melalui aktiviti jual beli dapat membantu orang yang memerlukan barangan tertentu, mendapatkan barangan tersebut dengan mudah.
- Melalui aktiviti pajak gadai dapat membantu orang yang dalam kesusahan untuk mendapatkan wang tunai dengan segera.

**PELAJARAN 4 UNIT 1 : PENGERTIAN DAN SISTEM MUAMALAH ISLAM**

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 | Kegiatan muamalah Islam mengutamakan konsep ta`awun |

Kenyataan manakah menerangkan konsep tersebut
A Seseorang itu mudah mendapat harta yang diingini
B Masyarakat hanya mementingkan kehidupan duniawi
C Semangat ta`awun akan berkembang dalam masyarakat
D Pemegang gadai dapat membantu orang yang dalam kesusahan

2 Manakah ciri-ciri muamalah Islam
I Memberi manfaat kepada kedua-dua pihak
II Membebankan golongan tertentu
III Redha antara kedua-dua pihak
IV Adil kepada semua pihak

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3 Manakah antara berikut adalah tujuan sistem muamalah Islam
I Mendidik urusan manusia dalam mendapatkan harta
II Membangunkan ekonomi dengan cara diredhai Allah s.w.
III Mengeratkan hubungan persaudaraan antara manusia dengan manusia
IV Melahirkan masyarakat yang mengutamakan keuntungan semata-mata

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

4 Manakah antara berikut kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti hidup manusia?
I Menjamin keadilan sejagat
II Menjamin keharmonian hidup
III Membangunkan tamadun manusia
IV Melahirkan generasi yang cekap dan produktif

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

5 Berikut merupakan etika muamalah Islam **kecuali**

A Tekun dan tabah ketika melakukan segala urusan
B Bersikap jujur, amanah dan tidak menipu dalam segala urusan
C Bekerja mengikut hati dan perasaan untuk memuaskan kehendak sendiri
D Rajin berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan

6 Apakah kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu?

i Melahirkan individu yang kaya
ii Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
iii Melahirkan individu yang tamak haloba
iv Melahirkan golongan miskin yang terbiar

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

| *Untuk kegunaan Pemeriksa* | | Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.<br>Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH. | |
|---|---|---|---|
| 1 | 7 | Antara syarat sah muamalah ialah pihak yang melakukan transaksi mesti waras dan sempurna. | |
| 1 | 8 | Konsep at-Ta`awun wujud apabila pemilik menyewakan rumahnya kepada penyewa. | |
| 1 | 9 | Muamalat ialah tatacara perhubungan sesama manusia. | |
| 1 | 10 | Islam membenarkan umatnya menggunakan apa-apa cara sekalipun untuk bermuamalah bagi menjadi sebuah negara yang maju dan disegani. | |
| 1 | 11 | Sistem muamalah Islam merupakan syariat yang diturunkan oleh Allah s.w.t | |
| 1 | 12 | Sistem muamalah Islam mengatur kehidupan manusia untuk mencapai kebahagian dunia sahaja. | |
| 1 | 13 | Muamalah Islam memberi kesan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan. | |
| 1 | 14 | Bermuamalah secara jujur untuk kebahagian dunia semata-mata. | |
| 1 | 15 | Muamalah secara Islam menghalang manusia mendapat harta. | |

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Jelaskan etika muamalah Islam.

2 Apakah yang dimaksudkan dengan muamalah?

3 Huraikan matlamat muamalah dalam Islam.

4 Nyatakan keistimewaan muamalah Islam.

5 Nyatakan syarat-syarat sah muamalah secara am menurut Islam

6 Berikan contoh muamalah yang dibenarkan dan muamalah yang dilarang oleh Allah s.w.t

7 Berikan contoh yang membuktikan muamalah melahirkan masyarakat yang sentiasa tolong menolong.

8 Jelaskan faedah-faedah muamalah Islam.

10 Sistem muamalah Islam yang diamalkan mengikut syarak meningkatkan kualiti kehidupan.
Terangkan bagaimanakah sistem muamalah Islam dapat menjamin keharmonian hidup manusia.

14 Pengabaian sistem muamalah Islam dalam urusan harian akan mengakibatkan pelbagai kesan buruk kepada individu, masyarakat dan negara.
Nyatakan **tiga** kesan pengabaian muamalah Islam terhadap individu.

17 Jelaskan ciri-ciri muamalah Islam.

# PELAJARAN 4 UNIT 2
# KEPENTINGAN MUAMALAT ISLAM

**Sistem muamalah Islam adalah satu sistem yang mengatur kehidupan manusia untuk mencapai kesempurnaan, keamanan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Ia menghubungkan manusia dengan Allah SWT dan menghubungkan antara manusia dengan manusia yang lain**

## Kepentingan sistem muamalah Islam kepada kehidupan manusia

1. **Supaya manusia dapat saling mengenali sesama sendiri**
2. **Supaya manusia dapat saling tolong menolong**
3. **Supaya manusia dapat saling berhubung sesama mereka**
4. **Supaya manusia dapat menikmati kurniaanAllah SWT dengan lebih adil**

**Cara Muamalah Islam melahirkan masyarakat yang adil dan sejahtera:**

- Melalui perniagaan takaful wujud sifat amanah, kerana syarikat bertanggungjawab menguruskan wang.
- Menerusi kegiatan koperasi, di mana keuntungan yang dilaburkan dibahagi secara adil

## Akibat tidak mengamalkan muamalah Islam

**Individu**

- Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
- Golongan miskin tidak terbela
- Hidupnya akan di pulau oleh orang ramai

**Masyarakat :**

- pergaduhan dan permusuhan dalam masyarakat.
- Melahirkan masyarakat yang tamak haloba dan sanggup menindas orang lain.
- Luputnya semangat bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam

**Negara :**

- Amalan riba berleluasa dalam sistem ekonomi negara.
- Golongan kaya menjadi bertambah kaya dan golongan miskin menjadi semakin miskin
- Negara akan berpecah belah

# Keperluan Muamalah Islam

**Sistem muamalah Islam menyediakan pelbagai peraturan dan kaedah untuk memudahkan manusia memenuhi keperluan hidup mereka., sama ada semasa bermusafir, bermukim dalam keadaan aman mahupun darurat. Antara konteks sistem muamalah Islam yang dapat dikaitkan dalam kehidupan manusia seperti dalam keadaan :**

| Muamalah Islam | Aplikasi |
|---|---|
| **Sedekah** | Bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan pertolongan bagi meneruskan kehidupan mereka. Contohnya orang miskin, musafir dan di timpa bencana. |
| **Zakat** | Hak yang tertentu yang diuruskan kutipan dan pengagihannya oleh negara melalui amil-amil zakat. Hasil zakat diagihkan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan telah ditetapkan dalam al-Quran |
| **Sewa menyewa.** | Kemudahan yang disediakan oleh sistem muamalah Islam bagi memberi pertolongan kepada orang yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk mendapatkan sesuatu barang. Melalui sewa menyewa orang yang memerlukan boleh mendapatkan sesuatu barangan melalui sistem sewaan. |
| **Jual beli** | Jual beli merupakan kemudahan yang disediakan untuk orang ramai mendapatkan keperluan hidup mereka. |
| **Al-Wadiah** | Sistem muamalah Islam menyediakan al-wadiah bagi kemudahan orang ramai menyimpan dan melaburkan wang mereka dalam bank. |
| **Ar-Rahnu** | Kemudahan yang disediakan oleh Islam dalam keadaan darurat dan terdesak. Cara ini boleh digunakan oleh orang yang mempunyai cagaran seperti tanah dan barang kemas untuk mendapatkan wang tunai dengan segera. |
| **Berhutang** | Kemudahan yang disediakan kepada orang yang tidak mempunyai harta, tetapi berada dalam keadaan darurat dan terdesak untuk mendapatkan wang tunai bagi memenuhi tuntutan hidup mereka |

# Perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional.

| Muamalah Islam | Konvensional |
|---|---|
| Bebas daripada riba dan penindasan | Berasaskan kepada sistem riba |
| Melaksanakan syariah Islam dalam urusan perniagaan | Hukum halal dan haram tidak di ambil kira dalam urusan perniagaan |
| Menggalakkan manusia supaya melakukan kebajikan kepada masyarakat seperti bersedekah, menderma dan sebagainya | Lebih mengutamakan keuntungan semata-mata |
| Cara mendapatkan harta melalui muamalah Islam mestilah dengan cara yang halal dan sah di sisi hukum syarak | Usaha mendapatkan harta boleh dilakukan dengan apa cara sekali pun tanpa mengira halal dan haram |
| Menjadikan harta sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT | Menjadikan harta sebagai matlamat hidup |

## *Persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional*

- Untuk melicinkan urusan kehidupan manusia seharian.
- Sebagai cara manusia memenuhi keperluan hidup mereka
- Salah satu kaedah manusia untuk mendapatkan harta

# Kesan Muamalah dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan.

Sistem muamalah Islam yang diamalkan memberi kesan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Antara kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti kehidupan manusia di dunia adalah seperti berikut, antaranya .

## Mendapat Keredaan Allah SWT

Sistem muamalah Islam adalah sistem yang telah diciptakan oleh Allah SWT untuk manusia melaksanakannya. Dengan melaksanakan sistem tersebut dengan berkesan kehidupan manusia akan mendapat keredaan Allah SWT kerana telah melaksanakan syariat-Nya

## Menjamin keadilan sejagat

Sistem muamalah Islam amat mementingkan keadilan kepada seluruh manusia tanpa mengira kedudukan, darjat dan status sosial seseorang. Setiap orang mempunyai hak masing-masing yang harus di tunaikan. Islam tidak membenarkan sesiapa pun merampas hak orang lain. Contohnya orang miskin tetap dibela melalui sistem muamalah Islam dengan mewajibkan zakat dan menggalakkan orang kaya supaya bersedekah kepada orang miskin, dengan itu keadilan sejagat dapat ditegakkan melalui sistem muamalah Islam.

## Menjamin keharmonian hidup

Sistem muamalah Islam menentang sebarang bentuk penindasan dan perbuatan zalim seperti menipu, mencuri, merampas harta orang lain dan perbuatan riba dalam perniagaan dan aktiviti kehidupan seharian. Dengan terlaksananya sistem muamalah Islam dalam kehidupan seharian, sudah tentu kejadian jenayah akan berkurangan dan dapat menjamin keharmonian hidup manusia dan masyarakat

## Membangunkan tamadun manusia

Sistem muamalah Islam dapat membangunkan tamadun manusia ke arah yang lebih maju dan teratur, sesuai dengan sifat semula jadi manusia yang suka hidup secara bermasyarakat. Muamalah Islam mengambil kira semua perkara yang berhubung dengan keperluan dan cita rasa manusia untuk mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Contohnya Islam mewajibkan umatnya bekerja bagi mendapatkan harta untuk membina hidup yang lebih baik dan bertamadun.

## PELAJARAN 4 UNIT 2 : KEPENTINGAN MUAMALAH ISLAM

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Sistem al-Mudharabah memberi kemudahan kepada pelabur kerana
A Menjalankan perniagaan melalui modal
B Mempunyai modal serta pakar dalam bidang perniagaan
C Pelabur dapat menjalankan perniagaan dengan modal yang diperolehi
D Pelabur dapat mengembangkan hartanya walaupun tidak mempunyai kepakaran

2 Berikut adalah persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional
I Memenuhi keperluan hidup manusia
II Memudahkan manusia mendapat harta
III Melicinkan urusan kehidupan manusia seharian
IV Melaksanakan sistem ekonomi berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3 Berikut adalah tujuan Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah **kecuali**
A Memberi peluang kepada manusia melaksanakan aktiviti ekonomi dengan berkesan
B Menghadkan penglibatan dalam sesuatu jenis muamalah sahaja
C Menggerakkan ekonomi dengan lebih pesat
D Membantu golongan yang kurang berharta

4

| |
|---|
| Memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kewangan mereka |

Penerangan di atas merujuk kepada
A Al-Musyarakah / al-Murabahah
B Al-Ijarah / al-Bai` bithamanil ajil
C Al-Mudharabah / al-Rahnu
D Al-Wadiah / al-Takaful

5

| |
|---|
| Ali sebagai peniaga telah mengurangkan sukatan timbangan dalam urusan jual beli |

Kenyataan di atas adalah muamalah yang tidak sah menurut Islam kerana ia mengandungi unsur
A Penipuan
B Perjudian
C Penindasan
D Barangan yang tidak suci dan najis

6 Apakah kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu?
- i Melahirkan individu yang kaya
- ii Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
- iii Melahirkan individu yang tamak haloba
- iv Melahirkan golongan miskin yang terbiar

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 7 hingga 11**
*Lengkapkan pernyataan berikut.*

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Untuk kegunaan Pemeriksa | No. | Pernyataan | |
|---|---|---|---|
| 1 | 7 | Sistem muamalah Islam merupakan syariat yang diturunkan oleh Allah s.w.t | |
| 1 | 8 | Sistem muamalah Islam mengatur kehidupan manusia untuk mencapai kebahagian dunia sahaja. | |
| 1 | 9 | Muamalah Islam memberi kesan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan. | |
| 1 | 10 | Bermuamalah secara jujur untuk kebahagian dunia semata-mata. | |
| 1 | 11 | Muamalah secara Islam menghalang manusia mendapat harta. | |

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Berikan contoh yang membuktikan muamalah melahirkan masyarakat yang sentiasa tolong menolong.

2 Jelaskan faedah-faedah muamalah Islam.

3 Huraikan perbezaan di antara sistem perbankan Islam dengan sistem konvensional.

4 Huraikan tujuan Islam menyediakan berbagai-bagai jenis muamalah.

4 Manusia memerlukan pelbagai jenis muamalah untuk memenuhi keperluan hidup mereka.
Nyatakan sebab manusia memerlukannya.

5 Kepelbagaian jenis muamalah memberikan kesan positif terhadap individu,masyarakat dan negara.
Nyatakan kesan positif dari kepelbagaian jenis muamalah kepada negara.

6 Pengabaian sistem muamalah Islam dalam urusan harian akan mengakibatkan pelbagai kesan buruk kepada individu, masyarakat dan negara.
Nyatakan **tiga** kesan pengabaian muamalah Islam terhadap individu.

7 Apakah implikasi daripada muamalah yang tidak mengikut sistem Islam?

8 Bagaimanakah cara untuk mendorong masyarakat agar bermuamalah secara Islam?

9 Melalui sistem muamalah Islam, manusia dapat menjalani kehidupan dengan sempurna.
Jelaskan pernyataan di atas

10 Bagaimanakah muamalah Islam dapat menjamin keharmonian?

# PELAJARAN 4 UNIT 3
# JENIS-JENIS MUAMALAH

## Al-Wadiah

### Menurut bahasa

Meninggalkan atau meletakkan, iaitu meletakkan sesuatu barangan pada orang lain untuk dipelihara atau dijaga

### Menurut istilah syarak

Memberi sesuatu barang atau harta yang berharga kepada orang lain untuk disimpan dan dijaganya. ( Akaun simpanan wang secara Islam )

### Menurut konsep perbankan al-Wadiah

Ialah pendeposit akan mengamanahkan kepada bank bagi menyimpan wang bagi pihak pendeposit. Bank pula akan memberi jaminan bahawa wang berkenaan akan dikembalikan kepada pendeposit sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, seperti mana yang di tuntut oleh pendeposit.

## Al-Murabahah

**Murabahah bermaksud menjual barang dengan tambahan keuntungan, di mana barang tersebut diserah segera manakala harga jualan yang terdiri daripada kos dan keuntungan dibayar kemudian oleh pembeli.**

Cara perlaksanaannya ialah dengan cara pihak bank membelikan barangan yang diperlukan oleh peminjam atas nama bank. Kemudian pihak bank menjual barangan tersebut kepada peminjam dengan harga yang dipersetujui bersama dan akan dibayar dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

# Al-Mudharabah

## Menurut bahasa

Persamaan, pelaburan atau potongan kerana pelabur memotong sedikit daripada hartanya untuk diberikan kepada pengusaha.

## Menurut istilah syarak

Bermaksud pelabur memberi modal kepada orang tertentu untuk diperniagakan dan keuntungannya di bahagi dua atau sebahagiannya menurut perjanjian yang telah dipersetujui bersama semasa akad, manakala kerugiannya jika ada hanya akan ditanggung oleh pihak pelabur

## Menurut konsep perbankan al-Mudharabah

Satu perjanjian yang dilakukan antara pemodal dan pengusaha, di mana pemodal bersetuju membiayai sesuatu projek yang sedang atau akan dilaksanakan oleh pihak bank secara berkongsi untung menurut nisbah keuntungan yang terlebih dahulu dipersetujui secara bersama

**Sistem mudharabah amat praktikal kepada pelabur dan pengusaha kerana**:

- Pelabur boleh mengembangkan hartanya melalui bidang perniagaan walaupun beliau tidak mempunyai kepakaran dalam perniagaan.
- Pengusaha yang tidak mempunyai modal tetapi pakar dalam bidang perniagaan dapat menjalankan perniagaan melalui modal yang dilaburkan oleh pelabur

# Al-Musyarakah

## Dari segi bahasa

Syarikah atau Musyarakah bermaksud bercampur atau berkongsi. Dalam hal ini mencampurkan satu modal dengan modal yang lain sehingga tidak dapat dipisahkan satu sama lain.

## Menurut istilah fikah

suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan bersekutu dalam keuntungan.

## Dalam istilah perbankan

satu perjanjian usaha sama antara dua atau beberapa orang pemilik modal untuk menyerahkan modalnya dalam menjayakan sesuatu projek. Keuntungan dan kerugian daripada projek tersebut berdasarkan besar atau kecilnya modal masing-masing sebagaimana yang telah dipersetujui secara bersama.

# Al-Rahn

Dari bahasa bermaksud ketetapan

Pada Istilah syarak ialah menjadikan sesuatu barang yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang dan barangan tersebut akan menjadi bayaran sekiranya dia tidak berdaya membayar hutang dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Menurut istilah perbankan ar-Rahn bermaksud kontrak di mana aset yang berharga dijadikan sebagai cagaran untuk pinjaman dan bank berhak menjual cagaran tersebut sekiranya pelanggan gagal menjelaskan hutangnya dalam pada waktu yang telah ditetapkan. ( Sistem pajak gadai secara Islam )

# Al-Ijarah

Dari segi bahasa bermaksud sewa

Dari segi istilah syarak bermaksud satu perjanjian yang membolehkan seseorang itu mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan membayar bayaran yang tertentu. ( Sistem sewaan secara Islam )

# Al-Bai'bithaman Ajil

Kontrak jual beli untuk membeli sesuatu barangan dengan bayaran harga secara tertangguh termasuk keuntungannya sekali. Pelanggan dibolehkan membayar secara ansuran mengikut tempoh yang telah dipersetujui secara bersama.
( Sistem jual beli barangan secara ansuran mengikut Islam )
Contohnya pembeli membeli sebuah kereta dengan harga RM 50,000.00 dengan bayaran penuhnya ditangguhkan hingga kepada 60 bulan kemudian. Pembeli akan membayar harga kereta tersebut sebanyak jumlah yang telah dipersetujui setiap bulan sehingga cukup harga jualan tersebut.

# Al-Takaful

| | |
|---|---|
| Menurut bahasa | ialah menjamin, menjaga atau memelihara |
| Menurut istilah syarak | ialah gabungan anggota masyarakat untuk saling jamin menjamin dan tolong-menolong bagi meringankan beban orang perseorangan serta menjauhi kerosakan yang menyusahkan. |
| Menurut konsep perbankan al-Takaful | Dalam istilah perbankan takaful juga dikenali dengan nama kontrak insurans Islam di mana sekumpulan ahli bersetuju untuk menjamin sebarang kerosakan atau kerugian yang berlaku ke atas mana-mana ahli. ( Sistem Insuran secara Islam ) |

**Perbezaan antara Insuran Islam (al-Takaful) dengan insuran konvensional**

| Al-Takaful | Insuran konvensional |
| --- | --- |
| Bebas daripada unsur-unsur Gharar ( ketidak pastian dalam urusan perniagaan) | Mempunyai gharar, kerana apabila tidak berlaku tuntutan, syarikat insuran akan mendapat semua keuntungan (premium ) sementara peserta tidak mendapat sebarang keuntungan |
| Bebas daripada unsur Maisir (Judi) | Terdapatnya unsur-unsur maisir, contohnya, peserta yang membayar premium yang kecil dengan mengharapkan wang yang lebih besar jumlahnya. Peserta akan kehilangan wang premium apabila peristiwa yang ingin dilindungi tidak berlaku, syarikat insurans akan rugi jika terpaksa membayar tuntutan yang melebihi jumlah premium yang diterima. |

## Tujuan kepelbagaian jenis muamalah.

1. Untuk mengajar manusia supaya sentiasa hidup bersatu padu, tolong-menolong, dan bekerjasama dalam mengembangkan ekonomi melalui sistem muamalah Islam seperti musyarakah, ijarah dan jual beli.
2. Untuk memastikan kehidupan manusia sentiasa berperaturan dan menghindarkan perbuatan zalim, penganiayaan dan penindasan ke atas golongan yang lemah seperti riba, penipuan, merampas hak orang lain, dan sebagainya.
3. Untuk keselesaan dan kemudahan manusia memilih cara bermuamalah yang terbaik mengikut keperluan mereka. Contohnya orang kaya boleh mengembangkan hartanya melalui mudharabah manakala orang miskin pula boleh menambahkan modal perniagaan mereka melalui murabahah dan sebagainya .

## Keperluan kepada kepelbagaian jenis muamalah

1. Untuk memberi peluang kepada manusia melaksanakan aktiviti ekonomi mereka dengan lebih berkesan dan tidak hanya bergantung pada jenis muamalah tertentu sahaja. Contohnya manusia boleh melakukan pelbagai aktiviti perniagaan untuk mendapatkan wang seperti ijarah, ar-Rahn dan al-bai bithaman ajil dan sebagainya.
2. Untuk memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kemampuan hidup mereka. Contohnya orang miskin dapat memiliki sesuatu barangan yang diperlukan oleh mereka melalui ijarah atau al-bai bithaman ajil.
3. Untuk menggalakan orang yang mempunyai harta yang banyak membantu golongan yang kurang berharta di samping dapat mengembangkan lagi harta tersebut melalui aktiviti ekonomi yang dibenarkan oleh syarak seperti ar-Rahn, Ijarah dan sebagainya

# Ciri-ciri persamaan dan perbezaan setiap jenis muamalah.

| Jenis muamalah | Persamaan | Perbezaan |
|---|---|---|
| al-Wadiah | Salah satu bentuk wang simpanan | Tidak mendapat sebarang keuntungan daripada wang yang disimpan. |
| al-Mudharabah | | Risiko mendapat keuntungan dan kerugian adalah tinggi |
| al-Musyarakah. | | Keuntungan dan kerugian bergantung pada prestasi syarikat |
| al-Murabahah | Kontrak jual beli barangan yang melibatkan pembayaran boleh dilakukan secara ansuran | Suatu kontrak yang melibatkan jual beli barangan tertentu oleh seseorang, dan orang tersebut pula menjual barang itu kepada orang lain dengan dikenakan sedikit keuntungan |
| al-Bai bithaman ajil | | Pembelian sesuatu barangan dengan bayarannya dilakukan secara ansuran. |
| al-Rahn | Salah satu cara menolong orang yang dalam kesusahan dan mendapat faedah kewangan | Pinjaman wang atau barangan yang berharga tetapi mesti diletakkan sesuatu yang berharga sebagai cagaran |
| al-Ijarah | | Kontrak sewaan sesuatu barangan yang berharga kepunyaan orang lain dengan dikenakan bayaran |

# Kesan kepelbagaian jenis muamalah

## Individu

1. Individu mempunyai banyak pilihan dalam bermuamalah.
2. Individu dapat hidup dengan tenang kerana keselamatan harta benda mereka terjamin melalui pelbagai sistem muamalah yang disediakan.
3. Individu boleh menceburi pelbagai bidang ekonomi melalui kepelbagaian jenis muamalah, seperti murabahah, musyarakah dan sebagainya.

## Masyarakat

1. Dapat melahirkan semangat tolong-menolong di kalangan anggota masyarakat,. Contohnya orang kaya boleh menolong orang miskin memulakan perniagaan dengan melakukan mudharabah.
2. Masyarakat akan hidup dengan aman dan harmoni kerana setiap orang dapat menikmati kemajuan ekonomi dengan cara mereka sendiri.
3. Masyarakat dapat menikmati ekonomi negara dengan lebih teratur dan tersusun kerana setiap urusan mereka dikawal oleh sistem muamalah yang pelbagai.

## Negara

1. Sistem ekonomi negara berjalan lancar kerana terdapat berbagai jenis muamalah yang boleh dilakukan oleh rakyat.
2. Negara akan menjadi pusat kewangan yang disegani oleh negara luar kerana mempunyai sistem muamalah yang berkesan bagi memajukan ekonomi.
3. Ekonomi negara akan bertambah maju dan mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa kerana semua rakyat dapat memainkan peranan yang berkesan dalam memajukan ekonomi

**Keburukan bermuamalah tidak mengikut cara Islam kepada individu masyarakat dan negara.**

| Individu | Masyarakat | Negara |
|---|---|---|
| Melahirkan individu yang tamak haloba dan mementingkan diri sendiri | Masyarakat tidak bersatu padu kerana hilangnya semangat tolong-menolong dan bekerjasama dalam masyarakat. | Sistem ekonomi negara tidak akan berjalan dengan lancar kerana terdapatnya penindasan ke atas golongan yang lemah. |
| Individu hidup dalam kegelisahan kerana takut harta mereka akan ditipu dan diselewengkan oleh orang lain. | Masyarakat berada dalam kegelisahan kerana berlakunya penindasan ke atas golongan yang lemah dan memerlukan pertolongan seperti orang miskin dan sebagainya. | Sistem kewangan negara akan runtuh kerana berleluasanya amalan rasuah dan riba dalam sistem ekonomi |
| Individu boleh menceburi pelbagai bidang ekonomi melalui kepelbagaian jenis muamalah, seperti murabahah, musyarakah dan sebagainya. | Masyarakat akan dibelenggu dengan masalah rasuah dan riba kerana golongan yang berada tidak akan menolong orang yang miskin dan memerlukan pertolongan kecuali jika mereka mendapat keuntungan dengan cara yang mudah. | Ekonomi negara akan mundur kerana hanya golongan yang kaya sahaja dapat bersaing dan memonopoli kekayaan ekonomi negara. |

# Langkah-langkah untuk menggalakkan bermuamalah secara Islam

- Memberi penerangan dan pendidikan secara berterusan melalui semua media massa kepada masyarakat tentang kebaikan menggunakan sistem muamalah Islam dalam urusan seharian.
- Menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada masyarakat untuk berurusan dengan sistem muamalah Islam, seperti menyediakan kaunter syariah di semua bank-bank di Malaysia.
- Mengemas kini sistem muamalah Islam agar sesuai dengan suasana dan persekitaran masyarakat di Malaysia.
- Mengenal pasti masalah serta halangan yang boleh menghalang kelancaran dan keberkesanan sistem muamalah Islam dalam negara dan mengatasinya dengan segera.

# Keunggulan sistem perbankan Islam:

- Mendorong tanggungjawab bersama antara pendeposit dan pihak bank dalam menghadapi risiko untung rugi secara adil.
- Pendeposit akan sentiasa mengetahui marjin untung rugi pada setiap bulan kerana kadar faedahnya tidak ditetapkan terlebih dahulu.
- Operasi perbankan Islam tidak akan menyebabkan berlakunya inflasi kerana perbankan Islam pada dasarnya lebih banyak memberikan pinjaman dalam bentuk barangan modal seperti mesin, jentera dan bangunan kepada pengusaha.
- Perbankan Islam tidak dipengaruhi oleh sentimen ekonomi yang berlaku sama ada di dalam mahupun di luar negeri kerana operasinya tidak bergantung pada kadar faedah yang telah ditetapkan.

## PELAJARAN 4 UNIT 3: JENIS-JENIS MUAMALAH

### KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Sistem al-Mudharabah memberi kemudahan kepada pelabur kerana
A Menjalankan perniagaan melalui modal
B Mempunyai modal serta pakar dalam bidang perniagaan
C Pelabur dapat menjalankan perniagaan dengan modal yang diperolehi
D Pelabur dapat mengembangkan hartanya walaupun tidak mempunyai kepakaran

2 Berikut adalah persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional
I Memenuhi keperluan hidup manusia
II Memudahkan manusia mendapat harta
III Melicinkan urusan kehidupan manusia seharian
IV Melaksanakan sistem ekonomi berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3

| Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam sesuatu kegiatan ekonomi dan berkongsi keuntungan |
|---|

Istilah di atas merujuk kepada
A Al-Wadiah
B Al-Mudharabah
C Al- Murabahah
D Al-Musyarakah

4 Berikut adalah tujuan Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah **kecuali**
A Memberi peluang kepada manusia melaksanakan aktiviti ekonomi dengan berkesan
B Menghadkan penglibatan dalam sesuatu jenis muamalah sahaja
C Menggerakkan ekonomi dengan lebih pesat
D Membantu golongan yang kurang berharta

5

| Memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kewangan mereka |
|---|

Penerangan di atas merujuk kepada
A Al-Musyarakah / al-Murabahah
B Al-Ijarah / al-Bai` bithamanil ajil
C Al-Mudharabah / al-Rahnu
D Al-Wadiah / al-Takaful

6 | Ali sebagai peniaga telah mengurangkan sukatan timbangan dalam urusan jual beli

Kenyataan di atas adalah muamalah yang tidak sah menurut Islam kerana ia mengandungi unsur

A Penipuan
B Perjudian
C Penindasan
D Barangan yang tidak suci dan najis

7 Apakah kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu?

i Melahirkan individu yang kaya
ii Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri
iii Melahirkan individu yang tamak haloba
iv Melahirkan golongan miskin yang terbiar

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

8




Jenis-jenis muamalah di atas mendorong manusia

I Saling berhubung antara satu sama lain
II Saling berkenalan antara satu sama lain
III Saling bermaafan antara satu sama lain
IV Saling bantu membantu antara satu sama lain

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 14 hingga 39**
*Lengkapkan pernyataan berikut.*

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Untuk kegunaan Pemeriksa | No. | Pernyataan | |
|---|---|---|---|
| 1 | 9 | Antara syarat sah muamalah ialah pihak yang melakukan transaksi mesti waras dan sempurna. | |
| 1 | 10 | Konsep at-Ta`awun wujud apabila pemilik menyewakan rumahnya kepada penyewa. | |
| 1 | 11 | Al-Ijarah ialah proses yang membolehkan kita membeli sesuatu barangan dengan bayaran tertangguh. | |
| 1 | 12 | Muamalat ialah tatacara perhubungan sesama manusia. | |
| 1 | 13 | Monopoli adalah salah satu cara muamalah Islam. | |
| 1 | 14 | Islam membenarkan umatnya menggunakan apa-apa cara sekalipun untuk bermuamalah bagi menjadi sebuah negara yang maju dan disegani. | |

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan di bawah dalam ruang yang disediakan.

| No. | Pernyataan | Jawapan | Untuk Kegunaan Pemeriksa |
|---|---|---|---|
| 15 | Mewakilkan sesuatu barangan atau harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diuruskan. | | 1 |
| 16 | Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu. | | 1 |
| 17 | Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam suatu kegiatan ekonomi dan berkongsi keuntungan. | | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18 | Bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik | | 1 |
| 19 | Pungutan dan pengagihan harta diuruskan oleh amil-amil | | 1 |
| 20 | Pertolongan kepada orang yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk mendapatkan sesuatu barangan | | 1 |
| 21 | Kemudahan yang disediakan kepada orang yang tidak mempunyai harta dan darurat | | 1 |

Padankan contoh-contoh berikut dengan istilah-istilah Muamalah yang sesuai.

| A | B | C |
|---|---|---|
| ar-Rahn | al-Ijarah | at-Takaful |
| D | E | F |
| al-Murabahah | al-Wadiah | al-Musyarakah |

| | | |
|---|---|---|
| 22 | Membayar dengan bayaran tertentu terhadap sesuatu barang yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat dari harta milik orang lain | |
| 23 | Pemilik kereta menyertai satu sistem untuk melindungi keretanya apabila ditimpa kemalangan | |
| 24 | Peniaga mencagarkan barang kemas kepada pihak tertentu untuk menambahkan modal. | |
| 25 | Dua orang berkongsi modal untuk sama-sama berkongsi keuntungan dalam kegiatan ekonomi | |
| 26 | Ahmad menjual rumahnya dengan mengambil keuntungan sebanyak 10 % dari harga asal rumah tersebut | |

Berdasarkan ciri-ciri persamaan yang diberi, tuliskan jenis-jenis muamalah yang bersesuaian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | Persamaan | Jenis Muamalah | |
|---|---|---|---|
| 27 | Satu bentuk simpanan dan pelaburan wang. | | 1 |
| 28 | Kontrak jual beli barangan secara ansuran. | | 1 |
| 29 | Satu cara menolong orang yang memerlukan sesuatu barangan. | | 1 |

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Senaraikan empat cara sistem muamalah Islam mendapatkan sumber kewangan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan

2 Manusia memerlukan pelbagai jenis muamalah untuk memenuhi keperluan hidup mereka.
Nyatakan sebab manusia memerlukannya.

3 Kepelbagaian jenis muamalah memberikan kesan positif terhadap individu,masyarakat dan negara.
Nyatakan kesan positif dari kepelbagaian jenis muamalah kepada negara.

4 Melalui sistem muamalah Islam, manusia dapat menjalani kehidupan dengan sempurna.
Jelaskan pernyataan di atas

# PELAJARAN 5 : PERUNDANGAN ISLAM
# UNIT 1 PENGERTIAN PERUNDANGAN ISLAM DAN FALSAFAH

## Pengertian perundangan Islam

**Dari Segi bahasa**

Jalan yang lurus

**Dari Segi Istilah Syarak**

Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak dan sebagainya

### Dalil Perundangan Islam

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Kemudian Kami jadikan kamu ( wahai Muhammad dan utusan engkau ) menjalankan suatu syariat ( yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama, Maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui ( perkara yang benar).

(Surah al-Jaathiyah, 45 : 18)

## Keunggulan Perundangan Islam

1. Ciptaan Allah SWT
2. Hukuman dalam perundangan Islam adalah adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan tanpa mengira kedudukan, pangkat dan keturunan seseorang
3. Mendidik jiwa manusia dengan akhlak yang murni
4. Lengkap dan sesuai dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti ibadat, akidah, muamalah dan sebagainya
5. Kekal hingga ke hari akhirat tanpa berlakunya perubahan.
6. Hukumannya bersifat memberi pengajaran kepada manusia
7. Memelihara kemaslahatan masyarakat dan negara

# Keperluan Perundangan Islam

| | |
|---|---|
| **Individu** | • Kehidupannya diberkati oleh Allah SWT.<br>• Jiwanya menjadi tenang<br>• Hidupnya berjaya di dunia dan akhirat |
| **Masyarakat** | • Jenayah berkurangan<br>• Masyarakat bebas melakukan aktiviti seharian<br>• Harta benda dan jiwa masyarakat terpelihara |
| **Negara** | • Menjadi aman dan harmoni<br>• Negara maju dan makmur<br>• Ekonomi negara berkembang dengan pesat |

# Sumber Perundangan Islam

| SUMBER | PENGERTIAN | KETERANGAN |
|---|---|---|
| Al-Quran | Bahasa | Bacaan |
| | Istilah | Kalam Allah yang bermukjizat, diturunkan kepada nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril dalam bahasa Arab. Setiap huruf al-Quran yang dibaca merupakan ibadat. Al-Quran bermula daripada surah al-Fatihah dan berakhir dngan surah an-Nas. Al-Quran juga merupakan sumber utama rujukan umat Islam. |
| Al-Hadis | Bahasa | Jalan hidup, kelakuan |
| | Istilah | Setiap perkara yang diambil daripada Rasulullah SAW samada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda. |
| Al-Ijmak | Bahasa | Sepakat |
| | Istilah | Persetujuan antara ulamak Islam mengenai hukum syarak pada sesuatu masa selepas kewafatan Rasulullah SAW. |
| Al-Qias | Bahasa | Ukuran atau anggaran |
| | Istilah | Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang telah sedia ada kerana persamaan dari segi illat (sebab). Contohnya pengharaman dadah diqiaskan dengan arak kerana kedua-duanya boleh |

# Sebab al-Quran & Hadis sumber rujukan utama

1. Al-Quran dan hadis mempunyai kebenaran yang mutlak.Isi kandungan al-quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pakar bahasa dan sastera
2. Datangnya daripada Allah SWT sendiri
3. Ajaran al-Quran dan hadis sesuai diamalkan pada semua tempat waktu dan zaman
4. Isi kandungan al-Quran dan hadis merangkumi semua aspek kehidupan manusia

# Perbezaan antara perundangan Islam dengan Perundangan ciptaan manusia

| Bil | Perundangan Islam | Perundangan ciptaan manusia |
|---|---|---|
| 1 | **Ciptaan Allah SWT** | **Ciptaan manusia** |
| 2 | **Bersifat universal (sesuai pada semua waktu, tempat dan zaman )** | **Bersifat setempat** |
| 3 | **Rujukannya adalah al-Quran dan hadis nabi** | **Rujukannya adalah berdasarkan pemikiran manusia** |
| 4 | **Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat** | **Hanya mengenai kehidupan di dunia sahaja** |
| 5 | **Orang yang mematuhinya akan diberikan pahala manakala orang yang melanggarnya akan berdosa** | **Mengingkarinya akan dikenakan hukuman di dunia sahaja** |

# Faedah mengamalkan perundangan Islam

## Individu

- ✓ Melahirkan insan yang bertanggungjawab dan bertakwa
- ✓ Dikasihi dan hidupnya diberkati oleh Allah SWT
- ✓ Terjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat

## Masyarakat

- ❖ Mengelakkan daripada perpecahan dan pergaduhan dalam masyarakat
- ❖ Mengukuhkan hubungan silaturahim tanpa mengira agama dan budaya
- ❖ Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera

## Negara

- ➢ Memantapkan keamanan dan kedaulatan negara
- ➢ Negara dan rakyatnya akan dihormati oleh negara luar
- ➢ Negara akan bertambah maju dan makmur

## Cara Menghayati Perundangan Islam

- Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT
- Mengamalkan cara hidup Islam
- Berfikir, mengkaji serta mengakui kebenaran ajaran Islam
- Mencintai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat
- Melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan
- Bertindak selaras dengan ajaran Islam

## Cara Perundangan Islam Menjamin Kesejahteraan Hidup Manusia

- Memelihara segala keperluan hak asasi manusia seperti nyawa, akal, harta dan sebagainya
- Mengharamkan perbuatan yang boleh memusnahkan hidup manusia
- Menjatuhkan hukuman yang adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan

**PELAJARAN 5 : PERUNDANGAN ISLAM**
**Unit 1 : Pengertian Perundangan Islam Dan falsafah**

## KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Antara berikut yang manakah **bukan** sumber utama perundangan Islam?
A Al-Qias
B Al-Ijmak
C Al-Quran
D Al-Istihsan

2 Al-Quran dan al-Hadis merupakan sumber rujukan perundangan Islam yang utama **kecuali**
A Al-Quran dan al-Hadis mempunyai kebenaran yang mutlak
B Kandungan al-Quran dan al-Hadis merangkumi semua aspek kehidupan
C Al-Quran dan al-Hadis bersifat setempat dan sesuai untuk sesuatu bangsa
D Ajaran al-Quran dan al-Hadis sesuai diamalkan sepanjang masa dan tempat

3 Berikut adalah ciri-ciri perundangan Islam **kecuali**
A Al-Quran dan al-Hadis sebagai rujukan
B Sesuai pada semua tempat dan zaman
C Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat
D Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia

4 Yang manakah antara berikut bukan ciri-ciri keunggulan perundangan Islam?.
A Hukuman yang adil
B Jenayah berkurangan
C Mendidik jiwa manusia
D Hukuman bersifat memberikan pengajaran

5 Masyarakat perlu mematuhi perundangan Islam untuk mencapai tujuan berikut **kecuali**
A Ekonomi berkembang dengan pesat
B Bebas melakukan aktiviti seharian
C Terpelihara harta dan nyawa
D Jenayah berkurangan

6 Setiap perkara yang diambil daripada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda.
Pernyataan ini merujuk kepada :
A Al-Qias
B Al-Hadis
C Al-Ijmak
D Al-Quran

7 Berikut adalah di antara sumber utama perundangan Islam
- i Al-Ijmak
- ii Al-Istihsan
- iii Al-Istishab
- iv Al-Qias

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

8 Al-Quran dan al-Hadis merupakan sumber rujukan perundangan Islam yang utama kerana
- i Al-Quran dan al-Hadis mempunyai kebenaran yang mutlak
- ii Al-Quran dan al-Hadis sesuai pada sesuatu tempat dan keadaan sahaja
- iii Ajaran al-Quran dan al-Hadis sesuai diamalkan sepanjang masa dan tempat
- iv Kandungan al-Quran dan al-Hadis merangkumi semua aspek kehidupan manusia

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

9 Antara ciri-ciri keunggulan perundangan Islam adalah seperti berikut
- i Bersifat setempat
- ii Hukuman yang adil
- iii Kekal hingga ke akhirat
- iv Mendidik jiwa manusia

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 10 hingga 28**

Tuliskan istilah yang betul dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10 | Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. terhadap manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak dan sebagainya | | 1 |
| 11 | Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada kerana bersamaan illat | | 1 |
| 12 | Persetujuan antara ulama Islam mengenai hukum syarak pada suatu masa selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. | | 1 |
| 13 | Kalam Allah s.w.t yang bermukjizat serta diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui malaikat Jibril dalam bahasa Arab | | 1 |
| 14 | Setiap perkara yang diambil daripada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda | | 1 |

| *Untuk kegunaan Pemeriksa* | Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.<br>Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH. |
|---|---|

1 — 15 Perundangan Islam sesuai hanya pada suatu tempat dan keadaan sahaja. [ ]

1 — 16 Al-Quran merupakan sumber rujukan yang kedua. [ ]

1 — 17 Perundangan Islam sentiasa berkembang sesuai dengan perkembangan hidup manusia. [ ]

1 — 18 Hukuman dalam perundangan Islam dilaksanakan di khalayak ramai bertujuan untuk memalukan penjenayah. [ ]

1 — 19 Al-Quran diturunkan secara sekaligus kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan malaikat Jibril a.s dalam bahasa Arab. [ ]

1 — 20 Kandungan al-Quran tidak dapat ditandingi oleh pakar-pakar bahasa dan sastera. [ ]

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

**Faedah mengamalkan Perundangan Islam**

| X | Faedah kepada individu |
|---|---|

| Y | Faedah kepada masyarakat |
|---|---|

| Untuk kegunaan Pemeriksa | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 21 | Mengelakkan perpecahan dan pergaduhan. | |
| 1 | 22 | Melahirkan insan yang bertanggungjawab dan bertaqwa. | |
| 1 | 23 | Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera. | |
| 1 | 24 | Menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. | |
| 1 | 25 | Dikasihi dan diberkati oleh Allah s.w.t. | |

Carta di bawah menunjukkan sumber utama dalam Perundangan Islam

| |
|---|
| P |
| al-Hadis |
| Q |
| R |

Tuliskan sumber bagi ruangan yang bertanda :

26 P : ____________

27 Q : ____________

28 R : ____________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Berikan pengertian perundangan Islam dari segi istilah.

2 Huraikan **dua** ciri keunggulan perundangan Islam.

3 Nyatakan matlamat perundangan Islam.

4 Jelaskan tiga kesan perundangan Islam dalam menjaga nasab manusia.

5 Terangkan **tiga** faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat.

6 Nyatakan keperluan perundangan Islam dalam kehidupan manusia.

7 Berikan **dua** sebab al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam.

8 Nyatakan keistimewaan perundangan Islam.

9 Jelaskan **tiga** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan manusia.

10 Senaraikan sumber utama perundangan Islam.

11 Berikan alasan umat Islam mesti menerima perundangan Islam untuk dilaksanakan.

12 Nyatakan sumbangan anda untuk mencapai matlamat perundangan Islam.

# PELAJARAN 5 UNIT 2
# PENGERTIAN QADHA. FIKAH . IJTIHAD DAN FATWA

## Qadha

### Pengertian Qadha

**Penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang jelas.Contohnya hakim memutuskan hukuman supaya suami menceraikan isterinya, setelah terbukti suami telah mengabaikan isterinya**

### Keperluan Qadha

- ✓ Untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya kepada pesalah
- ✓ Menjamin keamanan dan mengekalkan keharmonin dalam masyarakat
- ✓ Mengelakkan huru hara dalam masyarakat
- ✓ Menjamin keadilan dalam masyarakat

### Matlamat Qadha

- Untuk menyelesaikan pertelingkahan antara kedua belah pihak yang bertelagah
- Untuk memastikan pihak yang bertelagah menghormati keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah
- Untuk memastikan hukuman yang dijatuhkan setimpal dan adil kepada semua pihak

### Kebaikan Qadha

- **Hukuman yang dijatuhkan bersumberkan hujah dan bukti yang benar**
- **Keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan yang wajar dan adil**
- **Hukuman di putuskan oleh orang yang adil dan berkelayakkan dalam bidang tersebut**

# Fikah

## Pengertian Fikah

**Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid, yang diambil daripada dalil-dalil syarak. Contohnya bersentuhan kulit antara lelaki dengan perempuan ajnabi membatalkan wuduk menurut mazhab Syafi'i**

## Keperluan Fikah

- ✓ Untuk menentukan hukum Allah SWT sesuai dilaksanakan pada setiap tempat, waktu dan keadaan
- ✓ Untuk memastikan umat Islam dapat mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung dalam hukum agama
- ✓ Untuk memudahkan umat Islam berpegang teguh dengan hukum agama
- ✓ Untuk menyakinkan umat Islam untuk melaksanakan ibadat kepada Allah SWT

## Matlamat Fikah

- Untuk memudahkan kefahaman individu terhadap suruhan dan larangan Allah SWT
- Untuk mewujudkan sebuah msayarakat yang aman dan damai
- Untuk menentukan perintah Allah SWT sesuai sepanjang zaman

## Kebaikan Fikah

- ☛ **Membolehkan umat Islam melaksanakan ibadat tanpa keraguan**
- ☛ **Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan**
- ☛ **Menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia**

# Ijtihad

## Pengertian Ijtihad

**Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis**

## Keperluan Ijtihad

- Untuk memastikan setiap keputusan yang dilakukan boleh di terima dan sesuai dengan keadaan semasa
- Supaya keputusan yang dikeluarkan menepati kehendak syarak
- Untuk memastikan undang-undang Islam sentiasa berkembang

## Matlamat Ijtihad

- ✓ Untuk menyelesaikan masalah yang timbul dengan sempurna
- ✓ Untuk mengelakkan pertikaian dalam menyelesaikan masalah
- ✓ Untuk menggalakkan umat Islam (para ulama) berfikir untuk mencari hukum yang baru
- ✓ Untuk menambahkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah serta mendapat rahmat-Nya

## Kebaikan Ijtihad

- **Memberikan peluang kepada mujtahid untuk mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-quran dan hadis**
- **Memastikan peristiwa yang berlaku dapat diselesaikan mengikut kaedah Islam**
- **Memastikan hukum Islam dapat dikembangkan secara berterusan**
- **Memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan hukum yang baru**

# Fatwa

**Sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh majlis fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan sesuatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa.**

## Keperluan Fatwa

- ✓ Untuk menyelesaikan masalah yang tidak terdapat hukum secara nyata dalam al-quran dan al-hadis
- ✓ Untuk mengelakkan masyarakat berpegang kepada hukum yang dikeluarkan oleh individu
- ✓ Untuk menghilangkan keraguan masyarakat terhadap sesuatu hukum
- ✓ Untuk memberi keyakinan kepada umat Islam untuk berpegang kepada hukum agama

## Matlamat Fatwa

- Menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan cara yang terbaik berlandaskan al-quran dan al-hadis
- Mengelakkan berlakunya pertikaian dan perselisihan pendapat dalam masyarakat
- Memastilkan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT

## Kebaikan Fatwa

- **Menjadikan umat Islam patuh kepada ajaran agama**
- **Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran**
- **Mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan harmoni**

## Syarat orang yang layak mengeluarkan fatwa

- Ahli majlis fatwa kebangsaan
- Ulama yang warak
- Tahu berbahasa Arab
- Hafaz al-Quran
- Tahu sebab-sebab diturunkan sesuatu ayat al-Quran
- Mahir dalam ilmu mantik dan balagah
- Mahir dalam ilmu hadis

## Contoh Fatwa

- Hukuman bunuh kepada pengedar dadah
- Pengharaman klon manusia
- Hukum harus menderma organ badan manusia

# Perbezaan antara fatwa dan ijtihad

| Fatwa | Ijtihad |
|---|---|
| • Dikeluarkan oleh majlis fatwa | • Dikeluarkan oleh individu yang berkelayakan |
| • Mempunyai kesan penguatkuasaan undang-undang | • Penguatkuasaan undang-undang tidak berlaku hasil daripada ijtihad seseorang |
| • Rujukannya adalah al-Quran dan hadis nabi | • Merujuk kepada pelbagai sumber |
| • Berkaitan dengan hukum-hukum agama | • Berkaitan dengan hal umum dan tidak berkaitan dengan agama |

# Perbezaan antara Fiqah dan Qadha

| Fikah | Qadha |
|---|---|
| • Hukum amali yang dikeluarkan oleh para mujtahid | • Hukum atau keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau pemerintah |
| • Sumbernya daripada dalil-dalil tafsili seperti al-Quran dan hadis | • Sumbernya adalah daripada bukti yang nyata dalam perbicaraan |
| • Sentiasa berkembang mengikut perkembangan pemikiran manusia | • Hanya berkembang jika terdapat kes-kes yang dibicarakan di mahkamah |
| • Mujtahid sahaja yang berkelayakkan untuk mengijtihadkan hukum daripada al-quran dan hadis | • Keputusan qadha terletak ditangan hakim atau penguasa |

## Sebab umat Islam wajib mematuhi hukum-hukum tersebut

- ✓ Hukum-hukum tersebut bersumberkan kepada dalil-dalil yang benar dan sahih
- ✓ Hukum tersebut dikeluarkan setelah di buat pertimbangan yang seadil dan sewajarnya
- ✓ Orang yang mengeluarkan hukum tersebut memang berkelayakkan dan bertanggungjawab dalam bidang masing-masing

## Kepentingan hukum-hukum tersebut kepada perkembangan perundangan Islam

- Undang-undang Islam menjadi semakin luas dan tidak jumud (beku)
- Perundangan Islam mampu menangani masalah semasa yang wujud di kalangan umat Islam
- Perundangan Islam berkembang mengikut perkembangan semasa

**PELAJARAN 5 : PERUNDANGAN ISLAM**
**Unit 2 : Pengertian Qadha, Fikah, Ijtihad Dan Fatwa**

## KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Pernyataan manakah yang **bukan** merujuk kepada kebaikan ijtihad
A Memastikan hukum Islam dapat dikembangkan secara berterusan.
B Memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan hukum yang baru.
C Memastikan peristiwa yang berlaku dapat diselesaikan mengikut kaedah Islam.
D Memberikan peluang kepada mujtahid untuk mengeluarkan pendapat masing-masing.

2 Antara berikut yang manakah **bukan** matlamat fatwa
A Mengelakkan perselisihan pendapat dalam masyarakat
B Memastikan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah s.w.t
C Memastikan masyarakat prihatin dengan setiap fatwa yang dikeluarkan
D Menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan cara yang terbaik berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.

3 Berikut merupakan keperluan ijtihad **kecuali**
A Mengelakkan pertikaian dalam menyelesaikan masalah.
B Menyelesaikan setiap masalah yang timbul dengan sempurna.
C Menggalakkan para ulama berfikir untuk mencari hukum yang baru
D Merapatkan hubungan para ulama ketika berbincang mengenai sesuatu hukum yang baru

4 Yang manakah **bukan** matlamat fikah
A Mewujudkan sebuah negara yang harmoni.
B Mewujudkan sebuah masyarakat yang aman damai.
C Menentukan perintah Allah s.w.t sesuai sepanjang masa.
D Memudahkan kefahaman individu terhadap suruhan dan larangan Allah s.w.t

5 Berikut merupakan fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan **kecuali**
A Hukum haram pengklonan manusia
B Hukum gantung kepada pengedar dadah
C Hukum harus menderma organ badan manusia
D Hukum harus bayi tabung uji daripada pasangan suami isteri yang sah

6 Suatu usaha yang dilakukan secara bersunguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis

Pernyataan di atas merujuk kepada

A Qadha
B Fatwa
C Ijtihad
D Fikah

7 Antara berikut ialah matlamat Qadha **kecuali**

A Menyelesaikan pertelingkahan antara kedua-dua belah pihak yang bertelagah
B Memastikan hukuman yang dijatuhkan setimpal dan adil kepada semua pihak
C Mengelakkan berlaku huru-hara di luar mahkamah selepas sesuatu perbicaraan
D Memastikan pihak yang bertelagah menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah

8 Yang manakah **tidak benar** mengenai kebaikan qadha

A Keputusan yang dibuat oleh mahkamah berdasarkan kenyataan saksi
B Keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan yang wajar dan adil
C Hukuman yang dijatuhkan bersumberkan dalil-dalil dan hujah yang benar
D Hukuman diputuskan oleh orang yang adil dan berkelayakan dalam bidang tersebut

9 Berikut merupakan kebaikan fikah **kecuali**

A Membolehkan umat Islam melaksanakan ibadat tanpa keraguan
B Menggalakkan umat Islam agar sentiasa beribadat kepada Allah s.w.t
C Menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia
D Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan

10 Yang manakah **bukan** matlamat ijtihad

A Memastikan hukum-hukum Islam sentiasa berkembang
B Keputusan yang dikeluarkan menepati kehendak syarak
C Memastikan para ulamak sentiasa mencari hukum yang baru
D Memastikan setiap keputusan yang dilakukan boleh diterima dan sesuai dengan keadaan

11 Berikut adalah kebaikan fatwa **kecuali**

A Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
B Menjadikan umat Islam patuh kepada ajaran agama
C Mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan harmoni
D Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran

12 Fatwa manakah yang telah diputuskan oleh Majlis fatwa Kebangsaan?

i Hukum haram pengklonan manusia
ii Hukum wajib menutup aurat
iii Hukum wajib sembahyang Jumaat
iv Hukum harus menderma organ badan manusia

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

13 Pernyataan manakah yang merupakan matlamat ijtihad?.
- i Keputusan yang dikeluarkan menepati kehendak syarak
- ii Memastikan hukum-hukum Islam sentiasa berkembang
- iii Menyelesaikan masalah yang timbul secepat mungkin
- iv Memastikan setiap keputusan boleh diterima dan sesuai dengan keadaan

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

14 Pernyataan manakah yang menunjukkan kebaikan fatwa
- i Menyelesaikan masalah yang timbul dalam masyarakat dengan cepat
- ii Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran
- iii Menjadikan umat Islam yang patuh kepada ajaran agama
- iv Mewujudkan umat Islam yang berdisiplin dan harmoni

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

## BAHAGIAN B : Respon tehad.

**Soalan 15 hingga 35**

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

15 ______________ bermaksud ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fikah berasaskan bimbingan al-Quran, al-Hadis dan menurut pendapatnya sendiri.

16 Hukum _____________ yang diputuskan oleh pihak mahkamah mempunyai keperluan, matlamat dan kebaikan untuk seluruh manusia.

17 ___________ bermaksud sesuatu usaha yang dilakukan secara bersunguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berasaskan al-Quran dan al-Hadis.

18 ____________ ialah sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan suatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa.

Tuliskan istilah yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

19 Penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang nyata [ ] 1

20 Ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fikah berasaskan bimbingan al-Quran, al-Hadis dan menurut pendapatnya sendiri [ ] 1

21 Orang lelaki dan perempuan yang sah dikahwinkan antara kedua-duanya [ ] 1

22 Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak [ ] 1

23 Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis [ ] 1

24 Sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan suatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa [ ] 1

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

1 | 25 Bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang ajnabi tidakmembatalkan wuduk menurut mazhab Syafii

1 | 26 Fatwa ialah sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan suatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa

1 | 27 Qadha ialah hukum yang diputuskan oleh mahkamah berdasarkan bukti-bukti yang benar

1 | 28 Setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa tidak mempunyai penguatkusaan undang-undang

1 | 29 Hukum fikah yang diijtihadkan oleh para mujtahid mempunyai keperluan, matlamat dan kebaikan kepada semua manusia

1 | 30 Mujtahid bermaksud ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fikah berasaskan bimbingan al-Quran, al-Hadis dan pendapatnya sendiri

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

| X | Fatwa |
|---|---|

| Y | Ijtihad |
|---|---|

| | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 31 | Mempunyai kesan penguatkuasaan undang-undang | |
| 1 | 32 | Merujuk kepada pelbagai sumber | |
| 1 | 33 | Berkaitan dengan hal umum sama ada yang berkaitan atau yang tidak berkaitan dengan agama | |
| 1 | 34 | Merujuk kepada al-Quran, al-Hadis, al-Ijmak dan al-Qias | |
| 1 | 35 | Berkaitan dengan hukum-hukum agama | |

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Senaraikan **tiga** fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

2 Nyatakan pengertian fikah dan contohnya.

3 Jelaskan pengertian qadha dan contohnya.

4 Terangkan **tiga** perbezaan antara fatwa dengan ijtihad.

5 Jelaskan **tiga** perbezaan antara fatwa dengan pendapat.

6 Terangkan kepentingan fatwa kepada masyarakat.

7 Berikan pengertian istilah-istilah berikut :

1. Fatwa
2. Ijtihad
3. Fikah
4. Qadha

8 Jelaskan kebaikan qadha kepada seluruh manusia.

9 Jelaskan kepentingan ijtihad pada masa kini.

10 Apakah kebaikan fatwa kepada umat Islam pada masa kini?

11 Jelaskan keperluan fatwa yang diwartakan oleh Majlis Fatwa kepada masyarakat umum.

12 Terangkan kebaikan hukum fikah terhadap manusia.

13 Jelaskan keperluan hukum fikah dalam kehidupan manusia seharian.

14 Nyatakan matlamat qadha terhadap manusia.

15 Mengapakah manusia perlu kepada ijtihad.

16 Berikan **tiga** tujuan ijtihad.

17 Jelaskan **tiga** matlamat fatwa.

# PELAJARAN 5 UNIT 3
# MATLAMAT PERUNDANGAN ISLAM



## Memelihara Agama

**Maksud**

**Memelihara kesucian akidah daripada perbuatan syirik, riddah, khurafat dan sebagainya.**

### Cara Islam Memelihara Agama

- **Mewajibkan umat Islam mematuhi segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya**
- **Mewajibkan umat Islam supaya sentiasa berakhlak mulia**
- **Mengambil tindakan yang tegas keatas mereka yang menyelewengkan ajaran Islam**
- **Menyuburkan pelbagai disiplin ilmu supaya kefahaman mengenai Islam meningkat dalam masyarakat.**
- **Mensyariatkan hukuman bunuh keatas orang yang murtad ( keluar daripada agama Islam )**

## Memelihara Nyawa

**Maksud**

**Menjaga nyawa manusia daripadadi cerobohi ( dibunuh/ dicederakan ) dan memastikan tiada unsur-unsur yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain**

### Cara Islam Memelihara Nyawa

1. Mewajibkan umat Islam menjaga kebersihan dan keselamatan diri sendiri dan orang lain seperti memakan makanan yang berzat, bersih dan halal
2. Islam mengharamkan perbuatan membunuh diri sendiri atau orang lain
3. Islam mewajibkan umatnya menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaaan seperti memandu secara berbahaya dan terlibat dengan perlumbaan haram.
4. Mensyariatkan hukuman Qisas keatas pembunuh

## Memelihara Akal

**Maksud**

Memelihara kewarasan dan kesempurnaan akal fikiran daripada perkara-perkara yang boleh merosakannya

### Cara Islam Memelihara Akal

- Mewajibkan umat Islam menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal seperti minum arak, mengambil dadah, pil khayal dan sebagainya
- Islam mewajibkan umatnya supaya sentiasa melakukan ibadat, membaca buku-buku yang berfaedah, melakukan riadah dan sebagainya
- Mewajibkan umat Islam supaya sentiasa berfikiran rasional dan melarang daripada memikirkan perkara-perkara yang boleh merosakkan akal manusia.
- Menggalakkan umatnya supaya mendampingi ulama dan para cendekiawan

## Memelihara Harta Benda

**Maksud**

Mengakui hak individu terhadap harta yang  diperolehi secara halal dan dibenarkan oleh syarak

### Cara Islam Memelihara Harta

- Islam menghormati dan mengiktiraf hak milik individu (persendirian)
- Menghormati hak awam seperti memelihara harta benda awam yang telah disediakan oleh kerajaan
- Mengenakan hukuman Hudud (potong tangan keatas pencuri)
- Mewajibkan umat Islam mencari dan membelanjakan harta secara halal
- Mewajibkan dikeluarkan zakat katas orang yang mampu
- Mengharamkan perbuatan membazirkan harta

# Memelihara Keturunan

**Maksud**

Menjaga keturunan manusia daripada dicemari oleh perbuatan-perbuatan yang merosakkan kesucian keturunan manusia

## Cara Islam Memelihara Keturunan

- Islam mewajibkan umatnya supaya menjauhi perbuatan yang boleh merosakkan keturunan manusia seperti zina, liwat, homoseks dan lesbian
- Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan keturunan manusia yang sempurna
- Islam mengenakan hukuman Hudud ( sebat atau rejam ) keatas orang yang berzina.

## Kesan Perundangan Islam dalam menjaga nasab

- Nasib manusia terpelihara daripada fitnah dan tiada keraguan terhadap keturunannya
- Mengelakkan perbalahan dalam pembahagian pesaka
- Hak penjagaan anak terjamin
- Setiap ahli keluarga akan mendapat haknya secara adil
- Maruah dan keturunan manusia terpelihara

# Memelihara Maruah

**Maksud**

Menjaga akhlak dan menjauhi perbuatan dan kelakuan buruk

## Cara Islam Memelihara maruah

- Islam melarang umatnya berakhlak buruk seperti dengki dan melakukan perbuatan yang sia-sia seperti merayau-rayau di pusat membeli belah
- Melarang umatnya menghina dan menjatuhkan maruah seseorang
- Menyuruh umatnya menjaga batasan pergaulan, bercakap dengan bersopan dan menjalin persahabatan dengan baik.
- Mewajibkan umatnya supaya berpakaian yang menutup aurat
- Mewajibkan umatnya supaya menjaga tingkah laku

# Memelihara Keharmonian Negara

**Maksud**

Menjaga keamanan dan keselamatan negara daripada ancaman dari dalam atau luar negara.

## Cara Islam Memelihara Keharmonian Negara

- Menjaga hubungan diplomatik dengan negara luar
- Menghormati hak individu dalam negara
- Meningkatkan semangat perpaduan dikalangan rakyat
- Mewajibkan rakyat mentaati  pemerintah yang adil
- Mempertingkatkan usaha kearah membangun dan memakmurkan negara.
- Melarang umat Islam daripada menderhaka kepada negara

## Kepentingan Matlamat Perundangan Islam

| BIL | MATLAMAT PERUNDANGAN ISLAM | KEPENTINGAN MATLAMAT PERUNDANGAN ISLAM |
|---|---|---|
| 1 | Memelihara Agama | • Untuk menjaga akidah umat Islam daripada terpesong<br>• Untuk menjaga kesucian agama Islam |
| 2 | Memelihara Nyawa | • Supaya kehidupan manusia berada dalam keadaan selamat dan sejahtera<br>• Untuk menjamin kehidupan supaya lebih sempurna |
| 3 | Memelihara Akal | • Untuk memastikan pemikiran manusia sentiasa waras<br>• Untuk memastikan kewarasan akal sentiasa terpelihara |
| 4 | Memelihara Harta Benda | • Supaya manusia mencari dan memiliki harta secara halal<br>• Untuk memastikan agihan harta dilakukan secara halal |
| 5 | Memelihara Keturunan | • Untuk melahirkan zuriat yang bersih<br>• Untuk memantapkan institusi kekeluargaan |
| 6 | Memelihara Maruah | • Supaya umat Islam berakhlak mulia<br>• Untuk menjamin kemuliaan seseorang terpelihara |
| 7 | Memelihara Keharmonian Negara | • Untuk menjamin keamanan negara<br>• Untuk memantapkan kemajuan negara |

# Cara mencapai matlamat perundangan Islam

1. Dengan berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT
2. Dengan bertindak mengikut ajaran Islam
3. Dengan mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian
4. Dengan mencintai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat
5. Dengan melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan
6. Dengan berfikir serta mengakui kebenaran ajaran islam

# Kesan pencapaian matlamat perundangan Islam

## Individu

- Menguatkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah SWT
- Kehidupan akan diberkati oleh Allah SWT
- Kehidupannya lebih berjaya

## Masyarakat

- Masyarakat hidup dengan aman dan damai
- Persaudaran Islam akan bertambah kukuh
- Masyarakat sentiasa bekerjasama

## Negara

- Negara dalam keadaan aman dan damai
- Negara bertambah maju
- Negara akan dihormati dan diteladani oleh negara luar

**PELAJARAN 5 : PERUNDANGAN ISLAM**
**Unit 3 : Matlamat Perundangan Islam**

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Memelihara agama bermaksud memelihara
A Kebersihan jasmani
B Kesucian akidah
C Kesucian akhlak
D Kebersihan rohani

2 Keluar daripada agama Islam

Pernyataan di atas menerangkan pengertian
A Syirik
B Riddah
C Munafiq
D Khurafat

3 Islam telah menetapkan beberapa cara bagi menjamin kehormatan dan maruah diri, antaranya ialah
A Menghormati hak milik individu
B Sentiasa melakukan ibadat dan membaca buku
C Menjaga kesihatan, kebersihan dan keselamatan diri
D Melarang umatnya menghina dan menjatuhkan maruah seseorang

4 Berikut ialah cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam **kecuali**
A Melaksanakan sesuatu mengikut kepentingan diri
B Berpegang teguh dengan peraturan Allah s.w.t
C Bertindak mengikut ajaran Islam
D Mengamalkan cara hidup Islam

5 Kepentingan matlamat perundangan Islam terhadap agama ialah
A Menjaga akidah umat Islam supaya tidak terpesong
B Memastikan pemikiran manusia sentiasa waras
C Memantapkan kemajuan negara
D Melahirkan zuriat yang sah

6 Yang manakah antara berikut merupakan matlamat perundangan Islam
i Memelihara nyawa
ii Memelihara agama
iii Memelihara kewangan
iv Memelihara harta benda

A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

7 Memelihara keharmonian negara dapat dicapai melalui
- i Meningkatkan semangat perpaduan di kalangan rakyat
- ii Menghormati hak awam seperti memelihara harta benda
- iii Mentaati pemerintah yang adil yang dipilih secara demokrasi
- iv Menjaga hubungan diplomatik antara negara dengan negara

A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

8 Islam telah menyarankan cara untuk memelihara keturunan. Antara berikut, manakah pernyataan yang **benar**
- i Menjalankan hukuman sebat dan rejam kepada orang yang berzina
- ii Menjauhi perbuatan zina, liwat, homoseks dan lesbian
- iii Melarang umat Islam menghina orang lain
- iv Mensyariatkan perkahwinan

A i, ii dan iii
B ii, iii dan iv
C i, ii dan iv
D i, iii dan iv

9 Matlamat perundangan Islam adalah untuk memelihara perkara berikut kecuali
A Harta benda
B Adat istiadat
C Kehormatan diri
D Kesucian agama

## BAHAGIAN B : Respon terhad.

**Soalan 9 hingga 28**

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

10 ______________adalah melakukan persetubuhan antara lelaki dan lelaki. [1]

11 Islam melarang manusia menceroboh harta orang lain dengan cara yang tidak sah mengikut ________________. [1]

12 Islam mensyariatkan ________________ untuk melahirkan keturunan manusia yang sempurna. [1]

13 Memelihara ____________________ bermaksud menjaga akhlak dan menjauhi segala kelakuan buruk. [1]

Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

14 Kepercayaan atau perbuatan karut yang bercanggah dengan ajaran Islam — 1

15 Orang yang tertarik nafsu syahwatnya kepada orang yang sejenis dengannya — 1

15 Menyekutukan Allah s.w.t dengan sesuatu dari segi zat, sifat dan perbuatan seperti beribadat selain kepada Allah s.w.t — 1

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang SALAH.

1 — 17 Kesan matlamat perundangan Islam terhadap individu ialah menjadikan kehidupan lebih cemerlang

1 — 18 Maksud memelihara akal adalah menjaga akhlak dan menjauhi segala kelakuan buruk

1 — 19 Pelaksanaan perundangan Islam dapat menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat

1 — 20 Setiap individu mesti mencari harta dengan apa cara sekalipun

1 — 21 Islam tidak melarang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan

1 — 22 Memelihara nyawa adalah satu tuntutan syariat terhadap setiap muslim

1 — 23 Melakukan aktiviti seperti riadah dapat memelihara kewarasan akal

1 — 24 Menjatuhkan hukuman sebat atau rejam kepada orang yang melakukan zina hanya boleh dilakukan jika dirasakan perlu

1 — 25 Syirik ialah menyekutukan Allah s.w.t dengan sesuatu hanya dari segi zat dan sifat sahaja

Carta di bawah menunjukkan matlamat perundangan Islam.




Nyatakan matlamat perundangan Islam bagi X dan Y

26 X : ____________________________

27 Y : ____________________________

Nyatakan contoh bagi X dan Y

28 X : ____________________________

29 Y : ____________________________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Nyatakan maksud memelihara keharmonian negara.

2 Jelaskan **dua** cara perundangan Islam dalam memelihara keharmonian negara.

3 Terangkan **dua** matlamat perundangan Islam dalam memelihara keturunan.

4 Mengapa Islam menyarankan supaya memelihara akal?

5 Jelaskan **dua** kesan matlamat perundangan Islam terhadap masyarakat.

6 Huraikan **tiga** cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam.

7 Senaraikan **dua** cara untuk memelihara nyawa.

8 Nyatakan **dua** cara manusia dapat memelihara kesempurnaan akal.

9 Jelaskan dua keistimewaan perundangan Islam

10 Terangkan dua cara memelihara kehormatan diri

# PELAJARAN 5 UNIT 4
# PENGERTIAN HUKUM HARUS. WAJIB. HARAM. SUNAT. DAN MAKRUH

**Maksud Hukum**

Ialah peraturan Allah SWT yang ditujukan kepada umat Islam yang mukalaf yang berhubung dengan perbuatan-perbuatan mereka, samada menuntut supaya dilakukan, ditinggalkan atau pilihan

## Pembahagian hukum menurut Islam

- Hukum Harus
- Hukum Wajib
- Hukum Sunat
- Hukum Haram
- Hukum Makruh

## Hukum Harus

**Pengertian Hukum Harus**

Perkara yang diberi kebebasan kepada seseorang samada untuk melakukan atau meninggalkan perbuatan tersebut

**Contoh Hukum Harus**

- ✓ Memakai pakaian yang digemari tanpa melanggar hukum syarak
- ✓ Memilih jenis makanan yang halal yang disukainya
- ✓ Memilih bidang pekerjaan yang bersesuaian minat dan kelulusannya

**Hikmat Penetapan Hukum Harus**

- Untuk memberi kebebasan kepada manusia samada melakukan atau meninggalkan perbuatan tersebut
- Untuk memberi kelonggaran kepada umat Islam untuk membuat pilihan yang sesuai
- Membuktikan rahmat dan kasih sayang Allah SWT. kapada hambanya.

**Implikasi pelanggaran hukum Harus**

- Oleh kerana hukum harus hanya merupakan suatu pilihan kepada umat Islam maka tiada apa-apa hukuman atau pembalasan diberikan samada kepada orang yang melakukan ataupun meninggalkan perbuatan tersebut

# Hukum Wajib

**Pengertian Hukum Wajib**

**Perintah Allah SWT yang mesti dilakukan. Jika perintah itu dilaksanakan, manusia akan diberikan pahala. Jika ditinggalkan, manusia akan dibalas dengan dosa dan azab neraka di akhirat kelak.**

**Contoh Hukum Wajib**

- ✓ Kewajipan solat lima waktu sehari semalam
- ✓ Kewajipan berpuasa di bulan Ramadhan
- ✓ Kewajipan mengeluarkan zakat keatas orang yang mengcukupi syarat-syaratnya
- ✓ Berpakaian menutup aurat dan sebagainya

**Hikmat Penetapan Hukum Wajib**

- Untuk memastikan manusia melakukan perkara yang boleh membawa kebaikan dalam kehidupan mereka
- Untuk memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam kehidupan agama
- Untuk memastikan kepentingan, keselamatan dan keharmonian hidup manusia terpelihara
- Untuk menguji manusia samada mematuhi atau mengingkari perintah Allah SWT

**Implikasi pelanggaran hukum Wajib**

- ☛ **Akan mendapat kemurkaan Allah SWT dan balasan seksaan azab neraka di akhirat kelak**
- ☛ **Akan mendatangkan permasalahan dan kerosakkan dalam masyarakat dan negara**
- ☛ **Menyebabkan kehidupan seseorang tidak akan tenang dan sentiasa berada dalam kegelisahan**
- ☛ **Menyebabkan amalan yang dilakukan terpesong daripada kebenaran**

# Hukum Haram

**Pengertian Hukum Haram**

**Larangan Allah yang mesti ditinggalkan. Jika perbuatan haram itu ditinggalkan, mereka akan mendapat ganjaran pahala dan syurga di akhirat kelak, tetapi jika perbuatan tersebut dilakukan mereka akan mendapat balasan dosa dan azab neraka di akhirat kelak**

**Contoh Hukum Haram**

- ✓ Berzina
- ✓ Mencuri
- ✓ Membunuh
- ✓ Minum arak
- ✓ Menghisap dadah dan sebagainya

**Implikasi pelanggaran hukum Haram**

- Untuk memastikan kepentingan diri manusia terpelihara. Contohnya pengharaman zina kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan keturunan manusia
- Untuk memastikan kehidupan manusia lebih aman dan sejahtera
- Untuk memastikan manusia tidak melakukan kerosakkan dan penindasan
- Untuk memastikan manusia sentiasa berdisiplin dan menjauhi perkara-perkara yang merosakan

**Hikmat Penetapan Hukum Haram**

- **Akan menyebabkan manusia sentiasa berkeinginan untuk melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah SWT**
- **Manusia akan menjadi tidak tenang dan sering menghadapi masalah dalam kehidupan**
- **Akan menyebabkan hilangnya perasaan belas kasihan dalam diri manusia**
- **Akan menyebabkan wujudnya perasaan sombong dan bangga diri**
- **Menyebabkan hilangnya rahmat dan petunjuk daripada Allah SWT**

# Hukum Sunat

**Pengertian Hukum Sunat**

**Perkara yang sangat digalakkan oleh agama untuk dilakukan dan diberikan pahala serta balasan syurga jika dilakukan perkara tersebut, tetapi tidak berdosa jika perbuatan tersebut ditinggalkan.**

**Contoh Hukum Sunat**

- ✓ Solat Sunat
- ✓ Puasa Sunat
- ✓ Bersedekah
- ✓ Dan sebagainya

**Hikmat Penetapan Hukum Sunat**

- Untuk mendorong manusia agar sentiasa melakukan kebaikan
- Untuk mendorong umat Islam suoaya sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Untuk memberi peluang kepada umat Islam untuk menambahkan pahala ibadat kepada Allah SWT
- Untuk menghapuskan dosa-dosa kecil
- Untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama manusia

**Implikasi pelanggaran hukum Sunat**

☛ **Tiada dosa dan balasan dikenakan keatas orang yang meninggalkan perbuatan sunat**

# Hukum Makruh

**Pengertian Hukum Makruh**

**Perkara yang sangat digalakan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan mendapat pahala, tetapi jika dilakukan tidak mendapat sebarang dosa.**

**Contoh Hukum Makruh**

- Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali
- Memakai pakaian yang berbau busuk ketika solat
- Memakan bawang ketika hendak solat berjemaah di masjid
- Tidur secara berlebihan

**Hikmat Penetapan Hukum Makruh**

- ✓ Supaya manusia sentiasa berhati-hati dan tidak terjerumus kepada perbuatan haram
- ✓ Supaya keselesaan dan keselamatan awan sentiasa terpelihara
- ✓ Supaya disenangi oleh orang ramai
- ✓ Supaya manusia sentiasa gemar melakukan perkara baik

**Implikasi pelanggaran hukum Makruh**

- **Akan menyebabkan seseorang itu tidak disenangi oleh masyarakat**
- **Akan menghalang seseorang itu daripada mendapat pahala**
- **Akan menghampirkan seseorang kepada perbuatan sia-sia**
- **Akan menyebabkan seseorang itu melakukan pembaziran**

# Perbezaan antara hukum-hukum tersebut

| Hukum Harus | Hukum Wajib | Hukum Haram | Hukum Sunat | Hukum Makruh |
|---|---|---|---|---|
| Pilihan kepada manusia | Suruhan Allah SWT yang mesti dilaksanakan | Larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan | Perkara yang sangat digalakkan untuk dilakukan | Perkara yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan |
| Tiada balasan diberikan kerana melakukan perkara harus | Melakukan perbuatan wajib akan mendapat pahala | Akan mendapat dosa jika melakukan perbuatan haram | Melakukan perkara sunat akan mendapat pahala | Tiada mendapat sebarang balasan jika melakukan perbuatan makruh |
| Tiada balasan diberikan kerana meninggalkan perbuatan harus | Balasan dosa akan dikenakan jika meninggalkan perkara wajib | Akan mendapat pahala jika meninggalkan perbuatan haram | Tiada balasan diberikan kerana meninggalkan perbuatan sunat | Meninggalkan perkara harus akan mendapat ganjaran pahala |
| Perkara pilihan kepada manusia untuk memilihnya | Perkara baik yang menjadi asas kepada ajaran Islam | Perkara buruk yang akan membawa kemusnahan kepada kehidupan manusia | Perkara baik yang boleh menampung kekurangan ibadat wajib | Perkara kurang baik keatas diri seseorang seperti tidur berlebihan, merokok dan sebagainya |

**PELAJARAN 5 : PERUNDANGAN ISLAM**
**Unit 4 : Pengertian Harus, Wajib, Haram, Sunat Dan Makruh**

## KERTAS 1

### BAHAGIAN A : Soalan Objektif

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang palin tepat.*

1 Perkara yang digalakkan untuk ditinggalkan

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Wajib
B Sunat
C Haram
D Makruh

2 Hukum sunat bermaksud
A Digalakkan untuk dilakukan
B Digalakkan untuk ditingalkan
C Perintah Allah s.w.t. yang wajib dilakukan
D Larangan Allah s.w.t. yang mesti ditinggalkan

3 Satu daripada hikmah penertapan hukum sunat ialah
A Memberi kebebasan samada mahu melakukannya ataupun tidak
B Memberi peluang mendapatkan sebanyak mungkin ganjaran pahala daripada Allah SWT
C Menguji manusia sama ada mematuhi perintah Allah SWT atau mengingkarinya
D Mengelakkan manusia daripada melakukan penindasan dan kemusnahan sesama mereka

4 Solat berjemaah ialah perbuatan
A Wajib
B Sunat
C Haram
D Harus

5 Tidur berlebihan, makan petai, merokok adalah contoh bagi perbuatan :

A Wajib
B sunat
C Haram
D Makruh

6
- Mendapat kemurkaan Allah s.w.t.
- Amalan yang dilakukan terpesong daripada kebenaran
- Kehidupan seseorang tidak akan tenang dan sentiasa gelisah

Elemen-elemen di atas merujuk kepada
A Hikmat penetapan hukum wajib
B Hikmat penetapan hukum harus
C Implikasi perlanggaran hukum harus
D Implikasi perlanggaran hukum wajib

7 Hikmat penetapan hukum haram ialah
A Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama
B Mendorong umat Islam sentiasa melakukan kebaikan seperti bersedekah
C Memastikan kepentingan diri manusia terpelihara daripada kerosakan
D Supaya manusia berhati-hati dan tidak terjerumus kepada perbuatan haram

8 Antara implikasi terhadap pelanggaran hukum wajib ialah
A Menghalang seseorang daripada mendapat pahala
B Amalan yang dilakukan terpesong daripada kebenaran
C Menghampirkan seseorang dengan perbuatan yang sia-sia
D Mewujudkan sikap sombong dan hilang perasaan belas kasihan

9 Allah s.w.t. menetapkan hukum harus supaya umat Islam
i Bijak membuat pilihan mengikut kesesuaian
ii Tidak meninggalkan perkara asas dalam agama
iii Mendapat rahmat dan kasihan belas Allah s.w.t
iv Bebas untuk melaksanakan sesuatu atau sebaliknya

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

10 Berikut ialah implikasi terhadap perbuatan haram yang dilakukan oleh manusia **kecuali**
i Mewujudkan perasaan belas kasihan
ii Menghalang seseorang mendapat pahala
iii Hilang rahmat dan petunjuk daripada Allah s.w.t.
iv Berkeinginan untuk melakukan perkara-perkara mungkar

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

11 Hikmat penetapan hukum haram ialah
i Memastikan manusia mendapat pahala
ii Memastikan kepentingan diri manusia terpelihara
iii Memastikan manusia tidak melakukan kerosakan dan penindasan
iv Memastikan manusia sentiasa berdisiplin dengan meninggalkan larangan Allah s.w.t

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 11 hingga 41**

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

12 Meninggalkan perkara _________ tidak berdosa. [1]

13 Melakukan perkara wajib mendapat balasan ___________ dan nikmat syurga. [1]

14 Maksud hukum haram ialah _________________Allah s.w.t. [1]

15 Membunuh ialah contoh perbuatan ___________dalam Islam. [1]

16 Memakai pakaian yang beraneka fesyen adalah ______________asalkan tidak bertentangan dengan syariat. [1]

17 Solat ialah ____________________ agama dalam Islam. [1]

18 Allah s.w.t. mewajibkan umatNya menunaikan ibadat haji bagi yang _____________________________. [1]

19 Berzina diharamkan kerana perbuatan tersebut merosakkan __________________ manusia. [1]

20 Perbuatan mencuri diharamkan kerana perkara ini boleh mengganggu _______________________ awam. [1]

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

21 Riba diharamkan dalam Islam kerana perbuatan tersebut ________________ golongan yang lemah. [1]

22 Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali adalah perbuatan ______________. [1]

23 Umat Islam digalakkan menunaikan solat sunat ______________ apabila memasuki masjid. [1]

24 Menggunakan air secara berlebihan-lebihan semasa berwuduk adalah ___________. [1]

Tuliskan istilah yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25 | Ganjaran yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada orang Islam yang melakukan kebaikan | | 1 |
| 26 | Perkara yang digalakkan oleh agama untuk dilakukan | | 1 |
| 27 | Diberi kebebasan kepada umat Islam sama ada ingin melakukan perbuatan tersebut atau sebaliknya | | 1 |
| 28 | Memastikan kehidupan manusia aman, sejahtera dan bebas daripada perbuatan yang ditegah Allah s.w.t | | 1 |
| 29 | Menguji manusia sama ada mematuhi perintah Allah s.w.t. dengan sepenuhnya | | 1 |
| 30 | Supaya manusia berhati-hati dan tidak terjerumus kepada perbuatan haram | | 1 |

| Untuk kegunaan Pemeriksa | | Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH. | |
|---|---|---|---|
| 1 | 31 | Melakukan perkara wajib mendapat balasan pahala dan nikmat syurga. | |
| 1 | 32 | Melaksanakan perkara sunat tidak mendapat apa-apa balasan. | |
| 1 | 33 | Meninggalkan perkara makruh mendapat balasan pahala dan nikmat syurga. | |
| 1 | 34 | Meninggalkan perkara haram mendapat balasan pahala dan nikmat syurga. | |
| 1 | 35 | Solat, puasa, zakat dan haji merupakan perbuatan wajib. | |
| 1 | 36 | Meninggalkan perkara sunat mendapat balasan pahala dan nikmat syurga. | |
| 1 | 37 | Allah s.w.t menetapkan hukum sunat supaya umat Islam sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara. | |
| 1 | 38 | Allah s.w.t menetapkan hukum harus supaya umat Islam bijak membuat pilihan. | |

Carta di bawah berkaitan dengan implikasi pelanggaran hukum wajib




Nyatakan implikasi pelanggaran hukum wajib bagi

39 X : ____________________

40 Y : ____________________

Tuliskan contoh amalan yang ada kaitan dengan implikasi pada X dan Y

41 X : ____________

42 Y : ____________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Berikan maksud hukum harus.

2 Nyatakan pengertian hukum wajib dan 2 contoh hukum wajib

3 Huraikan dua aplikasi anda melanggar hukum wajib

4 Apakah maksud hukum makruh?.

5 Nyatakan maksud hukum haram.

6 Nyatakan pengertian hukum sunat.

7 Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang wajib dilakukan dan dua contoh perbuatan yang sunat dilakukan.

8 Berikan **dua** contoh perbuatan yang makruh dilakukan.

9 Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum harus.

10 Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum wajib.

11 Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum haram.

12 Terangkan hikmat penetapan hukum makruh.

13 Nyatakan hikmat penetapan hukum sunat terhadap umat Islam.

14 Terangkan **dua** implikasi jika anda terlibat dengan perbuatan haram.

15 Jelaskan **dua** cara untuk mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan makruh.

15 Segala hukum yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. adalah untuk memenuhi keperluan hidup manusia.
Jelaskan kesan hukum-hukum tersebut dalam kehidupan manusia.

16 Islam menggalakkan umatnya supaya melakukan perbuatan sunat. Bagaimanakah cara mendorong rakan anda supaya melakukan perkara sunat?.

17 Terangkan **dua** perbezaan antara hukum wajib dan hukum haram.

# PELAJARAN 6 : FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM
## UNIT 1: PENGERTIAN IBADAT

### Maksud Ibadat

**Bahasa**

*Ibadat dari segi bahasa bermaksud merendah diri, tunduk, taat dan patuh.*

**Istilah Syarak**

*Dari segi istilah syarak pula ibadat bermaksud kepatuhan kepada Allah SWTmelalui perbuatan dan perkataan yang berlandaskan syariat Allah SWT serta mengakui dan meyakini bahawa Allah SWT sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan.*

### Pembahagian Ibadat

**Ibadat Khusus**

Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah kepada manusia, samada fardu atau sunat seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya

**Ibadat Umum**

Segala amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan sesama manusia dalam masyarakat demi keharmonian hidup bersama. Amalan tersebut samada fardu ain atau kifayah seperti tolong menolong, bekerjasama dan sebagainya

### Contoh Ibadat Khusus dan Umum

| Katogeri Ibadat Khusus | Contoh Ibadat Khusus |
|---|---|
| Ibadat yang merupakan kewajipan setiap muslim | Solat, Puasa, zakat, menunaikan haji dan sebagainya ( Rukun Islam ) |
| Ibadat yang merupakan amalan sunat kepada muslim | Membaca al-quran, berzikir, berdoa dan sebagainya |

| Katogeri Ibadat Umum | Contoh Ibadat Umum |
|---|---|
| Fardu Ain | Menuntut Ilmu, bekerja dan sebagainya ( Ibadat yang menghubungkan sesama manusia ) |
| Fardu Kifayah | Melakukan penyelidikan, mengerakkan ekonomi negara, berniaga dan sebagainya ( Ibadat yang menghubungkan sesama manusia ) |

## Perkara yang mengukuhkan ibadat

1. Percaya kepada rukun Iman seperti percaya kepada Allah SWT, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat dan Qada dan Qadar.
2. Melaksanakan segala rukun Islam, seperti mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan menunaikan haji
3. Sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti, tolong-menolong, bekerjasama dan sebagainya.
4. Sentiasa taat kan kepada pemerintah yang adil dan menjaga kepentingan rakyatnya.

## Perkaitan antara Ibadat Khusus dan Umum

| Ibadat Khusus | Ibadat Umum |
|---|---|
| Membolehkan segala dosa dan kesalahan yang kecil terhapus daripada seseorang | Membolehkan segala akhlak buruk seperti mengumpat dan hasad dengki terhapus dalam masyarakat. |
| Dapat melahirkan individu yang bersih jiwa dan peribadinya | Melahirkan masyarakat dan negara yang harmoni yang dan aman damai |
| Melahirkan individu yang taatkan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya | Melahirkan masyarakat yang taatkan pemimpin dan kerajaan |
| Dapat meningkatkan ekonomi diri dan keluarga | Dapat meningkatkan ekonomi dan memajukan negara |
| Melahirkan individu yang berilmu pengetahuan | Melahirkan masyarakat dan negara yang maju. |

# Perkaitan antara Ibadat dengan perundangan

1. Kepatuhan kepada undang-undang menunjukkan pengabdian seseorang kepada Allah SWT.
2. Mendisiplinkan diri ke arah yang lebih baik dan cemerlang kerana akal dan jiwa manusia tidak mengcukupi untuk mengawal akhlak dan tingkah laku mereka.
3. Sebagai panduan kepada manusia untuk memilih antara kebaikan dengan keburukan kerana semua perkara yang dikira sebagai ibadat adalah perkara yang boleh membawa kebaikan manakala perkara yang dilarang pula akan membawa keburukan kepada manusia.
4. Dorongan kepada manusia melakukan ibadat. Contohnya hukum wajib akan disertai dengan ganjaran pahala manakala hukum haram pula akan disertai dengan balasan dosa, oleh itu penetapan hukum tersebut akan mendorong manusia melakukan ibadat kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.
5. Perundangan hukum wajib, haram, makruh, sunat dan sebagainya memudahkan manusia pelaksanaan ibadat kepada Allah SWT, kerana semua hukum wajib itu mesti dilaksanakan manakala semua hukum haram pula wajib ditinggalkan.

# Cara Perundangan menjelaskan cara beribadat

1. **Menetapkan sesuatu perbuatan tersebut sebagai wajib. Seperti kewajipan bersuci**
2. **Perundangan menetapkan sesuatu perkara tersebut sebagai perkara yang sangat-sangat digalakkan kepada manusia untuk melakukannya. Seperti berbuat baik kepada orang tua**
3. **Perundangan menjelaskan dengan terperinci tentang sesuatu perkara tersebut. Contohnya mengenai aurat lelaki**

## Hikmat sentiasa melakukan ibadat:

1. **Dapat membaiki peribadi manusia dan menjauhi daripada perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT.**
2. **Dapat membersihkan jiwa dari sifat-sifat mazmumah.**
3. **Dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.**
4. **Dapat merapatkan hubungan dengan sesama manusia.**

# Perkara yang boleh merosakan Ibadat

**Murtad, syirik atau munafik**

**Murtad** ialah seseorang yang keluar daripada agama Islam, **syirik** pula ialah menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain, manakala **munafik** pula ialah seseorang yang berpura-pura menganut dan patuh kepada ajaran Islam sedangkan hatinya tidak mempercayai ajaran Islam. Amalan kebajikan yang dilakukan oleh orang yang mempunyai sifat-sifat tersebut tidak akan diterima oleh Allah SWT

**Takbur**

Sikap membesarkan diri seperti sombong dan angkuh dengan perkara kebaikan yang telah dilakukan dan segala nikmat kesenangan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. kepadanya..

**Riak**

Iaitu menunjuk-nunjuk amalan baik yang telah dilakukannya kepada orang lain dengan tujuan mendapat pujian dan sanjungan daripada masyarakat

**Ujub**

Iaitu merasa kagum dengan amalan sendiri serta sombong dalam melakukan sesuatu ibadat serta memandang rendah dan melekeh-lekehkan amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang lain

**Sum,ah**

Iaitu menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan pujian dan sanjungan daripada orang lain

**Mengung kit- ungkit**

Iaitu mengungkit-ungkit kembali bantuan dan perbuatan baik yang telah diberikan kepada seseorang dengan tujuan supaya orang tersebut sentiasa mengenang jasa dan pertolongan yang telah diberikannya.

**Aza**

Ialah perkataan atau perbuatan yang dilakukan ke atas orang yang menerima bantuan dan pertolongan daripada seseorang. Perbuatan itu dilakukan dengan mengungkit-ungkit pertolongan yang telah diberikannya sehingga menimbulkan perasaan sakit hati orang yang mendapat pertolongan tersebut

**Hasad dengki**

Iaitu iri hati atau rasa benci dengan nikmat dan kebaikan yang diperoleh oleh orang lain dan berusaha agar nikmat tersebut hilang daripada orang itu atau berpindah kepadanya dengan cara yang salah.

# Cara meningkatkan kualiti Ibadat

1. Sentiasa mengingati Allah SWT. dalam melakukan sebarang pekerjaan dengan mengambil kira segala peraturan dan batasan yang telah ditetapkan agama. Contohnya sentiasa menjaga batasan halal dan haram dalam memperoleh harta.

2. Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat supaya ibadat yang dilakukan akan mencapai kesempurnaan dan menepati tujuan ibadat tersebut. Contohnya dalam melakukan solat umat Islam mestilah sentiasa mendalami ilmu solat dan tidak memadai dengan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

3. Mendampingi orang-orang yang berilmu dan soleh dengan sentiasa mengikut segala amalan kebaikan mereka serta mendalami sesuatu ilmu yang dipelajari daripada mereka.

4. Ibadat yang dilakukan mestilah dengan tenang dan sabar dalam menghadapi segala kesusahan dan cabaran. Contohnya tabah dan berhati-hati dalam menuntut ilmu agar ilmu yang dipelajari dapat dimiliki dengan sempurna dan menyeluruh.

5. Melakukan ibadat secara berterusan dan tidak mengikut trend masyarakat pada sesuatu masa. Contohnya memakai pakaian yang menutup aurat mestilah dilakukan secara berterusan walau di mana jua kita berada.

**PELAJARAN 6 : FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM**
**Unit 1 : Pengertian Ibadat**

## KERTAS 1

### BAHAGIAN A : Soalan Objektif

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Berikut adalah tujuan Allah s.w.t mencipta manusia di muka bumi ini.
A Bersyukur kepada Allah s.w.t
B Beribadat kepada Allah s.w.t
C Menjadi khalifah di muka bumi
D Sentiasa ikhlas dalam setiap perbuatan

2 Berikut adalah bukan amalan yang termasuk dalam ibadat khusus
A Bersedekah
B Menuntut ilmu
C Berzikir dan berdoa
D Membaca al-Quran

3 Kualiti beribadat boleh ditingkatkan melalui cara berikut **kecuali**
A Beribadat mengikut kesesuaian masa dan keadaan
B Mengingati Allah s.w.t semasa melakukan pekerjaan
C Ibadat yang dilakukan mestilah dengan tenang dan sabar
D Mendampingi orang-orang yang berilmu dan soleh serta mendalami ilmu mereka

4 Sistem perundangan amat perlu dalam sesebuah masyarakat kerana
A Dapat menjamin keutuhan ekonomi negara
B Dapat merapatkan hubungan antara manusia
C Dapat menjamin kesejahteraan dan keamanan hidup manusia
D Dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t

5 Ibadat menurut Islam ialah
A Perkataan atau perbuatan yang dilakukan mengikut keupayaan diri
B Perkataan atau perbuatan yang dilakukan mengikut peraturan yang baik
C Pengabdian atau pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk dilihat mulia oleh manusia
D Pengabdian atau pekerjaan yang dilakukan semata-mata untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t

6 Ibadat dalam Islam terbahagi kepada
i Fardhu ain
ii Ibadat khusus
iii Ibadat umum
iv Fardhu kifayah

A i dan ii
B iii dan iv
C ii dan iii
D i dan iv

7 Berikut adalah perkara-perkara yang boleh merosakkan ibadat
i Arak
ii Syirik
iii Membunuh
iv Hasad dengki

A i dan ii
B iii dan iv
C ii dan iii
D ii dan iv

8 Antara kelebihan melakukan ibadat umum ialah
i Melahirkan individu yang tidak berilmu pengetahuan
ii Melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia
iii Meningkatkan ekonomi dan memajukan negara
iv Melahirkan masyarakat yang taat kepada pemimpin dan negara

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 9 hingga 30**

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

9 ______________merupakan ibadat wajib yang sangat digalakkan ke atas setiap umat Islam yang mukallaf. [1]

10 Ibadat dari segi bahasa ialah ______________________. [1]

11 Menceritakan kebaikan diri supaya mendapat pujian dan sanjungan masyarakat disebut sebagai ____________. [1]

12 Ibadat mestilah dilakukan secara berterusan dan sentiasa melakukan _________________ dari masa ke semasa. [1]

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

13 Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah s.w.t bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat. [ ] [1]

14 Iri hati atau rasa benci dengan nikmat dan kebaikan yang diperolehi oleh orang lain. [ ] [1]

15 Sikap membesarkan diri seperti sombong dan angkuh dengan perkara kebaikan dan nikmat kurniaan Allah s.w.t. [ ] [1]

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | 16 | Melakukan ibadat khusus dapat menghapuskan segala dosa kecil seseorang. | |
| 1 | 17 | Akal dan jiwa semata-mata dapat mendisiplinkan diri ke arah yang lebih baik dan cemerlang. | |
| 1 | 18 | Ibadat merupakan satu cara perhubungan antara hamba dengan pencipta-Nya. | |
| 1 | 19 | Umat Islam yang berjaya hanya perlu mendalami ilmu pengetahuan yang sedia ada sahaja. | |
| 1 | 20 | Aza dan hasad dengki adalah antara perkara yang boleh merosakkan ibadat seseorang. | |
| 1 | 21 | Umat Islam boleh mendampingi sesiapa sahaja orang yang berilmu untuk mendalami ilmu pengetahuan tanpa mengira agama. | |

Tandakan pernyataan di bawah dengan ( X ) atau ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

| X | Ibadat Khusus | Y | Ibadat Umum |
|---|---|---|---|

| | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 22 | Menghapuskan segala dosa dan kesalahan yang kecil daripada seseorang. | |
| 1 | 23 | Melahirkan masyarakat yang taat kepada pemimpin dan negara. | |
| 1 | 24 | Meningkatkan ekonomi diri dan keluarga. | |
| 1 | 25 | Melahirkan individu yang berilmu pengetahuan. | |
| 1 | 26 | Melahirkan masyarakat yang aman damai. | |

Carta di bawah menunjukkan perkara-perkara yang merosakkan ibadat.




Jelaskan contoh perkara yang terdapat pada amalan tersebut :

27 P : ______________________________

28 Q : ______________________________ untuk mendapat pujian.

Jelaskan perkara-perkara lain yang boleh merosakkan ibadat seseorang :

29 R : _______________

30 S : _______________

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Nyatakan maksud ibadat dalam Islam.

2 Terangkan **dua** cara untuk mengukuhkan ibadat seseorang.

3 Ibadat dalam Islam mempunyai bidang yang sangat luas.
Nyatakan pembahagian ibadat tersebut berserta contoh.

4 Jelaskan **tiga** perkaitan antara ibadat khusus dengan ibadat umum.

5 Keingkaran manusia seringkali menyebabkan amalan yang dilakukan tidak diterima oleh Allah s.w.t sebagai ibadat.
Senaraikan **empat** perkara yang boleh merosakkan ibadat seseorang.

6 Takbur dan ujub adalah antara perkara yang boleh merosakkan ibadat seseorang.
Jelaskan **dua** hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

7 Terangkan **tiga** hikmat orang yang sentiasa melakukan ibadat kepada Allah s.w.t.

8 Jelaskan **dua** cara yang mampu dilakukan oleh manusia kepada Allah s.w.t dengan sempurna.

9 Jelaskan pengertian ibadat umun beserta dua contoh

# PELAJARAN 6 UNIT 2
# KONSEP DAN FALSAFAH IBADAT

## Ciri Kesempurnaan Ibadat

1. **Mempunyai niat yang ikhlas kerana Allah SWT.**
2. **Memenuhi segala peraturan dalam ibadat yang dilakukan.**
3. **Dilakukan dengan sebaik-baiknya dan bersungguh-sungguh**
4. **Memenuhi tuntutan hukum wajib, sunat, makruh dan haram**
5. **Ihsan semasa melakukan ibadat.**

## Ciri-ciri Ibadat dalam Islam

1. Bebas daripada sebarang bentuk perantaraan antara hamba dengan Allah SWT
2. Tidak memerlukan tempat yang khusus dan boleh dilakukan di mana sahaja kecuali tempat yang najis dan kotor.
3. Boleh dilakukan dengan mudah dan menepati dengan kemampuan manusia.
4. Tidak dibatasi dengan masa dan tempat yang tertentu sahaja.

## Tujuan ibadat

1. **Untuk menyempurnakan perintah Allah SWT**
2. **Dapat mendidik jiwa dari segi kebendaan**
3. **Mendapat pahala dan keredaan dari Allah SWT**
4. **Untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.**
5. **Sebagai latihan jasmani dan rohani yang mengatur hal ehwal perseorangan dan masyarakat, yang memelihara perkara-perkara dunia dan mendatangkan kebaikan kepada agama.**

# Kesan melaksanakan ibadah tanpa syariah.

- Amalan yang dilakukan tanpa panduan dan kefarduan yang sebenar tidak akan diterima oleh Allah SWT.
- Merosakkan ibadat dan tidak mendapat sebarang pahala.
- Merosakkan iman.
- Tidak mendapat keredaan Allah SWT

# Kesan melaksanakan syariat tanpa ibadah.

- Dilaknat oleh Allah SWT.
- Merosakkan syariat dan sia-sia.
- Menimbulkan huru hara dan salah faham dalam masyarakat.

**PELAJARAN 6 : FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM**
**Unit 2 : Konsep Dan Falsafah Ibadat**

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Perkara utama yang menentukan sesuatu amalan diterima Allah s.w.t ialah
A Riak semasa melakukan ibadat
B Beribadat ikhlas kerana Allah s.w.t
C Beribadat mengikut kelapangan masa
D Memenuhi tuntutan syarak dalam sesuatu situasi

2

| |
|---|
| Seseorang wanita memakai tudung kerana memenuhi tuntutan hukum wajib menutup aurat |

Pernyataan di atas adalah ciri kesempurnaan ibadat dari segi
A Memenuhi tuntutan hukum syarak
B Memenuhi peraturan hukum syarak
C Bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadat
D Niat hati yang ikhlas beribadat kerana Allah s.w.t

3 Tujuan berzikir dan berdoa adalah untuk
A Menggambarkan kesungguhan dalam menghayati syariat Allah s.w.t
B Mencapai kehidupan luar biasa yang mengkagumkan
C Mendidik manusia supaya tidak mencintai dunia
D Melatih jiwa serta melembutkan emosi

4 Syariat yang diamalkan adalah untuk menghubungkan
i Manusia sebagai hamba
ii Allah s.w.t sebagai pencipta
iii Allah s.w.t sebagai pemerhati
iv Manusia sebagai pembimbing kebaikan

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

5 Berikut adalah kesan syariat tanpa ibadat **kecuali**
A Ibadat yang dilakukan mendapat perhatian daripada Allah s.w.t
B Menimbulkan huru hara dan salah faham dalam masyarakat
C Merosakkan syariat dan menjadi sia-sia
D Dilaknat oleh Allah s.w.t

6 X berdoa di atas kubur seorang imam untuk memohon dimurahkan rezeki. Perbuatan tersebut dianggap.

A Syirik
B Kufur
C Riddah
D Khurafat

7 Konsep ihsan semasa melakukan ibadat ialah
i Melakukan ibadat dengan betul dan sempurna syaratnya
ii Ibadat yang dilakukan hanya kerana Allah s.w.t
iii Ibadat yang dilakukan mengikut keperluan masa
iv Beribadat sekadar untuk menyempurnakan perintah Allah s.w.t

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

8 Berikut adalah kesan syariat yang dilakukan tanpa bersandarkan niat beribadat kepada Allah s.w.t
i Dilaknat oleh Allah s.w.t
ii Merosakkan syariat Islam
iii Hidup dalam kemunduran
iv Menimbulkan huru-hara dalam masyarakat

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

**Soalan 9 hingga 30**

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk Kegunaan Pemeriksa

9 __________ ialah mengingati Allah s.w.t untuk mendapatkan ketenangan jiwa dan kebahagian hidup. [1]

10 Ibadat dalam Islam merangkumi semua ____________ yang dilakukan oleh manusia. [1]

11 Apabila sesuatu amalan itu hukumnya _________, maka amalan tersebut mestilah dilakukan. [1]

12 Setiap perbuatan baik yang dilakukan oleh orang Islam akan dikira sebagai ________jika dilaksanakan dengan sempurna. [1]

13 __________ ialah melakukan ibadat dengan betul dan mengikut peraturannya serta ikhlas kerana Allah s.w.t. [1]

Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14 | Mengeluarkan harta tertentu, pada kadar tertentu, diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu. | | 1 |
| 15 | Orang yang baru memeluk Islam. | | 1 |
| 16 | Orang yang ditugaskan untuk mengutip wang zakat. | | 1 |

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Pemeriksa | No. | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 17 | Ibadat yang dilakukan mestilah merangkumi aspek rohani dan jasmani. | |
| 1 | 18 | Ibadat yang dilakukan tidak perlu terlalu terikat dengan syariat Islam. | |
| 1 | 19 | Ibadat dalam Islam hanya terhad kepada hubungan orang Islam dengan Allah s.w.t. | |
| 1 | 20 | Ibadat yang sempurna mendidik manusia bersifat sederhana mencari keredhaan Allah s.w.t. | |
| 1 | 21 | Ibadat dalam Islam boleh dilakukan dengan mudah dan menepati kemampuan manusia. | |

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| Pemeriksa | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 22 | Ibadat yang dilakukan sekadar ikutan dan peniruan akan merosakkan ibadat seseorang. | |
| 1 | 23 | Ibadat yang dilakukan tanpa erti perhambaan kepada Allah s.w.t masih boleh menghubungkan manusia dengan Allah s.w.t | |
| 1 | 24 | Ibadat puasa yang dilakukan tanpa memenuhi rukun dan syaratnya tidak akan mendapat pahala daripada Allah s.w.t. | |
| 1 | 25 | Melakukan hukuman hudud mengikut kefahaman sendiri akan menimbulkan huru-hara dalam masyarakat. | |
| | 26 | Pelaksanaan ibadat akan memberi kesan baik kepada individu sahaja. | |

Carta di bawah menunjukkan asnaf yang layak menerima agihan zakat.




Tuliskan golongan-golongan tersebut :

27 P : ___________

28 Q : ___________

29 R : ___________

30 S : ___________

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Ibadat yang sempurna dapat menjamin keharmonian hidup manusia. Nyatakan **tiga** ciri kesempurnaan ibadat dalam Islam.

2 Terangkan **dua** tujuan sesuatu ibadat itu diperintahkan Allah s.w.t kepada manusia.

3 Tujuan beribadat adalah untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Cadangkan **dua** cara untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t dalam melakukan ibadat.

4 Jelaskan **dua** kesan pelaksanaan ibadat tanpa syariat.

5 Melakukan ibadat dapat menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Huraikan **dua** hujah yang membenarkan pernyataan di atas.

6 Syariat yang diturunkan oleh Allah s.w.t adalah untuk diamalkan oleh manusia. Terangkan **dua** kesan pelaksanaan syariat tanpa ibadat.

# PELAJARAN 6 UNIT 3
# MUNAKAHAT

## Maksud Perkahwinan

| | |
|---|---|
| **Bahasa** | Berasal daripada bahasa arab iaitu nikah yang bermaksud kumpul atau cantum. |
| **Istilah Syarak** | *Dari segi istilah syarak perkahwinan bermaksud ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk hidup sebagai* |
| **Falsafah Perkahwinan** | *Bermaksud ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga dan menjaga keturunan secara sah dan bertanggungjawab* |

## Tuntutan berkahwin

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

**Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untuk mu isteri-isteri dari jenis mu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara mu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.**

**(Surah ar-Rum, 30 : 21)**

## Kepentingan Undang-undang Munakahat dalam pembentukan keluarga

- Dapat memelihara keturunan dan nasab manusia
- Dapat mengelakkan pergaduhan dalam pembahagian harta pusaka
- Anak-anak yang lahir akan mendapat pembelaan yang sewajarnya

## Hukum Perkahwinan

| Hukum | Keadaan |
|---|---|
| Harus | Bagi mereka yang tidak ada perkara terdesak untuk berkahwin dan tidak ada pula yang mengharamkanya untuk berkahwin |
| Sunat | Mereka yang mampu memberi nafkah, sihat tubuh badan dan berkeinginan untuk berkahwin, tetapi tidak takut terjerumus kepada zina kerana mampu menahan nafsu |
| Makruh | Mereka yang tidak mampu untuk memberi nafkah tetapi berkeinginan untuk berkahwin |
| Wajib | Mereka yang mampu memberi nafkah, sihat tubuh badan dan berkeinginan untuk berkahwin, dan takut terjerumus kepada zina kerana tidak mampu menahan nafsu |
| Haram | Mereka yang tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin serta berkahwin dengan tujuan untuk menzalimi pasangannya. |

## Tanggungjawab yang terhasil daripada perkahwinan

### Tanggungjawab suami

- **Memberikan nafkah zahir dan batin kepada isteri**
- **Memberikan layanan yang baik, melindungi keselamatan keluarga, menjaga maruah serta mencurahkan kasih sayang yang ikhlas**
- **Memberikan didikan agama yaag sempurna kepada ahli keluarga.**
- **Berlaku adil terhadap keluarga.**

### Tanggungjawab Ibu bapa

- **Mendidik anak-anak dengan didikan yang baik dan sempurna**
- **Memberikan kasih sayang kepada anak-anak**
- **Memberikan layanan yang saksama kepada semua ahli keluarga**
- **Bertolak ansur dan berunding sebelum membuat sebarang keputusan mengenai anak-anak**

## Tanggungjawab Isteri

- Taat kepada suami dalam perkara yang tidak bertentangan dengan syarak
- Memberikan layanan yang baik kepada suami dan keluarga
- Memelihara kehormatan diri dan maruah suami.
- Menjaga harta suami dengan baik serta menggunakannya dengan bijaksana dan cermat

## Tanggungjawab Anak

- Menghormati dan mematuhi nasihat ibu bapa
- Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga
- Patuh kepada arahan agama agar mendekatkan diri kepada Allah SWT
- Membalas jasa baik ibu bapa, terutamanya semasa mereka telah tua dan uzur

# Kepentingan Perkahwinan

### INDIVIDU

- ✓ Memberikan ketenangan dalam hidup
- ✓ Membentuk sikap bertanggungjawab kepada pasangan suami isteri dan anak-anak
- ✓ Melahirkan zuriat yang sah dan baik
- ✓ Dapat melaksanakan tuntutan agama melalui perkahwinan
- ✓ Menjamin keluhuran peribadi yang tinggi.

### MASYARAKAT

- ✓ Melahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab.
- ✓ Menjadikan masyarakat maju, aman dan sejahtera
- ✓ Melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh
- ✓ Mengelakkan kekacauan dan huru-hara dalam masyarakat

CARA PERKAHWINAN MENJADI IBADAT:

- **Segala peraturan perkahwinan adalah mengikut hukum Islam**
- **Suami isteri hendaklah menunaikan tanggungjawab dengan adil**
- **Perkahwinan yang mengikut sunnah Rasulullah s.a.w**
- **Matlamat perkahwinan adalah untuk membentuk generasi yang soleh dan bertamadun**

# Keistimewaan/ hikmat institusi kekeluargaan

**Menjamin keturunan manusia**

- Kesucian keturunan, maruah dan kehormatan manusia terpelihara
- Meramaikan zuriat manusia
- Akan memuliakan keturunan manusia dengan menjauhi perbuatan zina yang boleh merosakkan keturunan

**Membentuk akhlak manusia**

- Menjadikan seseorang itu berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap tugas masing-masing
- Dapat menyalurkan naluri seks secara halal dan terurus
- Dapat memupuk perasaan kasih sayang dan hubungan mesra dalam keluarga

**Menjamin kebahagiaan hidup**

- Akan memberikan ketenangan jiwa melalui hubungan kasih-sayang yang harmoni
- Dapat menyelamatkan diri daripada gejala sosial dan maksiat
- Dapat memupuk hubungan silaturahim sesama manusia

## Punca Keutuhan Sesebuah Perkahwinan

- Semua pihak menjalankan tanggungjawab terhadap rumahtangga dengan sempurna mengikut bidang dan tugas masing-masing
- Mengamalkan segala perintah agama dan menjauhi maksiat dalam keluarga
- Mengamalkan sikap hormat menghormati dan berkasih sayang dalam keluarga
- Sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal dan berbelanja mengikut kemampuan

# Cara mengekalkan kebahagiaan rumahtangga

1. Setiap pasangan mestilah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas
2. Mewujudkan hubungan silaturahim dikalangan anggota keluarga setiap pasangan
3. Sentiasa tegur menegur dan nasihat menasihati antara satu sam a lain
4. Sentiasa menjauhi perkara mungkar dalam rumahtangga
5. Sentiasa menjaga amanah dalam kehidupan berumahtangga
6. Setiap pasangan mestilah sedia bermaaf-maafan dan tidak membesarkan isu yang remeh temeh
7. Segera menyelesaikan setiap masalah yang timbul dan merujuk kepada mereka yang pakar jika timbul sebarang masalah
8. Saling memenuhi keperluan pasangan masing-masing
9. Sentiasa berusaha untuk mengukuhkan ekonomi rumahtangga

# Pembubaran perkahwinan ( Perceraian )

Jika sesuatu masalah dalam rumahtangga tidak dapat diselesaikan dan boleh menimbulkan masalah dan keburukan yang lebih besar kepada pasangan tersebut, Islam membenarkan pembubaran perkahwinan melalui tiga cara sebagai jalan terakhir.

## Talak

Iaitu pembubaran ikatan perkahwinan yang sah dengan lafaz talak atau yang sama erti dengannya

## Khuluk

Perceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar ganti rugi kepada suami

## Fasakh

Pembatalan ikatan perkahwinan atau perceraian yang berlaku melalui keputusan yang ditetapkan oleh pihak kadi / mahkamah, disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi oleh pasangan terbabit pada masa akad nikah

# Sebab Islam mengharuskan perceraian

Walaupun perceraian merupakan perkara harus yang sangat di benci oleh Allah SWT, namun Islam membenarkan berlakunya perceraian berdasarkan sebab-sebab berikut

## Hikmat Pembubaran perkahwinan ( Perceraian )

- Untuk memberi peluang kepada pasangan suami isteri yang bermasalah untuk menginsafi kesilapan masing-masing
- Untuk memberi peluang kepada pasangan yang tiada persefahaman untuk memulakan hidup baru dengan pasangan yang lain pula
- Untuk memberikan ketenangan kepada kedua belah pihak kerana telah dapat mengatasi masalah masing-masing
- Untuk mengelakkan daripada berlakunya perbalahan dan pergaduhan yang berpanjangan

**PELAJARAN 6 : FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM**
**Unit 3 : Munakahat**

## KERTAS 1

### BAHAGIAN A : Soalan Objektif

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Falsafah munakahat bermaksud
- A Ikatan untuk memupuk kasih sayang suami isteri
- B Ikatan untuk merapatkan hubungan silaturrahim suami isteri
- C Ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga secara sah
- D Ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah

2 Antara tanggungjawab isteri ialah
- A Memberikan kasih sayang kepada anak-anak
- B Mendidik anak dengan didikan yang sempurna
- C Membelanjakan harta suami dengan berhemah untuk diri sendiri
- D Taat kepada suami dalam perkara yang tidak bertentangan dengan syarak

3 Kebahagiaan rumah tangga boleh dicapai dengan cara
- i Bertanggungjawab antara satu sama lain
- ii Mengadu kepada ibu bapa mengenai masalah rumah tangga
- iii Sentiasa bertoleransi dan bertolak ansur
- iv Menjauhi perkara mungkar

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

4 Antara berikut merupakan punca keruntuhan perkahwinan **kecuali**
- i Tidak mengutamakan diri sendiri sahaja
- ii Rajin berusaha memenuhi keperluan keluarga
- iii Tidak melaksanakan tanggungjawab
- iv Menghayati Islam

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

5 Dengan adanya institusi perkahwinan
- i Nasab seseorang dapat diketahui
- ii Masalah sosial tidak dapat diatasi
- iii Maruah diri tidak terpelihara
- iv Terpelihara daripada fitnah

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

## BAHAGIAN B : Respon terhad.

**Soalan 6 hingga 20**

Tuliskan istilah yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Penceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar gantirugi kepada suami. | 1 |
| 7 | Penceraian menurut keputusan kadi disebabkan tidak memenuhi syarat semasa akad nikah. | 1 |
| 8 | Pembubaran ikatan perkahwinan menggunakan lafaz talak atau yang seumpama dengannya. | 1 |

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| | | |
|---|---|---|
| 1 | 9 | Penceraian merupakan perkara yang tidak dibolehkan malahan dibenci oleh Allah s.w.t |
| 1 | 10 | Perkahwinan boleh memberikan ketenangan jiwa |
| 1 | 11 | Anak wajib menjaga maruah diri dan ibu bapa |
| 1 | 12 | Nikah pada bahasa bermaksud penyatuan |

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan mengenai kepentingan perkahwinan dalam Islam

| X | Terhadap individu |
|---|---|

| Y | Terhadap masyarakat |
|---|---|

| | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 13 | Melahirkan zuriat yang sah | |
| 1 | 14 | Melahirkan ikatan perpaduan yang kukuh | |
| 1 | 15 | Menjamin keluhuran peribadi | |
| 1 | 16 | Mengelakkan kekacauan | |

Carta di bawah menunjukkan rukun nikah




Tuliskan rukun-rukun nikah tersebut :

17 P : ________________

18 Q : ________________

19 R : ________________

20 S : ________________

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Perkahwinan amat dituntut oleh Islam.
Nyatakan pengertian perkahwinan dari segi bahasa dan istilah.

2. Jelaskan **dua** hikmat perkahwinan dalam Islam.

3. Jelaskan **dua** kriteria sesuatu perkahwinan yang boleh menjadi ibadat.

4. Jelaskan **tiga** tanggungjawab suami.

5. Perkahwinan dapat membentuk keluarga bahagia.
Nyatakan **dua** tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak.

6. Jelaskan **dua** tanggungjawab isteri.

7. Huraikan **dua** bukti perkahwinan dapat membentuk akhlak manusia.

8. Terangkan **tiga** faktor keruntuhan institusi perkahwinan.

9. Jelaskan **dua** bukti keengganan berkahwin boleh mendatangkan keburukan.

10. Cadangkan **dua** cara penyelesaian masalah dalam perkahwinan.

11. Nyatakan **tiga** hikmat penceraian.

# PELAJARAN 6 UNIT 4
# FALSAFAH JENAYAH

## Pengertian Jenayah

**Bahasa**

Dosa atau Kesalahan

**Istilah Syarak**

*Dari segi istilah syarak bermaksud setiap perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada berlaku terhadap nyawa, anggota tubuh badan, harta dan lain-lain lagi*

**Falsafah Jenayah**

Peraturan dan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. terhadap kesalahan yang melibatkan pencerobohan terhadap nyawa, anggota tubuh badan, serta harta benda manusia. Peraturan dan hukuman yang ditetapkan itu adalah untuk menjamin keselamatan dan kestabilan hidup manusia

## Contoh Perlakuan jenayah

- Mencuri
- Mengabaikan solat
- Minum arak
- Mengabaikan berpuasa pada bulan Ramadan
- Berzina
- Mendedahkan aurat
- Rasuah
- Berkhalwat
- Menghisap dadah
- Lain-lain perbuatan dosa

## Jenis Hukuman Jenayah Menurut Islam

- Hudud
- Qisas
- Takzir
- Diat

# Hukum Hudud

## Pengertian Hudud

**Bahasa**

Batasan atau Sempadan

**Istilah Syarak**

Dari segi Syarak hudud bermaksud kesalahan dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak serta wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.

| BIL | KESALAAHN HUDUD | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 1 | Qazaf | • Disebat 80 kali sebatan |
| 2 | Meminum arak | • Disebat 40 kali sebatan |
| 3 | Mencuri | • Dipotong tangan di pergelangan tangan |
| 4 | Merompak | • Sekiranya menggangu ketenteraman awam hendaklah dipenjara atau dibuang daerah<br>• Jika mengambil harta tanpa membunuh, hendaklah di potong tangannya<br>• Sekiranya membunuh hendaklah di bunuh<br>• Sekiranya merompak dan membunuh, hendaklah di bunuh dan di palang |
| 5 | Berzina | • Jika belum berkahwin, hukumannya disebat sebanyak 100 kali<br>• Jika telah berkahwin hukumannya di rejam sehingga mati |
| 6 | Murtad | • Di bunuh setelah disuruh bertaubat  dan di beri tempoh yang tertentu |

## Hikmat / Kepentingan Hukum Hudud

1. Penjenayah tidak lagi berani mencuri harta orang lain, kesannya orang ramai dapat mengumpul harta dengan selamat
2. Penjenayah akan insaf dan tidak lagi mengulangi kesalahan yang sama, kesannya keamanan dapat diwujudkan dalam masyarakat
3. Manusia bebas bergerak untuk mencari harta tanpa takut hartanya dicerobohi dan di rompak oleh orang lain
4. Akidah umat Islam terpelihara dan gejala murtada tidak akan berlaku secara berleluasa
5. Maruah dan harga diri umat Islam akan terjaga

## Sebab segelintir umat Islam masih meragui hukum Hudud

- Jahil tentang hukum Islam
- Tiada keimanan kepada Allah SWT
- Lebih mementingkan keduniaan dan hawa nafsu
- Menganggap hukuman hudud ketinggalan dan menghalang kemajuan negara
- Menganggap hukuman hudud zalim

# Hukum Qisas

## Pengertian Qisas

**Bahasa**

Qisas dari segi bahasa bermaksud mengikut sesuatu yang terdahulu

**Istilah Syarak**

Dari segi syarak qisas bermaksud hukuman dan kesalahan yang telah ditetapkan oleh syarak bagi kesalahan yang melibatkan kecederaan anggota tubuh badan dan nyawa

| BIL | KESALAHAN QISAS | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 1 | Membunuh dengan sengaja | • Dibunuh balas |
| 2 | Mencederakan anggota tubuh badan | • Dicederakan sebagaiman dia mencederakan mangsanya |

## Kepentingan Hukum Qisas

- Dapat melindungi jiwa yang tidak berdosa daripada di zalimi, Contohnya hanya orang yang bersalah sahaja yang akan dijatuhkan hukuman
- Pembalasan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Contohnya orang yang membunuh akan dikenakan hukuman bunuh
- Menjamin keamanan dan ketenteraman hidup manusia

# Hukum Takzir

## Pengertian Takzir

**Bahas**: Mencegah atau menahan

**Istilah Syarak**: Dari segi syarak takzir bermaksud kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim atau kadi untuk menentukannya

| BIL | KESALAAHN TAKZIR | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 1 | • Kesalahan hudud atau qisas yang tidak cukup bukti untuk disabitkan kesalahan | • Nasihat<br>• Teguran<br>• Ancaman<br>• Pemulauan<br>• Peristiharan awam<br>• Denda<br>• Merampas harta benda pesalah<br>• Sebatan<br>• Buang Daerah<br>• Penjara |
| 2 | • Kesalahan khalwat, mencuri yang tidak cukup nisab dan sebagainya | |
| 3 | • Perbuatan yang boleh menggangu ketenteraman awam, seperti mengumpat, rasuah, kesalahan jalan raya dan sebagainya | |

## Kepentingan hukuman Takzir

1. Nasihat yang baik mampu membaiki diri
2. Pesalah akan insaf diatas kesilapan yang dilakukan
3. Pesalah akan terhina dan hidupnya tersisih
4. Pesalah akan malu dengan kesalahan yang telah dilakukannya
5. Menakutkan orang ramai dengan hukuman yang dikenakan
6. Supaya penjenayah tersisih daripada masyarakat dan memulakan hidup

# Hukum Diat

## Pengertian Diat

**Bahasa**

Membayar denda

**Istilah Syarak**

Dari segi syarak diat bermaksud harta benda yang wajib diberikan kepada waris orang yang di bunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

**Kesalahan Diat**

Pembunuhan yang dilakukan secara tidak sengaja

**Hukuman dikenakan**

- Pesalah akan dikenakan diat kepada keluarga mangsa, manakala jumlahnya akan ditentukan oleh mahkamah

## Kepentingan hukum diat

- Memberikan jaminan sosial kepada masyarakat dalam soal ganti rugi
- Memberi peluang kepada penjenayah untuk bertaubat atas kesalahan yang dilakukannya secara tidak sengaja
- Membuktikan bahawa ajaran Islam menganjurkan umatnya supaya bermaaf-maafan
- Mengelakkan keluarga mangsa membalas dendam dan membelakangi undang-undang
- Memberikan pengajaran kepada masyarakat supaya menjauhi perbuatan jenayah

## Keistimewaan Hukum Jenayah Islam

Individu

- Individu akan insaf dan segera bertaubat kepada Allah SWT
- Menjaga nyawa dan keselamatan harta benda daripada dicerobohi
- Membentuk keperibadian muslim yang sejati

### Masyarakat

- Memberi pengajaran dan keinsafan kepada masyarakat
- Mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni
- Mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab

### Negara

- Negara bertambah maju
- Negara akan menjadi negara contoh kepada negara lain
- Negara aman dan damai

## Hikmat disyariatkan hukum jenayah Islam

- Untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan negara dan masyarakat
- Untuk memberi pengajaran kepada penjenayah dan masyarakat
- Supaya perbuatan jenayah tidak berleluasa

### Sebab Islam melarang perbuatan Jenayah

- Perbuatan jenayah boleh merosakkan iman seseorang
- Jenayah boleh membinasakan diri dan kehidupan seseorang
- Jenayah boleh menimbulkan pergaduhan dalam masyarakat
- Perbuatan jenayah menyebabkan negara dan masyarakat berada dalam keadaan huru-hara

## Cara Undang-undang jenayah Islam melahirkan Keamanan dalam masyarakat

- Hukuman jenayah Islam adalah adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan
- Hukuman dalam jenayah Islam adalah tegas dan keras, menyebabkan penjenayah takut untuk mengulangi lagi perbuatan jenayah. Kesannya negara menjadi aman
- Hukumannya mengandungi unsur pendidikan kepada penjenayah dan masyarakat

### Hikmat Allah menetapkan hukuman kepada penjenayah

- Untuk membentuk keperibadian muslim yang sejati
- Untuk menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah
- Memberi kesedaran dan pengajaran kepada penjenayah dan orang ramai
- Membuktikan bahawa Islam memandang keji kepada perbuatan jenayah

**Cara menghindarkan diri daripada perbuatan jenayah**

- Mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya dalam kehidupan seharian
- Mengetahui kesan daripada perbuatan jenayah
- Mengenakan hukuman yang setimpal keatas penjenayah supaya menjadi teladan kepada orang lain
- Mendalami ilmu dan pengetahuan mengenai jenayah

## Bukti Pelaksanaan hukum jenayah Islam dapat menyelesaikan pelbagai masalah jenayah dalam negara

- Pelaksanaan Hukum hudud seperti memotong tangan bagi kesalahan mencuri, kesannya akan menjauhkan manusia daripada perbuatan mencuri kerana takut tangannya dipotong
- Pelaksanaan hukuman qisas seperti bunuh balas keatas pembunuh, kesannya boleh memberi pengajaran dan iktibar serta menakutkan orang lain daripada melakukan pembunuhan
- Pelaksanaan hukum takzir contohnya hukuman buang daerah ketas kesalahan berjudi, kesannya orang ramai takut untuk melakukan perbuatan tersebut

## Perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan bukan Islam

| Hukum Jenayah Islam | Hukum Jenayah Bukan Islam |
|---|---|
| Ciptaan Allah SWT | Digubal hasil daripada pendapat dan pengalaman pihak beruasa |
| Pelaksanaannya akan mendapat berkat dan | Tiada keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT |
| Kuasa pengampunan hukum qisas ditangan keluarga mangsa | Kuasa pengampunan teletak pada mahkamah |

# Kepentingan Taubat

**Maksud Taubat**

Kesal dengan dosa yang telah dilakukan dan berazam tidak akan melakukannya lagi

## Syarat-syarat taubat yang diterima oleh Allah:

- Bertaubat dengan ikhlas
- Menyesali dosa yang telah dilakukan
- Berhenti daripada melakukan dosa-dosa tersebut
- Benci kepada perbuatan tersebut jika dilakukan oleh orang lain
- Jika kesalahan tersebut melibatkan manusia, pesalah mestilah meminta maaf daripada nya

## Kepentingan taubat:

- Orang yang bertaubat mendapat keampunan dan petunjuk daripada Allah SWT
- Memperoleh kemenangan dan ketenangan jiwa
- Menjadikan orang yang bertaubat sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah SWT
- Akan melahirkan perasaan bersalah dan penyesalan kepada penjenayah

**PELAJARAN 6 : FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM**
**Unit 4 : Falsafah Jenayah**

## KERTAS 1

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada berlaku terhadap nyawa, diri dan harta merujuk kepada

A Pencerobohan
B Gejala sosial
C Kesalahan
D Jenayah

2 Keistimewaan hukum jenayah Islam kepada individu ialah
A Menjaga nyawa dan keselamatan harta daripada dicerobohi
B Mewujudkan keamanan dalam masyarakat
C Mewujudkan kemajuan dalam negara
D Perpaduan kaum dapat dieratkan

3 Hukuman Qisas boleh dijatuhkan kepada penjenayah berikut **kecuali**
A Baligh
B Berakal
C Berniat jahat
D Dilakukan dengan sengaja

4 Manakah antara berikut yang salah mengenai kesalahan dan hukumannya?

| | Kesalahan | Hukuman |
|---|---|---|
| A | Merompak harta tanpa membunuh | Penjara |
| B | Zina bagi yang belum kahwin | Disebat 100 kali |
| C | Kesalahan jalan raya | Denda |
| D | Minum arak | Disebat 40 kali |

5 Ali menembak Zainal yang disangka rusa ketika berburu di hutan

Situasi di atas boleh dihukum secara
i Takzir
ii Hudud
iii Qisas
iv Diat

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

6 Berikut merupakan perlakuan jenayah menurut Islam
- i Tidak menunaikan solat zohor ketika musafir
- ii Tidak berpuasa pada bulan Ramadan
- iii Memakai baju pelbagai fesyen
- iv Mengumpat

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

7 Syarat-syarat taubat ialah
- i Taubat dengan hati yang ikhlas
- ii Mengulangi kesilapan yang sama
- iii Menyesal atas dosa yang dilakukan
- iv Meminta maaf atas kesalahan yang dilakukan kepada manusia

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

8

| |
|---|
| Ahmad telah menuduh rakannya yang telah berkahwin melakukan zina tanpa sebarang bukti |

Apakah hukuman yang boleh dikenakan keatas Ahmad
- A Disebat 40 kali
- B Disebat 80 kai
- C Direjam sampai mati
- D Dipenjarakan dalam tempoh tertentu

**BAHAGIAN B : Respon terhad.**

Lengkapkan pernyataan tentang perbezaan hukum jenayah Islam dan hukum jenayah bukan Islam.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| Bil | Hukum Jenayah Islam | Hukum Jenayah Bukan Islam | |
|---|---|---|---|
| 9 | Berdasarkan ______________________ | Berdasarkan pendapat manusia | 1 |
| 10 | Kuasa pengampunan hukum qisas berada pada keluarga mangsa | Kuasa pengampunan berada pada ____________ | 1 |
| 11 | Hukumannya bermatlamatkan ______________sejagat | Hukumannya bermatlamatkan kebendaan | 1 |
| 12 | Berjaya mendidik jiwa manusia | ___________ mendidik jiwa manusia | 1 |

Tuliskan istilah yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| Bil | Pernyataan | Jawapan | |
|---|---|---|---|
| 13 | Kesalahan dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak serta wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah s.w.t | | 1 |
| 14 | Hukuman yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa | | 1 |
| 15 | Hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak | | 1 |
| 16 | Harta benda yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh | | 1 |
| 17 | Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa bukti | | 1 |

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | 18 | Kesalahan khalwat dikategorikan di bawah hukum takzir | |
| 1 | 19 | Kepentingan hukum diat adalah untuk membuktikan jaminan sosial kepada masyarakat dalam soal ganti rugi | |
| 1 | 20 | Hukuman qisas tidak boleh dijatuhkan ke atas orang yang berniat jahat | |
| 1 | 21 | Orang yang mengganggu ketenteraman awam hendaklah dipenjara dan dibunuh | |
| 1 | 22 | Hukuman ke atas kesalahan merompak dan membunuh ialah dibunuh serta dipalang | |

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruanganyang disediakan.

Faedah mengamalkan Perundangan Islam

| | | | |
|---|---|---|---|
| X | Hudud | Y | Qisas |

| | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 23 | Kesalahan membunuh | |
| 1 | 24 | Hukuman berupa menunaikan hak Allah s.w.t | |
| 1 | 25 | Kesalahan zina | |
| 1 | 26 | Boleh diganti dengan diat bagi kesalahan yang tidak disengajakan | |

Carta di bawah menunjukkan jenis kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman hudud




Tuliskan golongan-golongan tersebut :

27 P : ___________

28 Q : ___________

29 R : ___________

30 S : ___________

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1 Nyatakan maksud falsafah jenayah Islam.

2 Jelaskan pengertian istilah berikut menurut syarak :
   A) Qisas
   B) Hudud
   C) Takzir
   D) Diat

3 Jelaskan **tiga** hikmat pelaksanaan hukum qisas dan hudud.

4 Terangkan **tiga** hikmat pelaksanaan hukum diat.

5 Jelaskan bukti pelaksanaan hukum jenayah berteraskan Islam dapat menyelesaikan pelbagai masalah negara.

6 Sesetengah orang beranggapan hukuman bunuh terhadap orang murtad dianggap zalim.
Nyatakan alasan anda untuk menolak pendapat tersebut.

7 Jelaskan cara menangani masalah minum arak dalam kalangan remaja sekolah.

8 Terangkan kesan perbuatan mencuri dan merompak ke atas masyarakat.

9 Perbuatan mencuri masih berleluasa walaupun hukuman dijatuhkan ke atas pesalah.
Jelaskan **tiga** faktor perbuatan tersebut masih berlaku.

10 Jelaskan cara mengatasi masalah kecurian menurut Islam.

11 Jelaskan **tiga** perbezaan antara hukum jenayah islam dengan hukum jenayah bukan Islam.

12 Nyatakan keistimewaan hukum jenayah Islam terhadap individu

13 Nyatakan maksud jenayah berserta contoh.

Seorang lelaki dibicarakan di mahkamah syariah atas kesalahan minum arak

14 Apakah jenis jenayah menurut Islam bagi situasi di atas

15 Apakah hukuman yang sepatutnya dijatuhkan oleh hakim bagi kesalahan di atas menurut hukum syarak

# *PELAJARAN 7*
# *ASAS DAN PERTIMBANGAN PENYELESAIAN MASALAH MENURUT ISLAM*

## Pengertian Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah menurut Islam bermaksud menyelesaikan masalah umat manusia dilakukan berasaskan syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT dengan mengambil kira semua aspek kehidupan manusia yang meliputi ekonomi, politik, sosial, perundangan dan sebagainya.

## Matlamat Penyelesaian Masalah

### Diri dan Keluarga

- ***Dapat menambahkan keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT***
- ***Dapat memberi ketenangan dalam kehidupan kerana masalah dapat diselesaikan sehingga ke akar umbi***
- ***Dapat membangkitkan semangat untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa untuk menyelesaikan masalah tersebut***

### Masyarakat

- Keadilan dapat ditegakkan dalam masyarakat kerana cara penyelesaian masalah secara Islam amat mementingkan keadilan kepada semua.
- Dapat melahirkan semangat bekerjasama dan perpaduan dalam masyarakat, kerana penyelesaian masalah secara Islam memerlukan penglibatan semua pihak.
- Masyarakat dapat hidup dengan aman dan selesa, kerana masalah dapat diselesaikan dengan berkesan

### Negara

- Negara akan menjadi lebih maju dan di pandang tinggi oleh negara luar.
- Perpaduan rakyat akan bertambah kukuh
- Gejala sosial dan kemungkaran dalam negara dapat dihapuskan

## Keperluan Penyelesaian masalah berdasarkan Islam

1. Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah semula jadi manusia, kerana agama Islam adalah agama yang cintakan keamanan , kebaikan dan bencikan sesuatu yang boleh membawa kemusnahan sama seperti kehendak semula jadi manusia.
2. Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna dan meliputi semua aspek kehidupan manusia sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.
3. Islam memberi keadilan kepada semua manusia tanpa mengira kedudukan, pangkat dan keturunan seseorang.

# Sumber Penyelesaian masalah

**Al-Quran**

- Al-Quran merupakan sumber utama penyelesaian masalah menurut Islam. Segala hukum dan peraturan dalam Islam adalah sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dan kekal hingga ke hari akhirat.

As-Sunnah

- As-Sunnah merupakan sumber penyelesaian yang kedua selepas al-Quran kerana as-sunnah merupakan penerang dan penjelas kepada segala isi kandungan Al_Quran

**Al-Ijmak**

- Ijmak merupakan sumber penyelesaian masalah yang ketiga dalam Islam, di mana jika terdapat sesuatu masalah yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan Sunah maka Ijmaklah akan menjadi rujukan.

**Qias**

- Qias merupakan sumber keempat bagi menyelesaikan masalah dalam Islam, jika penyelesaian masalah tersebut tidak dinyatakan dengan jelas dalam ketiga-tiga sumber yang terdahulu.

## Sumber-sumber sampingan dalam menyelesaikan masalah

- **Al-Masalihul Mursalah**
- **Istihsan**
- **Uruf.**

## Bukti Islam mampu menyelesaikan masalah

1. **Islam telah mensyariatkan pelbagai peraturan dan hukum dalam mengawal setiap aktiviti manusia agar mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Contohnya hukum akidah, hukum etika dan hukum amaliyyah.**
2. **Islam juga telah menyediakan cara penyelesaian sesuatu masalah dengan terperinci dan bersistematik. Contohnya dalam menyelesaikan masalah pembuangan bayi Islam telah mengharamkan semua unsur yang boleh membawa kepada masalah tersebut seperti pergaulan bebas dan perzinaan**
3. **Islam menyediakan pembalasan ke atas semua perbuatan manusia sama ada di dunia dan akhirat, di mana jika seseorang itu terlepas daripada menerima pembalasan semasa di dunia , dia akan mendapat pembalasan semasa di akhirat.**

## PELAJARAN 7 : ASAS DAN PERTIMBANGAN PENYELESAIAN MASALAH MENURUT ISLAM

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Penyelesaian masalah secara Islam ialah menyelesaikan masalah manusia berdasarkan syariat Islam yang merangkumi seluruh aspek _____________manusia.

A Masalah
B Peraturan
C Kehidupan
D Perundangan

2 Terangkan matlamat menyelesaikan masalah menurut Islam terhadap negara.

A Masalah dapat dikawal
B Dapat mengenal pasti masalah
C Memajukan ekonomi dan sosial
D Membangkitkan semangat nasionalisme

3 Pilih pernyataan yang menerangkan matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat.

i Hidup dengan aman dan selesa
ii Membangkitkan keadilan
iii Melahirkan semangat bekerjasama
iv Membangkitkan semangat untuk berusaha

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, ii dan iv
D ii, iii dan iv

4 Mengapakah penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam?

A Masalah tidak berulang
B Masalah tidak menjadi lebih teruk
C Masalah dapat diselesaikan dengan mudah
D Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh

5 Al-Quran
Al-Hadis
Al-Ijmak
Al-Qias

Perkara di atas berkaitan dengan
A Sumber penyelesaian masalah
B Langkah penyelesaian masalah
C Matlamat penyelesaian masalah
D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

6 Nyatakan sumber sampingan penyelesaian masalah menurut Islam selain daripada sumber yang telah disepakati ulama.

i Uruf
ii Sanad
iii Al-Istihsan
iv Al-Masalihul Mursalah

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii,iii dan iv

7 Islam telah mengamalkan pelbagai hukum dan peraturan.
Islam menyediakan balasan atas semua perbuatan.

Pernyataan di atas berkaitan dengan:
A Penyelesaian masalah
B Sumber penyelesaian masalah
C Matlamat penyelesaian masalah
D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

## BAHAGIAN B

**Soalan 8 hingga 11 : Respon terhad**

*Lengkapkan pernyataan berikut*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

8. Penyelesaian masalah secara Islam bermaksud menyelesaikan masalah manusia berasaskan __________ dan al-hadis yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan. [1]

9. Penyelesaian masalah berdasarkan Islam memberikan ___________ kepada manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka. [1]

10. Hukuman orang yang mencuri telah ditetapkan dalam al-Quran, iaitu __________________. [1]

11. Islam menyediakan balasan atas semua __________ manusia, sama ada di dunia dan di akhirat. [1]

**Soalan 12 hingga 15**

*Tulliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa

12. Merupakan sumber utama penyelesaian masalah kehidupan manusia. [ ] [1]

13. Penjelasan kepada kandungan al-Quran yang umum. [ ] [1]

14. Kesepakatan ulama dalam menentukan sesuatu hukum. [ ] [1]

15. Menghubungkan hukum yang tidak ada nas kepada hukum yang ada nas kerana persamaan illat. [ ] [1]

**Soalan 16 hingga 23**

| Untuk kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| | *Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.*<br>*Tandakan ( x ) pada pernyataan yang SALAH.* | | |
| 1 | 16. | Al-Quran merupakan sumber penyelesaian masalah yang ketiga dalam Islam. | |
| 1 | 17. | Penyelesaian masalah secara Islam tidak dapat menyelesaikan masalah secara menyeluruh. | |
| 1 | 18. | Penyelesaian masalah secara Islam dapat menjamin kebahagiaan hidup. | |
| 1 | 19. | Islam dapat menyelesaikan semua masalah kehidupan manusia di dunia. | |
| 1 | 20. | Penyelesaian masalah secara Islam memberikan keadilan kepada manusia. | |
| 1 | 21. | Sistem Kapitalis dapat menyelesaikan masalah ekonomi semasa. | |
| 1 | 22. | Perpaduan ummah hanya dapat diwujudkan dengan perlaksanaan sistem demokrasi. | |
| 1 | 23. | Penyelesaian masalah secara Islam adalah menepati kehendak semua manusia. | |

*Carta di bawah menunjukkan sumber penyelesaian masalah secara Islam.*




Nyatakan perkara P dan Q bagi rajah di atas

24. P : ______________________________

25. Q : ______________________________

*Padankan pernyataan di bawah:*

| Matlamat Penyelesaian Masalah | | |
|---|---|---|
| (X)<br>Diri dan Keluarga | (Y)<br>Masyarakat | (Z)<br>Negara |

| Huraian | Jawapan |
|---|---|
| 26. Menegakkan keadilan dalam masyarakat. | |
| 27. Menghapuskan gejala sosial dan kemungkaran. | |
| 28. Memberikan ketenangan dalam kehidupan. | |

## KERTAS 2

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Berikan definisi penyelesaian masalah menurut Islam ?

2. Islam diturunkan oleh Allah s.w.t. bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia.
   Nyatakan matlamat penyelesaian masalah secara Islam .

3. Jelaskan matlamat penyelesaian masalah terhadap individu.

4. Terangkan matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat.

5. Huraikan matlamat penyelesaian masalah terhadap negara.

6. Penyelesaian masalah mesti dilakukan menerusi Islam. Huraikan pernyataan tersebut.
7. Senaraikan sumber-sumber utama penyelesaian masalah secara Islam.
8. Nyatakan sumber-sumber sampingan penyelesaian masalah secara Islam.
9. Islam mampu menyelesaikan masalah. Buktikan.
10. Bagaimanakah al-Quran menyelesaikan masalah kehidupan manusia.

# PELAJARAN 8
# CARA PENYELESAIAN MASALAH

## Langkah Penyelesaian Masalah

- Mengenal pasti masalah yang berlaku
- Mengenalpasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh
- Menguji kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah
- Melakukan penilaian semula.

## Perlakuan dalam menyelesaikan masalah

1. **Niat : Mempunyai niat yang betul dan baik untuk menyelesaikan masalah**

2. **Keazaman : Mempunyai keazaman yang tinggi untuk menyelesaikan masalah yang berlaku**

3. **Tindakan : Tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah mestilah betul dan menepati kehendak syarak**

4. **Tawakal : Iaitu berserah kepada Allah SWT untuk menentukan kejayaannya setelah segala usaha dan ikhtiar dilakukan dengan sempurna dan bersungguh-sungguh**

5. **Muhasabah : Iaitu menilai kelemahan dan kekuatan diri sendiri dalam usaha untuk menyelesaikan masalah**

## Amalan/cara dalam menyelesaiakan masalah

- **Melalui al-Quran**
- **Melalui al-Hadis**
- **Melalui tindakan yang betul dari pemerintah**
- **Melalui nasihat yang bijaksana**
- **Melalui dakwah yang berkesan**

- **Melalui pendidikan yang betul**
- **Melalui doa**
- **Melalui kesungguhan bekerja**
- **Melalui pegangan kepada agama Islam yang teguh**

# Amalan / Cara Penyelesaian Masalah

**Melalui Al-Quran**

Al-Quran merupakan sumber utama penyelesaian masalah menurut Islam. Segala hukum dan peraturan dalam Islam adalah sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dan kekal hingga ke hari akhirat serta sesuai digunakan pada setiap masa, keadaan dan tempat

**Isi kandungan al-Quran bolehlah dibahagikan kepada 5 perkara iaitu**

- Mengandungi hukum ibadat seperti kewajipan solat, puasa, zakat dan haji
- Mengandungi contoh dan teladan daripada kisah umat-umat yang terdahulu, seperti kisah nabi Yusuf dengan sudaranya, kisah Firaun dan sebagainya
- Mengandungi perkara mengenai keesaan Allah SWT atau tauhid dan keimanan terhadap perkara ghaib seperti surga, neraka, dosa, pahala dan sebagainya
- Mengandungi ilmu pengetahuan seperti ilmu geografi, matematik,
- Mengandungi undang-undang yang menjaga kepentingan umat manusia dan sesuai dipraktikkan di semua tempat, masa dan keadaan

# Amalan / Cara Penyelesaian Masalah

**Melalui al-Hadis**

Al-hadis merupakan sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran dan ia juga merupakan pentafsir dan penguat kepada al-Quran. Jika sesuatu hukum tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran, maka perkara tersebut akan di rujuk kepada al-hadis

**Melalui tindakan oleh pemerintah**

Pemerintah bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam negara. Rakyat pula mestilah mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh pihak pemerintah

Melalui nasihat yang bijaksana

- Nasihat mestilah dilakukan dengan cara yang bijaksana agar tidak menyinggung perasaan orang yang dinasihati. Amalan nasihat menasihati dapat menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dalam masyarakat

**Melalui Dakwah**

Dakwah merupakan satu usaha untuk mengubah suatu keadaan yang belum Islam kepada keadaan yang mempunyai nilai-nilai Islam. Ia merupakan suatu kewajipan keatas semua umat Islam. Melalui aktiviti dakwah manusia dapat didekatkan kepada perkara kebaikan dan menjauhi daripada perkara kejahatan. Usaha dakwah mestilah dilakukan secara berterusan tanpa mengira masa, tempat dan keadaan

**Cara berdakwah yang berkesan**

- Dengan cara memberi penerangan dan penjelasan tentang kebenaran dan keindahan Islam mengikut kemampuan orang yang mendengar
- Dengan cara memberi nasihat yang baik melalui contoh teladan yang terpuji
- Dengan cara mengadakan perbincangan dan perbahasan yang baik dalam bentuk ceramah, forum dan sebagainya
- Dengan cara menyalurkan khidmat kebajikan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat
- Dengan cara memberi penerangan dan ilmu pengetahuan yang sempurna

**Melalui pendidikan**

- Pendidikan yang sempurna dapat menjamin kehidupan seseorang kearah yang lebih baik. Melalui pendidikan manusia dapat mengeluarkan diri mereka daipada pelbagai masalah seperti kejahilan, mudah berputus asa dan malas untuk berusaha

**Melalui Doa**

Doa ialah cara untuk memohon kebaikan atau menolak sesuatu keburukan kepada Allah SWT. Seseorang yang menghadapi masalah mestilah berdoa kepada Allah SWT supaya masalah yang dihadapinya dapat diselesaikan dengan baik, setelah segala usaha dilakukan dengan sempurna

## Adab-adab berdoa

- Berdoa dengan ikhlas kepada Allah SWT
- Berada dalam keadaan suci daripada hadas kecil dan besar
- Berkeadaan khyusuk dan tenang
- Berdoa dengan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh serta tidak berputus asa
- Melunakkan suara ketika berdoa
- Memulakan doa dengan memuji Allah SWT dan mengakhiri doa dengan berselawat keatas nabi Muhammmad SAW

**Melalui Kesungguhan bekerja**

Bekerja dengan bersungguh-sungguh merupakan asas kejayaan. Melalui bekerja dengan bersungguh-sungguh, masalah dapat diselesaikan dengan baik.

**Melalui Pegangan agama yang teguh**

- Pegangan agama yang teguh menjadikan seseorang itu tidak mudah berputus asa dan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah dengan baik dan sempurna

**PELAJARAN 8 : CARA PENYELESAIAN MASALAH**

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1 Antara berikut, yang manakah langkah penyelesaian masalah seperti yang dianjurkan oleh Islam.

A Mengenal pasti setiap yang berlaku.
B Tidak perlu kepada penilaian semula.
C Tidak menitikberatkan punca masalah.
D Menghukum orang yang melakukan punca masalah.

2 Niat ⇨ Keazaman ⇨ Tindakan ⇨ Tawakkal ⇨ Muhasabah

Carta aliran di atas menerangkan:
A Kesan penyelesaian masalah.
B Langkah penyelesaian masalah.
C Amalan dalam penyelesaian masalah.
D Perlakuan dalam penyelesaian masalah.

3 Tawakal bermaksud.........................

A Berserah diri kepada Allah s.w.t. dengan melakukan segala perintah dan ajaran-Nya.
B Berserah diri kepada Allah s.w.t. dengan meyakini sepenuh hati keesaan dan kekuasaan-Nya
C Berserah diri kepada Allah s.w.t. setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.
D Berserah diri kepada Allah s.w.t. denga memohon ampun serta berjanji tidak akan melakukan dosa lagi.

4 Manakah antara berikut ***bukan*** ciri orang yang bertawakal kepada Allah s.w.t?

A Sentiasa berdoa.
B Reda dengan ketentuan Ilahi.
C Berusaha bersungguh-sungguh.
D Meyakini takdir Allah s.w.t.. tidak akan berubah.

5 Kepentingan tawakkal adalah:

i Meyakini takdir tidak akan berubah.
ii Reda dengan ketentuan Allah s.w.t.
iii Bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t.
iv Menguatkan azam untuk terus berusaha.

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

6 Antara berikut yang manakah ***tidak benar*** tentang amalan dalam penyelesaian masalah.

A Melalui kesungguhan bekerja.
B Melalui nasihat yang bijaksana.
C Melalui pegangan agama yang teguh.
D Melalui pembahagian tugas yang praktikal.

7 Berikut adalah cara berdakwah yang berkesan ***kecuali***:

A Memberikan penerangan yang jelas.
B Menyalurkan khidmat amal kebajikan.
C Meraikan perayaan pelbagai agama.
D Mengadakan perbincangan yang baik.

8 Adab – adab berdoa ialah:

i Hati yang ikhlas.
ii Berpakaian baru.
iii Melunakkan suara.
iv Mengadap kiblat.

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

9 Amalan dalam penyelesaian masalah ialah:

i Melalui al-Qias.
ii Melalui al-Quran.
iii Melalui tindakan pemerintah.
iv Melalui kesungguhan bekerja.

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

10 Perbuatan menilai diri sendiri

Pernyataan di atas berkaitan dengan:
A Niat
B Tawakal
C Keazaman
D Muhasabah

11 Apakah kepentingan melakukan penilaian semula dalam menyelesaikan sesuatu masalah secara Islam.

i Memuaskan hati semua pihak.
ii Memberikan keadilan kepada masyarakat.
iii Memastikan keberkesanan dan kesempurnaan.
iv Mendapat kepujian dan perhatian masyarakat.

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

Soalan 12 berdasarkan gambarajah di bawah.

Mengenal pasti masalah yang berlaku.

↓

X

↓

Mengenal pasti kaedah dan strategi untuk menyelesaikan masalah

↓

Menguji dan mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah.

Carta aliran di atas merupakan langkah yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

12. X ialah:
A Melakukan penilaian semula.
B Menerangkan akibat perbuatan berkenaan.
C Mengenal pasti punca masalah secarfa terperinci.
D Memberi nasihat secara berhemah.

**BAHAGIAN B : Respon terhad**

**Soalan 13 hingga 18**

*Lengkapkan pernyataan berikut*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

13. _________sesuai dirujuk bagi menyelesaikan masalah pada setiap masa, keadaan dan tempat. 1

14. ____ adalah cara memohon kebaikan atau menolak sesuatu keburukan kepada Allah s.w.t. 1

15. Kewajipan mengeluarkan ______ dan sedekah dapat mengeratkan perpaduan dan merapatkan jurang ekonomi antara golongan kaya dengan miskin. 1

16. Dalam mewujudkan negara yang aman, ___________ hendaklah menyelesaikan masalah berpandukan hukum Islam. 1

17. Setiap perbuatan bergantung kepada _____ individu. 1

18. Setelah berusaha kita hendaklah __________ kepada Allah s.w.t. 1

**Soalan 19 hingga 22**

*Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19. | Berserah diri kepada Allah setelah berusaha. | | 1 |
| 20. | Suatu perbuatan menilai diri sendiri. | | 1 |
| 21. | Permintaan kepada Allah s.w.t. untuk memohon kebaikan atau menolak bala. | | 1 |
| 22. | Menyeru manusia ke arah kebaikan dan menjauhi kejahatan. | | 1 |

**Soalan 23 hingga 29**

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

*Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.*
*Tandakan ( x ) pada pernyataan yang SALAH.*

| Pemeriksa | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 23. | Merujuk kepada orang yang berilmu merupakan salah satu cara penyelesaian masalah secara Islam. | |
| 1 | 24. | Kemiskinan dapat diatasi dengan memberikan wang sara diri kepada penganggur. | |
| 1 | 25. | Perbezaan warna kulit dan taraf hidup tidak menghalang wujudnya kerjasama dan toleransi. | |
| 1 | 26. | Nasihat hendaklah secara bijaksana tanpa menyinggung perasaan orang lain. | |
| 1 | 27. | Punca masalah dikaji setelah dilakukan penilaian. | |
| 1 | 28. | Kaedah dalam penyelesaian masalah diperlukan setelah mengenal pasti puncanya. | |
| 1 | 29. | Keazaman sudah memadai dalam menyelesaikan sesuatu masalah. | |

**Soalan 30 hingga 31**

*Carta di bawah menunjukkan asas amalan dalam penyelesaian masalah.*




Nyatakan perkara P dan Q bagi rajah di atas

30. P : ______________________________

31. Q : ______________________________

*Jawapan soalan berikut berdasarkan jadual di bawah:*




Tuliskan sikap yang mesti diterapkan ke dalam diri seseorang dalam menyelesaikan sebarang permasalahan.

32. P : ____________________________

33. Q : ____________________________

34. S : ____________________________

**KERTAS 2**

*Jawapan semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Terangkan langkah-langkah penyelesaian masalah menurut Islam.
2. Senaraikan perlakuan utama dalam penyelesaian masalah.
3. Bagaimanakah cara penyelesaian masalah secara Islam?
4. Jelaskan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh pendakwah.
5. Bagaimanakah cara berdakwah yang berkesan?
6. Mengapakah aktiviti dakwah mesti diteruskan?
7. Bagaimanakah cara anda berdakwah di sekolah?
8. Nyatakan adab-adab berdoa.
9. Jelaskan kesan doa terhadap peribadi muslim.
10. Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani masalah kejahilan umat Islam.
11. Nyatakan takrif tawakal.
12. Apakah maksud muhasabah?
13. Terangkan kepentingan melakukan penilaian semula dalam menyelesaikan sesuatu masalah secara Islam.

# PELAJARAN 9
# ISU MASALAH DAN CARA PENYELESAIAN MENURUT ISLAM

# Perpaduan Ummah

Pengertian membina perpaduan ummah.

Perpaduan ummah bermaksud manusia hidup dalam sebuah masyarakat yang sayang menyayangi dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Perpaduan dalam Islam meliputi semua manusia tanpa mengira keturunan, warna kulit, bahasa, bangsa dan pangkat seseorang

## Bidang Isu

Perpaduan ummah Islam sekarang ini telah menjadi begitu rapuh dan mudah dihancurkan oleh anasir yang tidak bertanggungjawab. Ketiadaan perpaduan bukan saja menghancurkan ummah Islam malahan memberi kesan yang buruk kepada agama Islam itu sendiri.

## Langkah-langkah penyelesaian Isu

### Melalui akidah,

Kepercayaan dan keyakinan kepada akidah yang sama, iaitu kepercayaan kepada Allah SWT yang satu merupakan asas bagi mewujudkan perpaduan. Al-quran telah menjelaskan dasar perpaduan Ummah dan melarang perpecahan

### Melalui syariah:

- Syariat Islam telah mewujudkan pelbagai peraturan untuk mengeratkan perpaduan sesama manusia seperti kewajipan berzakat dan sedekah bagi merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara golongan kaya dengan miskin.
- Islam mengharamkan perbuatan menyebarkan fitnah kepada orang lain dengan mengenakan hukuman yang berat ke atas penyebar fitnah bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan ummah

### Melalui Akhlak:

- Islam memerintahkan umatnya supaya sentiasa bersifat toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain.
- Ajaran Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kejahatan dengan sentiasa melakukan amar makruf dan nahi mungkar

## Kesan penyelesaian masalah Perpecahan ummah:

- Dapat menjana kekuatan ummah yang sejati
- Umat Islam akan menjadi umat yang diteladani dalam semua bidang kehidupan

## Cara untuk membentuk perpaduan ummah:

- Sentiasa mewujudkan perasaan kasih sayang antara satu sama lain dengan sentiasa bertanya khabar dan sebagainya
- Bantu-membantu antara satu sama lain
- Menghormati hak-hak jiran seperti sentiasa tidak membuat bising

# Kecemerlangan pendidikan

## Pengertian Kecemerlangan pendidikan:

Kecemerlangan dalam proses membentuk keperibadian manusia yang melibatkan penyesuaian terbaik untuk perkembangan mental dan fizikal. Kecemerlangan ini tergambar melalui intelektual, emosi, sikap dan tindakan manusia terhadap persekitarannya.

# Bidang Isu

Kelemahan dalam bidang pendidikan akan menyebabkan umat Islam ketinggalan dalam semua segi dan senang dijajah oleh negara asing

# Langkah-langkah penyelesaian Isu

## Melalui akidah,

- Meyakini bahawa Islam menyuruh umatnya supaya menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh
- Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud " Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri Cina "
- Yakin bahawa orang yang berilmu akan dimuliakan oleh Allah SWT di dunia dan akhirat.

**Kesan penyelesaian masalah kejahilan ummah:**

- Mewujudkan budaya ilmu dalam masyarakat.
- Negara Islam akan menjadi pusat perkembangan Ilmu

**Cara untuk membentuk Kecemerlangan pendidikan :**

- Membaca bagi menambahkan ilmu
- Sentiasa membuat analisis dan kajian
- Sentiasa berdisiplin dan menepati masa.

## Kekuatan ekonomi

**Pengertian Kekuatan ekonomi :**
Menggunakan segala daya usaha yang dibenarkan oleh syarak bagi mendapatkan sumber ekonomi dan harta untuk membina dan membangun ekonomi.

## Bidang Isu

Umat Islam dewasa ini merupakan umat yang lemah dari segi penguasaan ekonomi dan kekayaan negara. Umat Islam hanya menjadi penonton kepada perkembangan ekonomi yang dimainkan oleh orang lain

## Langkah-langkah penyelesaian Isu

**Melalui akidah,**

1. Meyakini bahawa membangunkan ekonomi adalah merupakan cara mendekatkan diri dengan Allah SWT, kerana terdapat ibadat-ibadat tertentu yang memerlukan harta bagi melaksanakannya seperti zakat, haji, sedekah dan sebagainya.
2. Meyakini bahawa kemiskinan boleh membawa seseorang kepada kekufuran.

**Melalui syariah:**

1. Islam mewajibkan umatnya mencari harta melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Jumaah ayat 10 yang bermaksud : Apabila telah ditunaikan solat maka bertebaranlah kamu di atas muka bumi dan carilah kurnia Allah SWT dan ingatlah kepada Allah SWT sentiasa, semoga kamu beruntung.
2. Islam telah menyediakan pelbagai kaedah kegiatan ekonomi untuk membina kekuatan ummah berdasarkan kepada prinsip-prinsip muamalah Islam.

**Kesan penyelesaian masalah kemunduran ekonomi ummah**

- Negara Islam dapat menguasai ekonomi dan menjadi pusat perdagangan terkemuka dunia.
- Negara Islam akan menjadi peneraju kepada perkembangan ekonomi dunia.

**Cara untuk membentuk kekuatan ekonomi ummah :**

- Bekerja dengan bersungguh-sungguh
- Menjaga kualiti barangan dan mutu kerja
- Berhemah dalam berbelanja

# Jati Diri Ummah

**Pengertian Jati diri ummah :**

Jati diri bermaksud umat Islam memiliki daya kreativiti, inovatif dan produktif serta tidak mudah lemah semangat dalam melaksanakan sesuatu dan sentiasa mempunyai wawasan dalam kehidupan. Mampu menguruskan diri sendiri dan menghasilkan produktiviti yang bermutu.

# Bidang Isu

Umat Islam sering di hina dan di pandang rendah oleh bangsa-bangsa lain kerana mereka tiada jati diri dan lemah dalam semua bidang. Sedangkan umat Islam merupakan umat yang terbaik kerana mereka merupakan pilihan Allah SWT.

# Langkah-langkah penyelesaian Isu

### Melalui akidah,

- Meyakini bahawa Allah SWT memandang mulia kepada orang-orang yang mempunyai jati diri yang teguh. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Munafiqun ayat 8 yang bermaksud : Kemuliaan itu hanyalah bagi Allah SWT, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman
- Mengakui bahawa umat yang diakui oleh Allah SWT sebagai umat pilihan hanya lah umat yang mempunyai jati diri.

### Melalui syariah:

- Membina jati diri adalah merupakan fardu kifayah yang mesti ditunaikan oleh Umat Islam
- Islam mewajibkan umatnya menyediakan kekuatan dan kepakaran yang setanding dengan umat-umat lain

### Melalui Akhlak:

- Islam mewajibkan umatnya belajar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tekun bagi membina jati diri.
- Islam menyuruh umatnya supaya bersikap positif dalam mempelajari sesuatu bidang yang baru dan berpandangan jauh dalam merangka sesuatu perancangan.

### Kesan penyelesaian masalah ketiadaan jatidiri ummah

- Umat Islam dapat berdikari
- Negara dan umat Islam akan di hormati dan di geruni oleh negara lain.
- Negara Islam akan menjadi sebuah negara yang maju dan dapat memimpin negara lain.

### Cara untuk membentuk jatidiri ummah :

- Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran
- Melalui perancangan yang kemas dan tersusun
- Melalui penggunaan sumber tenaga yang baik dan berkesan

# Jaminan Keselamatan

**Pengertian menjamin keselamatan :**

Islam menjamin keselamatan semua manusia yang berada dalam negara Islam. Jaminan tersebut termasuklah keselamatan akidah, harta benda dan jaminan sosial.

## Bidang Isu

Bidang Isu

Kewujudan pelbagai masalah dalam negara seperti ancaman perkauman, perasaan curiga mencurigai, rompakan dan sebagainya menjadikan negara tidak aman dan menimbulkan perasaan takut di kalangan warganya.

## Langkah-langkah penyelesaian Isu

Langkah-langkah penyelesaian Isu

**Melalui akidah,**

- Meyakini bahawa Allah SWT mewajibkan setiap umat Islam menjaga keselamatan diri sendiri dan orang lain.
- Meyakini bahawa Islam melarang umatnya daripada melakukan perbuatan yang boleh mencetuskan kekacauan dan huru hara dalam negara.

**Melalui syariah:**

- Islam telah mensyariatkan hukum jihad bagi mempertahankan negara daripada pencerobohan dan musuh.
- Islam telah mensyariatkan hukuman yang berat kepada orang yang melakukan pemberontakan dan perbuatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

**Kesan penyelesaian masalah ketiadaan jaminan keselamatan**

- Keamanan masyarakat dapat dikekalkan.
- Rakyat dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.
- Kehidupan masyarakat menjadi aman dan tenang.

# Mewujudkan kesaksamaan sosial

**Pengertian mewujudkan kesaksamaan sosial** :
Satu usaha yang berterusan untuk mewujudkan hubungan baik sesama manusia di samping menjauhi keburukan yang boleh membawa kepada perpecahan, perbalahan, kekacauan dan sebagainya

## Bidang Isu

Masyarakat Islam hari ini kurang prihatin kepada masalah orang lain kerana masih terdapat perasaan perbezaan status dan mementingkan diri sendiri.

## Langkah-langkah penyelesaian Isu

**Melalui akidah,**

- Meyakini bahawa Allah SWT telah memerintahkan umat supaya sentiasa prihatin dengan golongan yang tidak bernasib baik dengan sentiasa menolong mereka.
- Yakin bahawa Islam tidak pernah membiarkan mereka yang tidak bernasib baik tanpa pembelaan dan bantuan

**Melalui syariah:**

- Islam telah mensyariatkan kewajipan zakat bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik
- Mewajibkan golongan kaya menunaikan kewajipan lain selain daripada zakat seperti menunaikan hak-hak jiran, sedekah, korban dan sebagainya.

**Melalui Akhlak:**

- Sentiasa prihatin dengan penderitaan dan kesengsaraan orang lain
- Sentiasa melakukan kebajikan dengan ikhlas.

**Kesan penyelesaian masalahketiadaan kesaksamaan sosial:**

- Keadilan sosial dapat ditegakkan kepada semua ahli masyarakat
- Jurang perbezaan sosial antara masyarakat dapat dikurangkan.

**Cara untuk membentuk kesaksamaan sosial:**

- Mewujudkan hubungan baik sesama manusia.
- Sentiasa membantu golongan yang tidak bernasib baik
- Sentiasa melakukan kebajikan dengan ikhlas

## PELAJARAN 9 : ISU, MASALAH DAN CARA PENYELESAIAN MENURUT ISLAM

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

*Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.*

1. Berikut merupakan cara mewujudkan perpaduan ummah menurut Islam, ***kecuali***:-

   A bekerjasama antara satu sama lain.
   B bertoleransi dalam semua perkara.
   C sayang-menyayangi antara satu sama lain.
   D hormat-menghormati antara satu sama lain.

2. Islam menyelesaikan masalah perpecahan masyarakat dengan cara.....

   A membangunkan ekonomi negara.
   B menunaikan semua permintaan rakyat.
   C mengadakan majlis kenduri dan sukan.
   D melaksanakan keadilan kepada semua manusia.

3. Antara langkah untuk mengatasi masalah pengangguran ialah_________

   A memberi elaun sara hidup.
   B memberi kursus kemahiran.
   C menanggung perbelanjaan harian.
   D menggalakkan rakyat memberi sedekah.

4. Berikut merupakan cara mewujudkan jati diri ummah.

   i Melalui latihan bina semangat.
   ii Melalui perancangan yang kemas.
   iii Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran.
   iv Melalui penggunaan sumber tenaga yang baik.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

5. Kesaksamaan sosial dapat dibentuk melalui akhlak Islam dengan cara:

   i bertawakal dalam setiap tindakan.
   ii mensyariatkan kewajipan zakat.
   iii melakukan kebajikan dengan ikhlas.
   iv pritahin terhadap penderitaan orang lain.

   A i dan ii
   B ii dan iii
   C iii dan iv
   D i dan iv

6. Langkah penyelesaian isu adalah

   i melalui Sosial.
   ii melalui Akidah.
   iii melalui Syariat.
   iv melalui Akhlak.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

7. Kecemerlangan pendidikan boleh di bentuk melalui

   i disiplin dan menepati masa.
   ii membuat analisis dan kajian.
   iii membina sekolah-sekolah baru.
   iv membaca bagi menambah ilmu.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

8. 
   - Islam mensyariatkan hukum jihad.
   - Umat Islam perlu mengamalkan akhlak mulia.
   - Islam mengharamkan perbuatan yang mencetuskan huru-hara.

   Pernyataan di atas berkaitan dengan:

   A Jaminan keselamatan dalam Islam.
   B Keadilan sosial dalam Islam.
   C Kecemerlangan pendidikan dalam Islam.
   D Perpaduan ummah dalam Islam.

**BAHAGIAN B : Respon terhad**

**Soalan 9 hingga 17**

*Lengkapkan pernyataan berikut*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

9. ____________ ummah bermaksud sebuah masyarakat yang hidup sayang-menyayangi antara satu sama lain. [1]

10. Jaminan ____________ adalah kesediaan melindungi keselamatan terhadap agama, akal, harta, maruah dan negara. [1]

11. Kekuatan ________ masyarakat adalah pemangkin kemajuan dan kemakmuran negara. [1]

12. Islam mensyariatkan hukum menuntut ilmu sebagai satu __________ ke atas semua penganutnya. [1]

13. Sistem ekonomi yang teguh memerlukan masyarakat yang bersifat kreatif, inovatif dan ___________ [1]

14. Kecemerlangan ______________ bermaksud kejayaan dalam keperibadian manusia yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. [1]

15. Sikap _____________ dalam berbelanja dapat mewujudkan kekuatan ekonomi ummah. [1]

16. Ummah yang mempunyai ___________ sentiasa mempunyai wawasan dalam kehidupan serta mampu menguruskan diri untuk menghasilkan produktiviti yang berkualiti. [1]

17. ___________ asas kepada pembinaan jati diri umah. [1]

**Soalan 18 hingga 27**

*Tulliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

18. Sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dengan pendirian sendiri. 1

19. Segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat. 1

20. Kepercayaan dan keyakinan yang kuat terhadap Allah. 1

21. Mempunyai daya pengeluaran yang aktif. 1

22. Menghasilkan atau membawa pembaharuan ke arah yang lebih baik. 1

23. Tingkah laku, etika, moral atau sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang. 1

24. Keteguhan dan ketahanan hati dalam menghadapi dugaan hidup dengan penuh keredhaan. 1

25. Kepatuhan hamba kepada pencipta-Nya melalui tindakan dan perbuatan. 1

26. Segala hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia. 1

27. Mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. 1

**Soalan 28 hingga 29**

*Lengkapkan carta berikut:*




Nyatakan perkara P dan Q bagi rajah di atas

28. P : ____________________________

29. Q : ____________________________

**Soalan 30 berdasarkan rajah di bawah.**

*Lengkapkan dengan jawapan yang sesuai:*




30. P : ____________________

**KERTAS 2**

*Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.*

1. Apakah maksud perpaduan ummah?
2. Jelaskan cara mewujudkan perpaduan ummah.
3. Cadangkan cara - cara memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar.
4. Terangkan cara Islam menyelesaikan masalah perpaduan ummah dari aspek akidah.
5. Terangkan cara Islam menyelesaikan masalah perpaduan ummah dari aspek syariat.
6. Terangkan cara Islam menyelesaikan masalah perpaduan ummah dari aspek akhlak.
7. Jelaskan kesan penyelesaian masalah perpaduan ummah secara Islam.
8. Huraikan kesan perpaduan ummah terhadap negara.
9. Nyatakan pengertian Kecemerlangan Pendidikan menurut Islam.
10. Jelaskan cara - cara untuk membentuk kecemerlangan dalam pendidikan.
11. Huraikan cara - cara Islam menyelesaikan masalah keciciran umat Islam dalam pendidikan melalui aspek akidah.
12. Huraikan cara Islam menyelesaikan masalah keciciran umat Islam dalam pendidikan melalui aspek syariat.
13. Huraikan cara Islam menyelesaikan masalah keciciran umat Islam dalam pendidikan melalui aspek akhlak.
14. Jelaskan kesan kecemerlangan pendidikan dalam Islam.
15. Jelaskan implikasi kemiskinan terhadap masyarakat.
16. Jelaskan implikasi kemiskinan terhadap negara.
17. Senaraikan faktor kemiskinan dalam kalangan umat Islam.
18. Bagaimanakah cara membasmi kemiskinan dalam masyarakat?
19. Bagaimanakah cara Islam menjana kekuatan ekonomi melalui akidah.
20. Bagaimanakah cara Islam menjana kekuatan ekonomi melalui syariat.
21. Bagaimanakah cara Islam menjana kekuatan ekonomi melalui akhlak.
22. Nyatakan pengertian kekuatan ekonomi.

23. Jelaskan kesan penyelesaian masalah ekonomi secara Islam.
24. Nyatakan maksud jati diri ummah.
25. Jelaskan cara untuk mewujudkan jati diri ummah.
26. Jelaskan kesan jati diri ke atas umat Islam.
27. Penyelesaian masalah secara Islam dapat meneguhkan keimanan kepada Allah s.w.t. Sarankan langkah-langkah positif untuk memelihara iman.
28. Nyatakan pengertian toleransi.
29. Terangkan contoh toleransi di dalam kelas.
30. Nyatakan pengertian jaminan keselamatan.
31. Terangkan cara - cara Islam menyelesaikan isu jaminan keselamatan melalui akidah.
32. Terangkan cara - cara Islam menyelesaikan isu jaminan keselamatan melalui syariat.
33. Terangkan cara Islam menyelesaikan isu jaminan keselamatan melalui akhlak.
34. Sarankan langkah-langkah mewujudkan jaminan keselamatan.
35. Nyatakan kesan jaminan keselamatan dalam kehidupan.
36. Nyatakan maksud kesaksamaan sosial.
37. Jelaskan cara mewujudkan kesaksamaan sosial menurut Islam.
38. Terangkan cara - cara Islam menjana kesaksamaan sosial melalui akidah.
39. Terangkan cara - cara Islam menjana kesaksamaan sosial melalui syariat.
40. Terangkan cara Islam menjana kesaksamaan sosial melalui akhlak.
41. Nyatakan kebaikan kesaksamaan sosial dalam kehidupan.
42. Bagaimanakah cara institusi zakat boleh meningkat ekonomi negara dan umat Islam.
43. Berikan contoh pengabaian solat.
44. Terangkan cara mengatasi masalah pengabaian solat dalam kalangan pelajar.
45. Jelaskan cara menangani gejala lepak dalam kalangan remaja Islam masa kini.

46 Nyatakan faktor – faktor berlakunya jenayah ragut.

47. Bagaimanakah cara mengatasi masalah jenayah ragut?

48. Mengapakah para remaja begitu leka dan asyik dengan hiburan?

49. Kemukakan dua cadangan untuk menyekat fenomena asyik dengan hiburan yang keterlaluan.

50. Jelaskan faktor yang menyebabkan ajaran sesat masih berleluasa masa kini.

51. Cadangkan langkah-langkah untuk membendung ajaran sesat.

52. Kegiatan lumba haram makin berleluasa. Mengapakah perkara ini berlaku?

53. Berikan cadangan anda untuk mengatasi kegiatan lumba haram.

54. Apakah faktor yang menyebabkan berlaku gejala buli dalam kalangan pelajar.

55. Terangkan cara-cara mengatasi gejala buli dalam kalangan pelajar.

56. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya murtad.

57. Terangkan cara-cara mengatasi masalah murtad.

58. Mengapakah isu berkaitan makanan halal masih membelenggu umat Islam di Malaysia?

59. Kemukakan cara-cara untuk menangani isu makanan halal.

60. Mengapakah penularan penyakit AIDS semakin berleluasa dari hari ke hari?

61. Sarankan cadangan anda untuk mengatasi masalah murtad.

62. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlaku masalah ponteng di sekolah.

63. Cadangkan langkah-langkah mengatasi masalah ponteng di sekolah.

# PELAJARAN 10
# KELEBIHAN PENYELESAIAN MASALAH MENURUT ISLAM

## Kelebihan Penyelesaian Masalah secara Islam

- Meneguhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
- Memperkukuhkan keperibadian muslim
- Mewujudkan semangat juang dan bermotivasi
- Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah

### Kepentingan semangat juang dalam kehidupan muslim

- Seseorang itu akan sentiasa memperbaiki kelemahan diri sendiri
- Seseorang itu akan sentiasa bermotivasi dan tidak mudah berputus asa
- Menjadikan seseorang itu berdisiplin tinggi
- Menjadikan seseorang itu yakin kepada diri sendiri

## Contoh Penyelesaian masalah secara Islam

### Masalah Kemiskinan

- ✓ Islam mewajibkan zakat untuk membantu orang miskin
- ✓ Islam menggalakkan umatnya bantu membantu antara satu sama lain
- ✓ Islam menuntut umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh, amanah dan tekun
- ✓ Dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan samada dalam sektor kerajaan atau swasta

### Masalah Kejahilan

- Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu yang bermanfaat
- Al-Quran adalah sumber ilmu pengetahuan yang mesti dibaca, hayati dan diamalkan dalam kehidupan muslim
- Dengan memberikan kesedaran dan motivasi kepada umat Islam supaya menuntut ilmu yang bermanfaat
- Dengan melakukan penyelidikan dan kajian dalam sesuatu isu yang berbangkit

## Masalah Rasuah:

- Dengan menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- Dengan menyedarkan umat Islam supaya takut dengan azab Allah SWT
- Dengan mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan
- Dengan menyedarkan pesalah mengenai keburukan perbuatan memberi dan menerima rasuah

## Masalah Perpecahan Masyarakat

- Perlaksanaan undang-undang Islam dapat memberikan keadilan kepada semua pihak
- Islam mewajibkan semua anggota masyarakat supaya mematuhi undang-undang dan adat resam orang lain
- Islam mewajibkan semua orang menghormati pegangan agama oarang lain
- Islam melaksanakan keadilan kepada semua manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit

## Punca berlakunya perpecahan ummah

- Kelemahan iman dan takwa kepada Allah SWT
- Lemah dalam pengurusan ilmu sains dan teknologi
- Tiada kesedaran ntuk mempertahankan Islam dan umat Islam
- Leka dengan kemewahan dunia

# Ciri Penyelesaian Masalah Menurut Islam

- Penyelesaian dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu
- Penyelesaiannnya menepati kehendak syarak
- Penyelesaiannya dilakukan dengan bersungguh-sungguh
- Penyelesaian yang dibuat selepas dirujuk kepada orang yang berilmu dan pakar dalam sesuatu bidang

## Perbezaan antara penyelesaian masalah secara Islam dan Konvensional

| Penyelesaian cara Islam | Penyelesaian cara Konvensional |
|---|---|
| Sumber utama penyelesaian masalah secara Islam adalah daripada Allah SWT, seperti al-Quran dan al-Hadis | Sumbernya adalah berasaskan kepada kefahaman rasional manusia yang terbatas |
| Matlamatnya adalah untuk kebahagiaan hidup didunia dan akhirat | Matlamatnya adalah bersifatkan keduniaan dan sementara |
| Penyelesaiannya dapat menambahkan keyakinan dan ketakwaan kepada Allah SWT | Kaedah penyelesaian masalahnya akan menjauhkan diri daripada rahmat Allah SWT |
| Penyelesaiannya berteraskan nilai-nilai akhlak yang murni | Penyelesaianya lebih berteraskan kepada sentimen dan emosi |

## PELAJARAN 10 : KELEBIHAN PENYELESAIAN MASALAH MENURUT ISLAM

**KERTAS 1**

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif**

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1. Kelebihan penyelesaian masalah secara Islam adalah....

   i meneguhkan keimanan.
   ii mewujudkan perpaduan ummah.
   iii mencetuskan semangat juang.
   iv memuaskan hati semua pihak.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

2. Mengapakah penyelesaian masalah mesti dirujuk kepada orang yang berilmu?

   A Kerana mereka lebih dekat dengan Allah s.w.t.
   B Supaya penyelesaian dapat dibuat dengan senang.
   C Kerana mereka berpengalaman dan memahaminya.
   D Supaya masalah tersebut tidak berulang semula.

3. Ciri-ciri penyelesaian masalah menurut Islam:

   i Menepati kehendak syarak.
   ii Dilakukan secara sederhana.
   iii Dilakukan secara bersungguh-sungguh.
   iv Penyelesaian secara menyeluruh dan bersepadu.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

4. Kepentingan semangat juang dalam kehidupan muslim dapat:

   A mendisiplinkan diri.
   B meningkatkan kefahaman.
   C menambahkan keazaman.
   D mencapai cita-cita dengan mudah.

5. Punca utama berlakunya masalah perpecahan umat ialah:

   i kelemahan iman dan takwa kepada Allah.
   ii hidup dalam kemiskinan.
   iii tada kesedaran untuk mempertahankan Islam.
   iv lemah dalam penguasaan ilmu sains dan teknologi.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

6. Apakah peranan pemerintah untuk menyelesaikan masalah rasuah?

   i Kempen memerangi rasuah.
   ii Penguatkuasaan undang-undang.
   iii Berusaha meningkatkan taraf ekonomi rakyat.
   iv Memberi kesedaran tentang keburukan rasuah.

   A i, ii dan iii
   B i, ii dan iv
   C i, iii dan iv
   D ii, iii dan iv

7. Penyelesaian masalah secara Islam ialah:

   i bersifat keduniaan dan sementara.
   ii berteraskan akhlak yang mulia.
   iii berasaskan ketakwaan kepada Allah s.w.t.
   iv berteraskan kepada sentimen dan emosi.

   A i dan ii
   B ii dan iii
   C iii dan iv
   D i dan iv

**BAHAGIAN B : Respon terhad**

## Soalan 8 hingga 14

*Lengkapkan pernyataan berikut*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

8. Penyelesaian masalah yang dilakukan mengikut ___________ akan menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. [1]

9. Golongan kaya berkewajipan membantu golongan miskin melalui ________ sedekah dan derma. [1]

10. Setiap masalah dalam kehidupan manusia merupakan _____daripada Allah. [1]

11. Antara punca berlaku perpecahan umat ialah _____ dengan kemewahan hidup. [1]

12. Penyelesaian yang dibuat berpandukan ajaran Islam dapat menambahkan __________kepada Allah s.w.t. [1]

13. Ciri-ciri penyelesaian masalah menurut Islam adalah ____________ dan bersepadu. [1]

14. Penyelesaian masalah secara konvensional berdasarkan __________manusia. [1]

**Soalan 15 hingga 24**

| Untuk kegunaan Pemeriksa | Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan ( x ) pada pernyataan yang SALAH. | |
|---|---|---|
| 1 | 15. Penyelesaian masalah yang menepati kehendak syarak mendapat keredaan Allah s.w.t. | |
| 1 | 16. Seseorang yang menyelesaikan masalah mengikut nafsu akan beroleh kejayaan. | |
| 1 | 17. Pelaksanaan undang-undang Islam memberikan jaminan keadilan terhadap umat Islam dan bukan Islam. | |
| 1 | 18. Umat Islam dituntut supaya menyelesaikan sesuatu masalah mengikut kehendak syarak. | |
| 1 | 19. Penyelesaian masalah secara Islam menghubungkan kehidupan di dunia dengan akhirat. | |
| 1 | 20. Penyelesaian masalah secara Islam berteraskan nilai-nilai akhlak yang murni. | |
| 1 | 21. Penyelesaian masalah secara konvensional bermatlamat kebahagiaan dunia dan akhirat. | |
| 1 | 22. Sumber penyelesaian masalah menurut Islam berdasarkan akal pemikiran semata-mata. | |
| 1 | 23. Penyelesaian masalah hendaklah berteraskan sentimen dan emosi. | |
| 1 | 24. Masyarakat mestilah meraikan dan memuliakan agama semua kaum untuk menjamin perpaduan ummah. | |

**Soalan 25 hingga 32**

*Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.*

| X | Cara Islam |
|---|---|

| Y | Cara Konvensional |
|---|---|

| Untuk kegunaan pemeriksa | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 25. | Sumbernya berasaskan pemikiran manusia. | |
| 1 | 26. | Matlamatnya adalah untuk dunia dan akhirat. | |
| 1 | 27. | Dapat menambahkan keyakinan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. | |
| 1 | 28. | Lebih berteraskan kepada sentimen dan emosi. | |
| 1 | 29. | Penyelesaian masalah bersifat mendidik jiwa hamba. | |
| 1 | 30. | Sumber utama penyelesaian masalah ialah al-Quran dan al-Hadis. | |
| 1 | 31. | Bersifat keduniaan dan sementara. | |
| 1 | 32. | Menjauhkan diri daripada rahmat Allah s.w.t. | |

**Soalan 33 hingga 34**

*Lengkapkan dengan jawapan yang sesuai*:




Nyatakan perkara P dan Q dalam carta di atas.

33. P : ______________________________

34. Q : ______________________________

**KERTAS 2**

**Soalan 35 hingga 48**

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

1. Nyatakan kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam.
2. Terangkan kesan positif terhadap keperibadian seseorang yang menyelesaikan masalah menurut Islam.
3. Bagaimanakah penyelesaian masalah secara Islam dapat mewujudkan ketenangan dan kemantapan dalam kehidupan ummah?
4. Huraikan cara penyelesaian masalah secara Islam dapat menguatkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah swt.
5. Nyatakan contoh masalah yang dihadapi oleh umat Islam.
6. Bagaimanakah Islam menyelesaikan masalah kemiskinan ummah.
7. Terangkan cara Islam menyelesaikan masalah kejahilan ummah.
8. Terangkan sumbangan anda dalam usaha membasmi kejahilan masyarakat.
9. Huraikan cara membasmi gejala rasuah menurut Islam.
10. Terangkan cara Islam menangani perpecahan dalam masyarakat.
11. Jelaskan punca berlakunya masalah perpecahan umat.
12. Jelaskan ciri-ciri penyelesaian masalah secara Islam?
13. Jelaskan perbezaan antara penyelesaian masalah secara Islam dan konvensional?